



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 9	Isnin	3 April 2023
---------------	--------------	---------------------

K A N D U N G A N

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2023

(Halaman 35)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri]
4. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
5. Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
6. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
8. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
9. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
10. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
11. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
12. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
13. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
14. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
15. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
16. “ Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
17. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
18. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
19. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
21. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
22. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
23. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
24. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
25. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
26. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
27. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
28. “ Datuk Dr. Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
29. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
30. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
31. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
32. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

33. Yang Berhormat Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
34. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)
35. “ Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu)
36. “ Dato’ Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
37. “ Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis)
38. “ Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis)
39. “ Dato’ Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
40. “ Dato’ Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan)
41. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
42. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
43. “ Dato’ Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor)
44. ” Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak)
45. “ Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan)
46. Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah)
47. “ Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah)
48. “ Dato’ Ajis Bin Sitin (Pahang)
49. “ Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah)
50. “ Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang)
51. “ Dato’ Ahmad Bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak)
52. “ Puan Noraini Binti Idris (Sabah)
53. “ Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak)
54. Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka)
55. “ Dr. Lingeshwaran A/L Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang)
56. “ Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang)
57. “ Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
58. “ Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya)
59. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik)

AHLI TIDAK HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri]
2. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
3. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri]
2. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
3. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Tuan Anthony Loke Siew Fook [Menteri Pengangkutan] (Seremban)
2. “ Puan Fadhlina Binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
3. “ Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Menteri Perpaduan Negara] (Kanowit)
4. “ Dr. Zaliha Binti Mustafa [Menteri Kesihatan] (Sekijang)
5. “ Dato Hajah Rubiah Binti Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
6. “ Datuk Siti Aminah Binti Aching [Timbalan Menteri Perlindungan dan Komoditi] (Beaufort)
7. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan] (Kota Kinabalu)
8. “ Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Timbalan Menteri Ekonomi] (Mukah)
9. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir [Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan] (Johor Bahru)
10. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
11. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Iskandar Puteri)
12. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] (Pensiangan)
13. “ Tuan Adam Adli Bin Abd Halim [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Hang Tuah Jaya)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 3 April 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Sukacita dijemput Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Burung helang, burung hantu;
Soalan saya nombor satu.*

1. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apa tindakan yang diambil dalam mengatasi isu pelancong asing- *backpackers* yang menyalahgunakan Pas Pelancong dengan mengemis bagi menagih simpati untuk menampung perbelanjaan percutian mereka, dan nyatakan statistik golongan ini yang telah ditahan dan telah diambil tindakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Cuma burung helang jadi hantu itu yang payah sedikit itu, kan. Silakan.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: *[Ketawa]* Usaha untuk membanteras masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) merupakan satu usaha berterusan daripada pihak kerajaan. Dalam hal ini kementerian telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif bagi membendung kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI) dalam negara kita.

Kerajaan dalam usaha untuk memantapkan pengurusan warga asing dalam negara melalui langkah-langkah sebagaimana berikut. Pertama, melaksanakan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap,

mendakwa dan mengusir warga negara asing yang melanggar peraturan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Kedua, membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warga negara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing, institusi yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar, pasar borong serta kawasan-kawasan kediaman rakyat tempatan.

Selain daripada itu, kita memperketat kawalan dan pemeriksaan di semua pintu masuk ke negara ini dan pelawat-pelawat asing ke negara ini diwajibkan mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka *return ticket*, di samping semakan dibuat agar mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk menyara sepanjang berada di negara ini.

Jabatan Imigresen juga turut menjalankan operasi secara bersepadu dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain terutama Polis Diraja Malaysia, dalam menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. Jabatan Imigresen Malaysia turut melibatkan pihak berkuasa tempatan dalam menyalurkan maklumat keberadaan pendatang tanpa izin (PATI) dalam menangani masalah pendatang tanpa izin (PATI).

Setakat ini untuk makluman, Jabatan Imigresen Malaysia hanya menemui satu kes sahaja di Kuala Lumpur yang melibatkan dua orang warganegara Rusia. Mereka telah diberi amaran keras dan diminta berhubung dengan kedutaan masing-masing untuk mendapatkan bantuan. Terima kasih.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang dikemukakan tadi. Soalan pokok saya lebih kepada *backpackers* iaitu yang telah mempunyai visa pelancong dan sebagainya tetapi menimbulkan masalah kepada negara kita.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berusaha untuk memperketat sedikit syarat-syarat untuk membenarkan mereka masuk seperti penyata kewangan, hotel dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebut tadi *backpackers* ini tidak banyak yang kita menerima aduan. Setakat tadi hanya satu kes sahaja melibatkan dua orang warganegara Rusia sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa melakukan penambahbaikan bagi membolehkan urusan-urusan kemasukan pelancong asing ke negara ini, baik dan memuaskan semua pihak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah memohon dokumen dan maklumat tambahan akan dipraktikkan bergantung kepada profil individu, pengembara. Sekiranya Jabatan Imigresen Malaysia merasakan ada keperluan bagi menentu sahkan tujuan lawatan, keupayaan kewangan dan ketulenan, dokumen sokongan perlu dikemukakan.

Kalau kita lihat syarat-syarat biasa kemasukan pelancong dan warga asing bagi pemeriksaan imigresen di pintu masuk antarabangsa kita, pertamanya kita mesti melihat passport dan juga dokumen perjalanan yang sah. Selain itu, mempunyai visa yang sah bagi warganegara yang memerlukan visa untuk masuk ke Malaysia.

Kita juga boleh minta untuk menerangkan latar belakang diri dan tujuan lawatan serta sedia bekerjasama untuk menunjukkan dokumen yang berkaitan sepanjang saringan imigresen. Selain daripada itu, mana-mana mereka yang tidak tersenarai dalam senarai syak Jabatan Imigresen, ia mudah untuk masuk tetapi kepada mereka yang tergolong dalam senarai yang tidak diingini memang tidak akan dibenarkan masuklah.

Selain itu, syarat-syarat lain seperti mempunyai bukti tempahan penginapan, kemudahan tempat tinggal sepanjang di Malaysia dan juga mempunyai tiket sah untuk perjalanan datang dan pulang, itu juga antara perkara-perkara yang dilihat untuk membolehkan seseorang masuk dengan mudah ke negara ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan.

■ 1010

Akan tetapi seperti Timbalan Menteri mengatakan hanya dua kes sahaja tetapi untuk makluman Timbalan Menteri, jika Timbalan Menteri turun padang Kuala Lumpur, boleh mendapati banyak Orang Putih sebagai pengemis di Kuala Lumpur. Ini akan mencemarkan imej negara kita.

Tadi Timbalan Menteri pun mengatakan bahawa ada memastikan, ada visa pelancongan, tiket, dokumen pergi balik, dan anggaran perbelanjaan juga. Akan tetapi ini hanya untuk kategori Bangladesh atau India sahaja. So, soalan saya ialah, adakah syarat-syarat seperti visa pelancongan, tiket pergi balik, anggaran perbelanjaan itu ada bagi juga bagi pelancong-pelancong asing sebagai kemungkinan besar sebagai pengemis di negara kita itu. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Syarat yang saya sebutkan tadi terpakai kepada semua bukan hanya untuk Bangladesh ataupun negara yang disebutkan sahaja. Sebenarnya itu peraturan standard kemasukan ke negara ini.

Saya juga hendak sebut bahawa sebenarnya operasi yang kita buat melalui Imigresen memang banyak. Data yang saya sebutkan tadi hanya pada *backpackers*. Itu data laporan yang diterima oleh Jabatan Imigresen yang telah pun kita ambil tindakan. Kalau kita lihat data lain, sebenarnya misalnya saya boleh sebut pada tahun 2019 sebanyak 17,536 operasi kita jalankan. Maknanya operasi-operasi kita memang sentiasa lakukan sama ada dilakukan

sendiri oleh Jabatan Imigresen ataupun kolaborasi dengan pelbagai agensi dan pihak-pihak lain. Makna kata operasi-operasi ini memang banyak kita dapat ambil tindakan.

Misalnya pada tahun 2019, saya sebutkan tadi seramai 205,971 orang warga asing telah diperiksa dengan tangkapan seramai 501,300 orang PATI berserta dengan 1267 orang majikan telah ditangkap. Ini data 2019. Saya ada banyak lagi data-data lain. Mengambil masa untuk saya jelaskan di sini tetapi yang saya hendak sebut bahawa operasi memang kita lakukan dan kita sentiasa bersedia untuk menerima apa juga maklumat-maklumat daripada lain. Data ini boleh saya kongsi.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Timbalan Menteri, operasi memang diadakan tetapi adakah operasi itu berkesan atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh bersoal jawab. Soalannya sudah dijawab sedemikian. Bilangan 2 PN1521L08794 tidak hadir dengan izin. Maka terus kepada soalan ketiga Datuk Lim Pay Hen.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera dan selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor tiga.

3. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) statistik jumlah rumah *overhang* dan *sub-sales* mengikut pecahan setiap negeri, tempoh *overhang* dan *sub-sales* apabila rumah ini dibina di negeri seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor menjangkau kemampuan rakyat Malaysia serta *overhang* selama lima tahun ke atas; dan
- (b) berapakah jumlah sasaran Kementerian bagi warga asing berserta maklumat negara asal untuk membeli rumah *overhang* dan *sub-sales* di Malaysia?

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, soalan ini berkaitan dengan statistik. Jadi, saya cuba jawab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan unit dan nilai harta tanah siap dibina dengan CCC tetapi tidak terjual iaitu lambakan rumah tidak terjual *overhang* bagi tahun 2018 sebanyak 32,313 unit. Tahun 2019 sebanyak 30,664 unit. Tahun 2020 sebanyak 29,565 unit. Tahun 2021 sebanyak 36,863 unit. Tahun 2022 sebanyak 27,746 unit.

Berdasarkan maklumat tersebut, terdapat penurunan jumlah harta tanah tidak terjual bagi tempoh 2018-2020, dan peningkatan semula pada tahun 2021. Prestasi pasaran harta tanah merekodkan peningkatan kecil pada 2021 tetapi masih belum melepasi paras pra pandemik yang dicatatkan sebelum 2020. Tiga buah negeri utama yang mempunyai harta tanah tidak terjual yang tinggi secara purata bagi tempoh lima tahun adalah Johor, Pulau Pinang dan Perak.

Seterusnya, lambakan kediaman tidak terjual dalam tempoh sejak dilancarkan bagi suku ke-empat tahun 2022 di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor seperti Yang Berhormat telah sebutkan adalah seperti berikut.

Untuk Wilayah Persekutuan tempoh antara lima hingga 10 tahun sebanyak 3017 unit, manakala bagi lebih 10 tahun sebanyak 69 unit. Di Selangor untuk tempoh lima hingga 10 tahun, sebanyak 1967 unit, manakala bagi lebih 10 tahun sebanyak 719 unit. Di Johor, tempoh lima hingga 10 tahun, sebanyak 3249 unit manakala bagi lebih 10 tahun sebanyak 237 unit.

Soalan yang kedua berkaitan pula dengan transaksi pasaran sekunder ataupun *sub-sale* mengikut tahun bagi suku ke-empat tahun berikutnya ialah 2018, sebanyak 164,056 unit. Pada tahun 2019 sebanyak 170,266 unit. Pada tahun 2020 sebanyak 152,157 unit. Pada tahun 2021 sebanyak 156,052 unit. Pada tahun 2022 sebanyak 194,749. Data ini kita dapati dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

Manakala, soalan seterusnya berkaitan transaksi dan nilai pindah milik harta tanah kediaman kepada bukan warganegara. Negeri yang Yang Berhormat telah sebutkan, Bagi tahun 2021 Johor ada 52 unit, Pulau Pinang ada 49 unit, Selangor ada 28 unit, Wilayah Persekutuan ada 369 unit. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Selebihnya saya tunggu soalan tambahan. Terima kasih.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Jika saya merujuk kepada cagaran Skim Rumah Pertamaku atau dikenali sebagai SRP di laman sesawang semalam. Pengumuman telah dikeluarkan bahawa skim SRP dimansuhkan dan berkuat kuasa pada 1 April 2023.

Maka soalan tambahan saya, bagaimana kementerian dapat memastikan keperluan rakyat untuk memiliki rumah sendiri atau rumah pertama di bawah matlamat satu buah-keluarga, satu- rumah, dengan menggalakkan pemaju melabur dalam projek pembinaan rumah RM300 ribu ke bawah dengan keadaan rumah yang selesa dan ruang rumah yang luas?

Kedua, berapakah jumlah peruntukan di bawah Bajet 2023 yang kementerian bercadang untuk mengambil alih projek perumahan terbengkalai dan projek pembinaan yang sakit? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun soalnya sedikit jauh daripada soalan asal berkaitan *overhang* dan juga *sub-sale*, cuma saya cuba jawab juga bagi pemakluman kepada Yang Berhormat. Untuk skim yang diumumkan tadi memang telah dimansuhkan SRP. Malah saya telah jawab dalam Dewan Negara ini. Akan tetapi fokus kerajaan ketika ini melalui Skim Jaminan Pinjaman Kredit Perumahan (SJKP) yang mana nilai untuk tahun ini jaminan yang kerajaan sediakan sehingga RM5 bilion.

Kalau ikut sejarah, memang SJKP pun sebelum ini ada tetapi nilainya hanya sehingga RM2 bilion. Jadi, kita tingkatkan untuk SJKP sehingga RM5 bilion. Dia lebih tersasar ataupun lebih spesifik iaitu menumpukan kepada mereka yang tidak ada pendapatan tetap. So, contohnya pekerja *gig* dan nilai jaminan itu boleh mencecah sehingga 100 peratus. Maksudnya, ia juga membantu mereka untuk mendapatkan pinjaman sehingga 100 peratus.

Persoalan yang kedua pula, Yang Berhormat Senator bertanya soal berapakah peruntukan ataupun dana yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu menyiapkan projek sakit dan terbengkalai. Kalau ikutkan komitmen untuk siapkan projek sakit terbengkalai ini masih terletak kepada pemaju. Akan tetapi untuk tahun ini, kerajaan telah bersedia untuk memberi tambahan sebanyak RM20 juta. Bermaksud, peruntukan yang kita ada untuk bantu projek sakit dan terbengkalai adalah sebanyak RM24 juta. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat, saya satu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab kalau tidak silap pendengaran saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet baru-baru ini mengatakan Skim Rumah Pertamaku dilanjutkan. Benar ataupun tidak? Saya tidak hendak *flipflop*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

■1020

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Saya rasa jawapan saya sudah jelas tadi. Ketika ini, kita tumpukan kepada SJKP. Sama ada perkara itu disebut ataupun tidak, saya mohon kepada Yang Berhormat Senator untuk rujuk kepada *Hansard* sebab saya pun tidak boleh sahkan di sini. Kalau Tuan Yang di-Pertua pun *aware*...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: ...Ataupun maklum bahawa segala percakapan di dalam Dewan ini direkodkan, dan disimpan melalui *Hansard*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Dipersilakan.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu perumahan *overhang* ini tentu yang sangat terkait dua pihaklah, ialah pemaju dan juga pembeli. Akan tetapi, paling kritikal pembeli yang terpaksa membayar *progress payment* dan lain-lain. Apakah kerajaan ada hasrat atau merancang untuk diadakan dasar yang lebih ketat khusus bagi melindungi pembeli-pembeli perumahan *under construction* ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, perumahan tergantung. Sila.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Perumahan ataupun lambakan rumah tidak terjual- sebenarnya *overhang*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu lambakan rumah yang sudah siap tetapi tidak terjual. Maka oleh sebab itu, bebanan itu adalah lebih kepada pemaju.

Akan tetapi, mungkin soalan Yang Berhormat Senator merujuk kepada bebanan kepada pembeli itu rumah yang sedang dibina, kemudian projek itu bermasalah iaitu projek sakit ataupun terbengkalai. Jadi, saya tidak pasti Yang Berhormat Senator hendak bertanya yang mana satu tadi, tetapi untuk...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Maksud yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rumah yang *under construction*.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ya, jadi sebab itu, ketika ini, yang seperti saya telah umum dalam Dewan Negara ini iaitu, memang di peringkat kementerian, kita telah tubuhkan jawatankuasa khas untuk teliti projek-projek yang bermasalah ini. Malah berdasarkan kaedah yang kita buat, tiap-tiap bulan memang *taskforce* atau jawatankuasa ini akan umum data terkini. Kita tidak mahu selindung mengatakan semua adalah baik-baik.

Kalau projek sakit dan terbengkalai, maksudnya ia telah mengambil masa yang panjang. Ada kes yang lebih lima tahun dan sebagainya. Jadi, untuk menyelesaikan masalah ini, kita ada beberapa kaedah.

Pertama, bermaksud tanpa menggunakan dana tambahan. Ini kita berunding dengan pihak kerajaan tempatan, kita berunding memudahkan proses. Dan kedua, seperti yang saya menjawab soalan asal tadi oleh Yang Berhormat Senator, iaitu kerajaan juga menyediakan sedikit suntikan dana untuk menyelesaikan projek-projek yang hampir siap ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa, silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

4. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membenarkan kanak-kanak (yang dilahirkan di luar negara kepada wanita warganegara dan bapa lain kewarganegaraan) untuk layak menerima vaksinasi mandatori dan rawatan kesihatan yang sama seperti yang dinikmati oleh kanak-kanak warganegara. Ini ekoran komitmen kerajaan untuk meminda Perlembagaan bagi kategori kanak-kanak tersebut.

Menteri Kesihatan [Dr. Zaliha binti Mustafa]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya.

Jawapan saya. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Perkhidmatan Kesihatan Primer di seluruh negara menyediakan semua perkhidmatan kepada semua kanak-kanak termasuklah kepada kanak-kanak yang bukan warganegara. Ini termasuklah bagi suntikan imunisasi untuk mencegah penyakit cegahan vaksin.

Berdasarkan caj perkhidmatan bagi imunisasi di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014, kanak-kanak bukan warganegara Malaysia dikenakan caj sebanyak RM40 bagi pendaftaran perkhidmatan imunisasi dan RM40 lagi bagi suntikan vaksin. Jadi, total kepada RM80.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya merupakan warganegara atau pemastautin tetap akan dikenakan caj RM1 sahaja untuk pendaftaran dan RM5 sahaja untuk suntikan imunisasi sekiranya mendapat perkhidmatan imunisasi di fasiliti KKM.

KKM sebenarnya kini dalam proses pertimbangan untuk pemberian perkhidmatan imunisasi kepada kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tiada sijil kelahiran Malaysia, iaitu *undocumented*, pada kadar yang sama seperti yang diberikan kepada kanak-kanak warganegara Malaysia.

Walau bagaimanapun, kelulusan ini adalah secara *case by case basis* di mana kuasa diberikan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meremitkan sebahagian atau keseluruhan daripada mana-mana fi selaras dengan seksyen 15 Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Apakah bilangan kes anak-anak yang telah menerima rawatan dari hospital-hospital kerajaan dalam masa lima tahun lepas?

Tuan Yang di-Pertua: Ini banyak hendak jawab itu.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak ada data itu pada masa ini. Akan tetapi, *insya-Allah*, saya akan berikan secara bertulis. Yang Berhormat Senator, boleh? Terima kasih.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah status pencapaian Program Imunisasi Kebangsaan? Dengan izin, apa *immunization coverage* yang terkini di Malaysia, dan bagaimana pula status vaksinasi kaum minoriti Orang Asli dan rakyat yang tinggal di pedalaman? Terima kasih.

Dr. Zaliha binti Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita memang ada program imunisasi yang kita- yang seperti semua tahu. Kita, seperti yang saya sebut daripada

awalnya, kita tanpa mengira siapa sahaja kanak-kanak itu, kita akan beri perkhidmatan imunisasi.

Kita juga ada perkhidmatan untuk, seperti yang Yang Berhormat Senator sebut tadi, untuk kanak-kanak Orang Asli. Kita ada satu program yang kita *outreach* kepada komuniti yang dinamakan program *Supplementary Immunization Activities* ataupun SIA. Jadi, imunisasi seperti ini memang kita beri secara percuma, Yang Berhormat Senator. Kita pergi ke kampung-kampung ataupun kepada komuniti-komuniti yang mungkin mereka yang jauh di pedalaman. Kita akan ada sistem macam ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sila Dato' Ajis bin Sitin.

5. Dato' Ajis bin Sitin minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan:

- (i) apakah status kemajuan projek Tanaman Semula Komersial Orang Asli (TSKOA) yang dibangunkan oleh RISDA sejak tahun 2000 yang melibatkan 154 kawasan dengan keluasan lebih 21 ribu hektar yang memanfaatkan 9,010 peserta; dan
- (ii) berapa banyak TSKOA yang masih memberikan dividen dan berapakah amaun dividen yang diterima oleh peserta.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Rubiah binti Haji Wang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat 154- kebun Orang Asli dengan keluasan 21,000 hektar telah menyertai program pembangunan RISDA yang dikenali sebagai Program Tanam Semula Komersial Orang Asli (TSKOA) dan diurus oleh syarikat milikan RISDA iaitu Risda Plantation Sdn. Bhd. (RPSB). Setakat ini, sebanyak 69 projek dengan keluasan 9,401 hektar masih diuruskan oleh RPSB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek dengan keluasan 8,278 hektar telah mengeluarkan hasil yang melibatkan 4,179 orang peserta, manakala lapan projek yang berkeluasan 1,123 hektar masih lagi dalam peringkat pembangunan yang melibatkan 589 orang peserta.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, daripada projek-projek Tanam Semula Komersial Orang Asli yang telah berhasil semenjak tahun 2011 hingga Disember 2022, sejumlah RM399.68 juta dividen telah dibayar kepada seramai lebih 5,400 orang peserta TSKOA yang mendapat manfaat. Manakala bagi projek TSKOA di peringkat pembangunan, setiap peserta akan menerima elaun sara hidup dengan purata bayaran RM170 per hektar sebulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan?

Dato' Ajis bin Sitin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Sebenarnya ladang TSKOA merupakan satu inisiatif yang sangat berimpak pada masyarakat Orang Asli. Oleh sebab itu, saya pada Dewan yang mulia ini, saya banyak kali bertanya pasal TSKOA.

■1030

Dato' Ajis bin Sitin: Jadi, TSK juga telah merubah hidup Orang Asli daripada bertani secara sendiri kepada bertani secara komersial dan ini telah menjadikan Orang Asli mempunyai pendapatan berbanding yang dahulu tidak ada pendapatan. Soalan tambahan saya ada tiga.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak boleh sekali tiga.

Dato' Ajis bin Sitin: Pertama, mengapa TSK Gua Musang, RPS Kuala Betis, Gua Musang tidak diusahakan sejak lima tahun yang lalu dan dibiarkan dicuri oleh pencuri-pencuri menyebabkan peserta ladang seramai 275 orang itu tidak mempunyai pendapatan. Yang kedua, apa justifikasi ladang tersebut tidak bermula...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan tambahan, satu. Kalau dua atau tiga bermakna soalan itu dan jadi empat.

Dato' Ajis bin Sitin: Satu

Tuan Yang di-Pertua: Satu, kumpul.

Dato' Ajis bin Sitin: Satu dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, begitu juga terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kontrak RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB) projek perladangan di Gua Musang telah tamat pada 31 Mac 2019 dan tiada penyambungan kontrak dibuat selepas itu.

Namun begitu, melalui Surat Persetujuan dan Kelulusan Ketua Pengarah JAKOA Malaysia pada masa itu iaitu melalui surat bertarikh 29 Januari 2019 memberi tempoh kepada RISDA Plantations Sdn. Bhd. untuk meneruskan kerja-kerja di ladang dan mengeluarkan hasil ladang dari tempoh Januari 2019 hingga Mac 2019. Kos operasi dan bayaran dividen peserta adalah berdasarkan menggunakan lebihan pendapatan terkumpul yang dijana oleh ladang dan caj pengurusan sebanyak 194 per matriks tan oleh RISDA Plantation Sdn. Bhd.

Manakala untuk makluman Yang Berhormat lagi, pada 10 Mac 2019, ladang TSKOA RPS Kuala Betis diserahkan kepada para peserta untuk diurus atas desakan daripada peserta ladang tersebut sejak tahun 2012 lagi. Manakala pada 1 Januari 2022 pihak kerajaan telah mewajibkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) untuk tanaman sawit melebihi 100 ekar dan peserta tidak memenuhi kehendak dan koperasi berdaftar untuk memohon sijil berkenaan.

Oleh itu pihak JAKOA telah merancang untuk menyelesaikan masalah pensijilan dengan melantik agensi mengurus daripada kalangan syarikat GLC namun pada 23 Januari 2022 penularan wabak COVID-19 di Malaysia telah merencatkan rancangan berkenaan. Oleh itu berdasarkan garis panduan Program Tanam Semula Sawit Pekebun kecil dalam RMK-10 menyatakan kebun-kebun sawit yang melebihi umur 25 tahun tidak ekonomik dan sesuai untuk ditanam semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ada lagi soalan TSKOA?

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: JAKOA dan TSKOA ini dua. Ya, sila.

Tuan Manolan bin Mohamad: Ini JAKOA Tuan Yang di-Pertua. Okey soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu ladang-ladang ini kebanyakan yang bekerja ini merupakan pendatang asing, bukan penduduk Orang Asli di kampung tersebut ataupun di sekitar kampung tersebut.

Jadi, apakah sebenarnya perancangan kementerian untuk menggalakkan Orang Asli ini terlibat secara langsung khususnya bekerja di ladang-ladang tersebut supaya dapat menjana pendapatan mereka? Oleh sebab kita tengok kontraktor-kontraktor ini, mereka lebih cenderung untuk mengambil pekerja asing. Soalan kedua, siapakah yang pilih kontraktor ini Timbalan Menteri sama ada kontraktor JAKOA ataupun RISDA Plantation? Sekian, terima kasih.

Datuk Rubiah binti Haji Wang: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas jawapan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ladang-ladang komersial di bawah RISDA Plantation pekerja-pekerjanya adalah sebenarnya di-*offer*, konsep penanaman komersial tanam semula kelapa sawit ini adalah bukan sahaja dari sudut penyediaan dividen tetapi kita juga menyediakan peluang pekerja kepada Orang Asli.

Namun begitu, respons ataupun maklum balas ataupun *offering* kita penyediaan tenaga kerja itu tidak diminati oleh Orang Asli. Oleh sebab itu, apabila orang asli tidak berminat untuk bekerja di kawasan perladangan, pihak *plantation* terpaksa mengambil pekerja asing untuk memenuhi keperluan kerja di tapak berkenaan. Pemilihan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja dalam ladang berkenaan dilaksanakan oleh pihak RISDA. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Tuan Aknan A/L Ehtook.

6. Tuan Aknan A/L Ehtook minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, apakah kemajuan yang telah dicapai bagi program dan aktiviti yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara, dan sejauh mana dasar ini diguna pakai oleh kementerian/jabatan lain untuk menangani isu perpaduan seperti diskriminasi dalam pelbagai bidang seperti sukan, perkhidmatan awam dan pendidikan.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Aaron Ago anak Dagang]: Terima kasih Yang Berhormat senator.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Perpaduan Negara yang telah dihasilkan pada tahun 2021 merupakan dokumen strategik jangka panjang dan usaha berterusan yang dirancang untuk menetapkan hala tuju perpaduan nasional dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan masyarakat. Penghasilan dokumen dasar ini bertunjangan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi tulang belakang kepada Rukun Negara dan pembangunan Malaysia dan seterusnya menjadi asas perpaduan masyarakat.

Dasar Perpaduan Negara menjadi agenda perpaduan melalui pelaksanaan tiga-teras utama dan strategi yang inklusif untuk satu, melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan kepunyaan jati diri yang tinggi. Kedua, membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sempurna dan ketiga, mengukuhkan ekosistem perpaduan dengan mempelbagaikan tapak integrasi dan interaksi sosial serta pemantapan tadbir urus perpaduan.

Maka, Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 telah dihasilkan dengan menyusun program dan aktiviti yang melibatkan kerja sama pelbagai kementerian, agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, swasta dan masyarakat umum mengikut peranan dan fungsi masing-masing. Peranan dan aktiviti yang dilaksanakan adalah bagi memupuk semangat cinta akan negara dan meningkatkan keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan ataupun *moment of unity*, dengan izin.

Antara program yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 iaitu Liga Sukan UNITI dengan kerjasama Kementerian Belia Dan Sukan, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Persatuan Bola Jaring Malaysia dan program ini melibatkan penyertaan seramai 12,000 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum dari seluruh negara.

Kedua, Semarak UNITI yang merupakan program kaliber perpaduan dengan pengisian pelbagai aktiviti bagi menunjukkan pelbagai adat dan budaya masyarakat yang berbilang kaum. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi seperti MOTAC, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, kerajaan negeri dan banyak lagi.

Ketiga, Pertandingan Koir Perpaduan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka yang melibatkan penyertaan 130 kumpulan koir dari sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi di seluruh negara.

Terkini Kementerian Perpaduan telah, menganjurkan Program Gerak Rahmah 2023 iaitu Jom Masak Bubur Lambuk yang diadakan secara serentak di seluruh negara pada 1 April iaitu hari Sabtu yang lalu. Program ini melibatkan sebanyak 3,799 buah kawasan rukun tetangga yang disertai hampir 100,000 Ahli Jawatankuasa KRT dengan kerjasama kerajaan negeri dan arakan-rakan strategik perpaduan. Lebih 400,000 bungkus bubur lambuk telah dapat disediakan dan diedarkan pada masyarakat setempat.

Manakala program utama kementerian perpaduan negara akan dilaksanakan pada tahun ini iaitu Sambutan Minggu Perpaduan yang akan diadakan di seluruh negara pada 20 hingga 27 Mei 2023 yang akan disempurnakan di Kuching, Perdana Menteri Perdana Menteri 20 Mei 2023 oleh Yang Amat Perdana Menteri. Program ini akan melibatkan kerjasama dan penyertaan pelbagai kementerian dan agensi dengan konsep *the whole of government approach*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar tentang pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh kementerian. Saya cuma hendak tanya, adakah peranan kementerian dalam usaha untuk menasihati pelbagai kementerian dalam masing-masing merangka dasar agar tidak bercanggah dengan Dasar Perpaduan Kebangsaan.

Ini kerana kita tidak mahu sambil Kementerian Perpaduan melangkah satu dua langkah ke hadapan, kementerian lain membuat dua tiga langkah ke belakang. Jadi, kita tidak ke mana. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita di Kementerian Perpaduan ini telah menyusun pelbagai program dan satu sebab sekarang ini kita sudah ada konsep Malaysia Madani dan kita telah pun mengadakan sebuah kerangka untuk membangunkan masyarakat Madani ataupun Malaysia Madani. Ini amat menyeluruh dan kita seperti yang saya sebutkan tadi, kita mempunyai program yang besar iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan program Rahmah Komuniti. Dalam ketiga-tiga program yang besar ini melibatkan pelbagai kementerian dan agensi di seluruh negara. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah langkah-langkah yang diambil untuk mengingatkan ahli politik yang menggunakan kata-kata perkauman yang akhirnya akan menjejaskan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Orang politik.

Datuk Aaron Ago anak Dagang: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sudah ada program untuk ahli politik melibatkan diri dalam menyatupadukan masyarakat kita di negara ini. Memang kita tahu sebab kita punya asas politik adalah berasaskan perkauman, maka kalau musim pilihan raya tidak dinafikan hujah-hujah yang bertemakan perkauman memang ada.

Oleh sebab itu dalam Kementerian Perpaduan Negara ini kita mempunyai beberapa buah Jawatankuasa yang sebolehnya dapat menjurus kepada perpaduan negara ini. Satu, kita ada Penasihat Perpaduan Negara yang ahlinya daripada tokoh-tokoh dari seluruh negara ini, dan kedua, kita mempunyai Jawatankuasa Harmoni di antara pelbagai kaum pun sudah diadakan.

Kita harap dengan pelbagai jawatankuasa ini- di peringkat lapangan, kita di kementerian ini kita mempunyai jentera perpaduan dan di bawah jentera perpaduan ini kita mempunyai e-SEPAKAT yang mengumpulkan semua maklumat dengan isu-isu atau cabaran yang mungkin boleh menggugat perpaduan. Mereka ini bekerja bertungkus-lumus dengan kita adakan *mediation*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, adakah pihak kerajaan menyediakan insentif atau subsidi bagi peruncit yang mengadakan inisiatif Menu Rahmah bagi tujuan mengekalkan kelangsungan menu tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Menu Rahmah merupakan satu pilihan makanan bermasakan yang ditawarkan kepada golongan yang memerlukan.

Pada masa yang sama, Menu Rahmah juga merupakan pilihan kepada keluarga yang tidak sempat memasak pada hari-hari bekerja dan memilih untuk membeli masakan yang sedia dimasak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa Menu Rahmah ini merupakan menu yang ditawarkan pada harga RM5 tetapi selalunya menu tersebut ditawarkan di antara RM7 hingga RM9 tanpa ada kompromi daripada segi *portion*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ataupun potongan ayam, besar, sayur dan sebagainya. Jadi selalunya dijual dengan

harga RM7 hingga RM9 tetapi Menu Rahmah, hidangan sama ditawarkan dengan harga RM5.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Menu Rahmah dilancarkan pada 31 Januari 2023, ia telah tular serta mendapat sambutan yang luar biasa daripada kalangan rakyat serta daripada kalangan pengusaha makanan dan minuman di seluruh negara. Sehingga 28 Mac 2023, sebanyak 1,531 orang pengusaha makanan dan minuman telah mendaftar dalam Portal Menu Rahmah dan menawarkan Menu Rahmah kepada pengguna pada harga RM5 dan ke bawah.

Secara pecahannya 1,531 tadi, 1,152 merupakan pemain industri. Manakala selebihnya merupakan rangkaian-rangkaian restoran tom yam, rangkaian-rangkaian restoran India Muslim Tuan Yang di-Pertua. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator, Program Menu Rahmah ini merupakan satu inisiatif yang dipelopori sendiri oleh industri atau *private driven initiative*. Ia dilaksanakan oleh pengusaha kedai makan atas dasar sukarela dan komitmen pengusaha untuk bersama-sama melaksanakan aspirasi kerajaan dalam membantu rakyat, mengurangkan beban kos sara hidup.

Daripada pemantauan dan maklum balas di lapangan daripada pengusaha kedai makan, Menu Rahmah telah menjadi daya tarikan- *crowd puller*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk pelanggan mendatangi kedai makan tersebut dan secara tidak langsung telah meningkatkan jualan pengusaha-pengusaha tersebut.

Menjawab soalan Yang Berhormat Senator, kerajaan belum bercadang untuk menawarkan subsidi kepada pengusaha Menu Rahmah. Insentif yang kerajaan berikan adalah dalam bentuk promosi melalui platform media dan Portal Menu Rahmah dan kita memastikan bahawa Menu Rahmah ini dikenali, kita bagi *branding*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan selebih daripada itu atas inisiatif industri dan individu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, mengikut pelbagai laporan di media, harga makanan di Bazar Ramadan semakin mahal disebabkan oleh harga barang mentah tinggi. Adakah kerajaan tidak berhasrat untuk menggunakan agenda Menu Rahmah bagi mengawal harga jualan makanan? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, atas soalan tambahan tadi saya ingin memaklumkan bahawa kita telah memulakan inisiatif Bazar Ramadan Rahmah dan terdapat 38 Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara Tuan Yang di-Pertua.

Antara ciri-ciri Bazar Ramadan Rahmah itu ialah kita mensyaratkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada peniaga-peniaga menawarkan Menu Rahmah. Juga kita

membantu pengguna dengan mengeluarkan e-dompot sebanyak RM20 kepada 1,000 orang pengunjung, enam kali sepanjang bulan Ramadan untuk membantu pengunjung di Bazar Ramadan Rahmah tersebut.

Pada masa yang sama, kita juga mengurangkan kos sewaan di tapak Bazar Ramadan Rahmah tersebut. Akhir sekali antara cirinya ialah kita juga melibatkan NGO dalam Program MYSaveFood di mana makanan-makanan yang tidak berjaya dijual, dikumpulkan dan diberikan kepada golongan yang memerlukan.

So, Bazar Ramadan Rahmah ini ialah program daripada kementerian untuk membantu seperti keperluan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, satu lagi soalan. Ada? Tidak ada.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

8. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bagaimanakah Kementerian akan menyelia caj yuran PIBG di peringkat sekolah yang kian membebankan pihak ibu bapa; dan
- (b) kerajaan sebelum ini telah pun memansuhkan setiap bentuk yuran di peringkat sekolah dalam usaha mengurangkan beban kewangan pihak ibu bapa. Malangnya, masih terdapat sekolah yang mewajibkan pelajar memberi 'sumbangan' bagi program sekolah. Adakah Kementerian sedar akan perkara ini, dan bagaimanakah kementerian memantau keadaan sebegini agar ia tidak menyusahkan para ibu bapa dan penjaga?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Menteri Pendidikan [Puan Fadhlina binti Sidek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Peraturan-peraturan Pendidikan Persatuan Ibu Bapa, Guru 1998 membenarkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk mengutip apa-apa sumbangan yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan daripada anggota dan keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri yang merupakan Pendaftar Negeri.

KPM tidak menetapkan sebarang bayaran yuran di sekolah. KPM sentiasa memantau dan memastikan sekolah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan supaya tidak membebankan ibu bapa. Dalam hal ini, surat siaran KPM, Bilangan 4, Tahun 2011, Garis Panduan Kutipan Bayaran Keperluan Persekolahan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan adalah berkaitan sebagai rujukan pihak sekolah. Bagi menegaskan perkara tersebut, KPM melalui surat pemakluman sumbangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru pada 15 September 2021 telah memberi peringatan kepada semua sekolah agar tidak

mengenakan bayaran tambahan dalam sumbangan PIBG dan pematuhan kepada garis panduan yang telah disediakan.

■1050

KPM yakin dengan peranan yang dimainkan oleh PIBG dalam memastikan kemajuan serta pembangunan murid dan sekolah serta guru, ibu bapa atau penjaga murid digalakkan untuk memberi sokongan kepada PIBG dalam apa jua aktiviti yang dirancang termasuk dalam usaha mendapatkan dana untuk membantu sekolah dalam aspek pengurusan program sekolah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberi. Saya memang kurang pasti kerana semua jawapan Yang Berhormat Menteri berikan itu seolah-olah di bawah kawalan tetapi hakikat yang berlaku itu memang ada yuran, bayaran, sumbangan, macam-macam nama di atas untuk meminta duit daripada ibu bapa.

Seperti Yang Berhormat Menteri katakan, peraturan diadakan dan maksudnya penguat kuasa atau penguatkuasaan itu adalah sangat lemah. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan bagaimana mempertingkatkan penguatkuasaan di Kementerian Pendidikan Malaysia ke atas yuran-yuran yang diminta oleh pihak sekolah daripada ibu bapa. Terima kasih.

Puan Fadhlina binti Sidek: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan begini. Saya ambil ruang ini untuk jelaskan kepada semua bagaimana PIBG ini harus bertindak dalam urusan-urusan dan persoalan yang dibangkitkan tadi. Pertama Yang Berhormat, semua ibu bapa kena hadir mesyuarat PIBG kerana maklumat dan keputusan-keputusan ini dibuat dalam mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Jadi, ibu bapa yang tidak hadir, tidak ada maklumat.

Jadi yang pertama, urusan kita harus pastikan ibu bapa hadir dalam mesyuarat PIBG dan justifikasi-justifikasi pembayaran-pembayaran itu dibuat adalah dalam mesyuarat PIBG Yang Berhormat, itu yang pertama.

Kedua, sekiranya ada aduan, haruslah dikemukakan secara mengikut aturan dan juga proses bagaimana aduan itu dibuat. Sekiranya ada aduan itu kita kenal pasti, KPM akan turun bersama dengan pendaftar negeri iaitu Pengarah JPN untuk memastikan pembetulan itu dibuat. Sama ada dibetulkan melalui mesyuarat ataupun ditetapkan oleh mana-mana peraturan lain di bawah kuasa pendaftar negeri. Pendaftar negeri merupakan Pengarah JPN. Semua minit mesyuarat PIBG ini akan dihantar kepada JPN dan akan disemak.

Jadi, kalau ada aduan tersebut, kita akan turun dan membuat pembetulan tersebut dengan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada yuran PIBG, ibu bapa atau penjaga juga terpaksa membiayai kos kelas tambahan atau bengkel peperiksaan yang dianjurkan bersama oleh pihak sekolah dengan pihak luar.

Soalan saya, apa bentuk sokongan tambahan yang disediakan oleh sekolah-sekolah daif di seluruh negara bagi tujuan penganjuran sesi kelas tambahan kepada calon-calon SPM sebagai usaha alternatif untuk mempersiapkan para pelajar dengan strategi menjawab soalan yang tidak diajar di sekolah. Sekian, terima kasih.

Puan Fadhlina binti Sidek: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat berkaitan dengan kelas-kelas tuisyen dan kelas-kelas tambahan. Izinkan saya untuk memberikan beberapa pandangan dan juga pendirian yang terkait rapat dengan isu ini.

Pertamanya Yang Berhormat, PIBG boleh menganjurkan itu.

Kedua juga kita ada saluran-saluran lain seperti Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta (PIBKS) yang bergerak aktif membantu PIBG. PIBKS ini merupakan satu inisiatif yang melibatkan ibu bapa, komuniti dan swasta dalam membantu sekolah dan usaha ini biasanya juga melibatkan pihak-pihak lain yang membantu sekolah dari luar.

Dalam konteks ini, pihak kami KPM sentiasa mengalu-alukan sebarang sokongan dan dukungan daripada pihak khususnya pihak luar dan juga pihak korporat misalnya yang ingin menganjurkan program-program sokongan seperti itu. Jadi, tiada halangan melainkan dengan mendapat dukungan dan sokongan daripada PIBG dan juga PIBKS. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim.

9. Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, sejauh mana industri kenaf memelopori pasaran luar memandangkan industri kenaf terus jadi rebutan selepas Kenaf Venture Global menjadi rakan strategik kepada kelab bola sepak Jerman, iaitu VfL Wolfsburg.

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Datuk Siti Aminah binti Aching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2022, Kenaf Venture Global (KVG) Sdn. Bhd. dan Syarikat VfL Wolfsburg telah menandatangani perjanjian sebagai rakan strategik untuk projek Wolfsburg- dalam bidang khidmat sosial korporat, program pembangunan belia, jaringan hubungan global dan peluang kerjasama *business to business*.

Kerjasama KVG adalah tertumpu pada pengkomersialan dan aplikasi kenaf dalam industri automotif dalam kumpulan Volkswagen. Kerjasama KVG dengan Wolfsburg ini turut mendapat sokongan daripada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Projek kerjasama ini memfokuskan kepada penggunaan bahan gentian semula jadi dalam sektor automotif.

Selain itu, kerjasama ini juga memberikan peluang dan pengalaman kepada syarikat di Malaysia dalam menerokai bidang ataupun peluang pasaran kenaf yang berpotensi untuk digunakan dalam sektor lain seperti IBS, aeroangkasa dan lain-lain lagi.

Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK) menerusi Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara sentiasa komited dalam menggalakkan kerjasama strategik yang diterajui oleh industri serta menyasarkan kerjasama tempatan dan antarabangsa. Perkara ini menjadi hala tuju utama dalam Dasar Agrikomoditi Negara 2030 untuk menggiatkan industri fiber berasaskan tumbuhan.

Sebagai makluman, pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, LKTN telah berjaya memperluaskan pasaran eksport kenaf ke negara China, Korea Selatan dan juga Thailand dengan nilai jualan fiber dan produk berasaskan kenaf sebanyak RM434. Walau bagaimanapun, dalam usaha memenuhi permintaan dan keperluan domestik yang semakin meningkat, LKTN tidak lagi mengeksport fiber kenaf ke luar negara mulai tahun 2019 dan fokus pengeluaran diberikan kepada pasaran domestik.

Nilai jualan kenaf pada tahun 2020 adalah sebanyak RM9.55 juta manakala pada tahun 2021 pula adalah sebanyak RM4.23 juta. Pada tahun 2020, nilai jualan kenaf dalam produk kenaf yang dicatatkan adalah sebanyak RM5.58 juta. Keseluruhan usaha dan KVG ini menjadi satu langkah penting bagi mempromosi industri kenaf di Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Kerajaan sentiasa mengalu-alukan pemain industri untuk membangun serta menambah baik kualiti dan daya saing produk berasaskan fiber dan mengembangkan pasaran ke peringkat antarabangsa menjelang tahun 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, tidak ada soalan tambahan?

Baik, Dato' Haji Husain bin Awang

10. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan, apa perancangan kerajaan bagi menarik lebih ramai generasi muda yang berkelulusan pendidikan tinggi untuk terlibat dalam sektor pertanian dan perhutanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan [Tuan Chan Foong Hin]:

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menarik lebih ramai generasi muda di samping mengekalkan jumlah yang sedia ada dalam sektor pertanian, kementerian telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda (PAM) sejak tahun 2016. Program ini bertujuan untuk:

- (i) menarik golongan muda berumur antara 18 tahun hingga 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian;

- (ii) mengubah persepsi golongan muda terhadap sektor pertanian sebagai industri yang berdaya maju;
- (iii) meningkatkan pendapatan Agropreneur Muda melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, kualiti produk dan penggunaan teknologi dan inovasi serta penyediaan pasaran yang kompetitif; dan
- (iv) menjadikan industri agromakanan sebagai bidang kerja yang masa hadapan yang menjana pendapatan yang mampan.

Program menumpukan kepada empat skop utama bidang pertanian iaitu:

- (i) penanaman;
- (ii) penternakan;
- (iii) perikanan; dan
- (iv) industri asas tani.

Program Agropreneur Muda menyediakan insentif dengan penawaran bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap penerima.

Bantuan ini tidak hanya terbuka untuk kepada generasi muda yang berkelulusan tinggi tetapi ia juga terbuka kepada semua belia dengan pelbagai latar belakang pendidikan. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan muda mengurangkan kos permulaan projek-projek pertanian dan agromakanan.

■1100

Di samping itu, kementerian juga menyediakan khidmat nasihat dan latihan-latihan teknikal agropreneur dalam semua subsektor agromakanan bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran untuk memastikan projek-projek yang dijalankan berjaya mengeluarkan hasil yang tinggi dan seterusnya menjana pendapatan.

Selain itu, kementerian akan meneroka peluang-peluang kerjasama baharu dengan pihak berkepentingan seperti pemain industri dan institusi latihan dan pengajian tinggi yang menawarkan kursus berkaitan pertanian bagi menarik minat lebih ramai graduan muda untuk terlibat dalam sektor pertanian dan agromakanan.

Kementerian berharap dengan penglibatan berterusan golongan muda ini akan dapat membantu untuk meningkatkan output dan kualiti pengeluaran dan seterusnya merancakkan pertumbuhan ekonomi dan sosial negara melalui sektor pertanian dan agromakanan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu daripada lima fokus utama kementerian bagi tahun ini adalah mempertingkatkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian. Soalan saya, sejauh manakah keberkesanan dan juga sambutan Program

Agropreneur Muda oleh golongan muda dalam sektor pertanian? Setakat ini, berapa ramai yang telah berjaya sebagai agroushawan dalam program tersebut? Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Untuk makluman Yang Berhormat, Geran Agroprenuer Muda (GAM) ini telah dilaksanakan mulai tahun 2016 sehingga sekarang. Statistik yang kita dapat sejak penubuhan Geran Agroprenuer Muda ini sehingga tahun lalu iaitu 31 Disember 2022, telah meluluskan seramai 8,403 orang agroprenuer muda di seluruh negara merangkumi skop tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani dengan peruntukan berjumlah RM151.75 juta. Di sini saya ada jadual untuk setiap tahun dan butirannya. Kalau Yang Berhormat berminat, saya boleh memberikan kepada Yang Berhormat kemudian.

Seperti yang saya katakan, ini geran yang berbentuk *in-kind* RM20,000 ini sebenarnya memberikan satu panduan tahap permulaan sebagai *start-up*. Kalau agroprenuer muda itu berjaya, akan ada program-program yang lain untuk membantu mereka dalam pengembangan. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang masalah negara kita ialah kekurangan telur dan ayam. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah Program Agroprenuer Muda itu membantu mengatasi masalah itu? Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin: Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau, sebenarnya Malaysia tidak mengalami kekurangan bekalan telur seperti yang dikatakan. Setakat ini, kita cuma mengimport masuk telur pada bulan Disember tahun lalu dan Januari tahun ini sahaja. Jadi, kita ada kapasiti yang mencukupi untuk menghasilkan telur. Jadi, tidak timbul soalan untuk menggalakkan agropreneur muda untuk khusus dalam bidang penternakan telur ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 11.

11. Datuk Paul Igai minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah hasil kutipan yang diperoleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) daripada perkhidmatan penumpang dari tahun 2018 hingga kini dan bagaimanakah hasil kutipan itu digunakan.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan selamat pagi. Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bertanggungjawab dalam mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam termasuk dalam aspek perlindungan pengguna. Pengawalseliaan ini bertujuan untuk menjadikan industri penerbangan awam di

Malaysia berdaya maju daripada segi komersial, berorientasikan pengguna dan berdaya tahan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, MAVCOM mengenakan caj perkhidmatan pengawalseliaan ataupun *regulatory service charge* (RSC), dengan izin, sebanyak RM1 ke atas setiap penumpang yang berlepas dengan pesawat udara dari mana-mana aerodrom di dalam Malaysia seperti yang diwartakan di dalam Peraturan-peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Caj Perkhidmatan Pengawalseliaan) 2018. Pengecualian daripada membayar RSC diberikan kepada penumpang dalam transit terus, kru pesawat, bayi di bawah umur dua tahun, penumpang-penumpang perkhidmatan udara luar bandar serta ketua negara, menteri dan orang kenamaan yang melawat Malaysia dalam tugas rasmi mereka sebagai tetamu kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah hasil kutipan RSC MAVCOM dari tahun 2018 sehingga 2021 berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan bagi tahun 2022 yang belum diaudit adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah kutipan (RM)
2018	24,768,760
2019	46,747,851
2020	11,481,196
2021	5,111,050
2022	24,295,863

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, melalui kutipan RSC sebanyak RM1 setiap penumpang, MAVCOM dapat menjana pendapatan sendiri untuk menampung perbelanjaan tahunannya tanpa membebankan kewangan kerajaan memandangkan MAVCOM tidak menerima dana ataupun geran perbelanjaan daripada kerajaan. MAVCOM juga tidak menerima sebarang peruntukan tahunan daripada kerajaan untuk membiayai kos operasi MAVCOM.

Selain itu, hasil kutipan RSC juga digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang antara lain terdiri daripada:

- (i) kempen kesedaran pengguna mengenai hak-hak perjalanan udara;
- (ii) pelaksanaan rangka kerja kualiti perkhidmatan di lapangan terbang;
- (iii) pembangunan rangka kerja jangka panjang bagi pengawalseliaan semua caj perkhidmatan penerbangan yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia;
- (iv) pembangunan sistem AeroFile yang merupakan sebuah sistem pemfailan automatik bagi semua permohonan permit pendaratan untuk penerbangan komersial yang beroperasi ke atau dari Malaysia untuk

memudah cara proses permohonan bagi syarikat penerbangan asing dan tempatan; dan

- (v) pelancaran sistem AeroLicense yang merupakan platform e-pelesenan bagi mentransformasikan dan mempercepatkan semua proses pelesenan secara berperingkat demi manfaat pemain industri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan?

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Sekarang kadar tambang penerbangan domestik ini adalah berciri stabil. Saya berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan. Syabas.

Akan tetapi, apabila saya mohon atau semasa saya cuba tempah atau *book ticket* daripada *AirAsia* dari Johor Bahru ke Kuching pada 5 April ini merupakan RM109 dan pada masa Gawai nanti iaitu RM349, merupakan kenaikan RM240, iaitu dua kali- ganda. Soalan saya, adakah MAVCOM akan kaji semula menurunkan lagi atau sekurang-kurangnya mengekalkan harga seperti tadi, khususnya pada masa Gawai/Dayak yang akan datang? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator. Pertamanya, daripada segi harga tiket kapal terbang, dasar yang kita ada atau dasar sedia ada ialah bahawa kita berdasarkan kepada *dynamic pricing*, dengan izin, iaitu ia berkaitan ataupun harga yang dikenakan oleh syarikat penerbangan bergantung kepada permintaan dan juga penawaran. Sudah tentu apabila musim-musim perayaan, permintaan lebih tinggi menjadikan harga tiket itu akan meningkat. Itu daripada segi hukum ekonomi merupakan perkara yang biasa.

Namun begitu, kita tahu dan faham bahawa banyak rungutan semasa musim-musim perayaan terutamanya daripada rakyat kita di Sabah dan Sarawak. Semasa musim perayaan, harga tiket kapal terbang amat tinggi termasuklah Tahun Baru Cina, Hari Raya dan juga termasuk Hari Gawai.

Justeru itu, Kementerian Pengangkutan telah pun berusaha untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan. Manakala kita tidak mengenakan harga siling kepada harga tiket kapal terbang tetapi kita berusaha untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat penerbangan. Kita memberikan segala kemudahan dan juga kerjasama kepada mereka supaya meningkatkan kapasiti dan juga jumlah penerbangan.

Justeru itu, untuk musim-musim perayaan, syarikat penerbangan seperti *AirAsia* menawarkan, pertamanya, penerbangan tambahan; dan keduanya, penerbangan tambahan dengan harga tetap.

■1110

Biasanya, kalau pergi ke Sarawak, RM199 *one way* ataupun, dari Kuala Lumpur ke Kuching atau pun Johor Bahru ke Kuching, RM199. Itu telah ditawarkan semasa Tahun Baru Cina dan juga semasa Hari Raya akan datang.

Jadi, saya juga akan berusaha sekali lagi semasa Pesta Gawai nanti, kita akan berurusan dan juga berhubung dengan syarikat penerbangan supaya mereka juga menawarkan harga tetap untuk beberapa *flights* pada waktu malam. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kita akan cuba merendahkan harga tiket kapal terbang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah. Lagi satu?

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tiket. Apabila kita tempah tiket Tuan Yang di-Pertua, kita tempah dan kita dikenakan *airport tax*. Apabila kita *cancel flight*, kita tidak boleh berlepas, adakah kerajaan *consider* untuk bayar balik *airport tax* itu kepada rakyat- *return* balik?

Tuan Loke Siew Fook: Pertamanya Yang Berhormat Senator, *airport tax* atau pun lebih tepat dikenali sebagai *Passenger Services Charges* (PSC), ia bukannya cukai yang dikutip oleh kerajaan. Ia adalah satu *charge* atau pun satu caj perkhidmatan yang dikenakan oleh lapangan terbang, dan PSC itu dibayar kepada pihak MAHB dan hanya dikenakan untuk penerbangan-penerbangan antarabangsa dan juga penerbangan domestik. Domestik ialah RM11.

Kalau ada *flights* itu dibatalkan, atau pun ada meminta *refund* untuk tiket itu, jadi sudah tentu sebenarnya boleh, tiada masalah untuk dikembalikan kepada penumpang. Biasanya, PSC itu dikutip oleh syarikat penerbangan. Jadi, apabila ia di-*return* ataupun dibayar balik kepada penumpang, sepatutnya daripada syarikat penerbangan. Jadi, saya rasa urusan untuk *refund* itu datang daripada syarikat penerbangan. Kalau pihak *passenger* tidak mendapat *refund* itu, dia boleh membuat aduan kepada pihak MAVCOM. Terima kasih.

Datuk Paul Igai: Soalan...

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Satu lagi soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Menteri Pengangkutan, pengalaman saya sendiri, dua bulan yang lepas saya ada *apps* AirAsia dan saya perlu menukarkan perjalanan, *instead of* pulang hari ini, hendak pulang esok tetapi menggunakan penerbangan yang sama, iaitu pukul 4.50 ke Bintulu. Akan tetapi, bila kita hendak menukar dan skrin yang dipaparkan, penerbangan yang dipaparkan untuk hari esoknya tidak memaparkan penerbangan yang pukul 4.50 itu, seakan-akan tidak ada lagi penerbangan tersebut.

Akan tetapi, selepas itu, saya musykil ya tidak dapat *seat* dalam penerbangan itu. Jadi, saya pergi menggunakan *desktop*. Apabila menggunakan *desktop*, ada pula penerbangan yang sama. Jadi, saya sudah dua kali mengalami masalah ini. Adakah mereka menaruh *algorithm* kah macam mana? Oleh sebab kalau saya tidak *check* kepada *desktop*, saya akan hanguslah tiket saya untuk penerbangan hari ini. Saya akan menempah tiket yang lain dan siapa yang untung? *AirAsia* yang untung. Jadi, ini perkara yang serius. Sudahlah kita di Sabah dan Sarawak, harga tiket memang mahal.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat. Soalkan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Itulah soalan dia. Bagaimanakah mengatasi masalah ini supaya apa yang dipaparkan di dalam skrin *apps* ini memperlihatkan situasi yang sebenar? Kalau ada penerbangan, ia sepatutnya keluar di dalam *apps* ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat. Lebih sikit sebab sesekali datang kan. Jawablah lebih sedikit.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba datang lebih kerap untuk menjawab persoalan.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, bagus.

Tuan Loke Siew Fook: Pertamanya, kita mengucapkan terima kasih. Memang, daripada segi operasi dan juga harga tiket kapal terbang, memang satu soalan yang sering ditanya. Bukan sahaja dalam Dewan Negara, malah di Dewan Rakyat juga. Saya maklum bahawa ada pelbagai masalah operasi yang membelenggu daripada segi sistem.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rita tadi, merupakan satu masalah operasi dan saya akan memberikan maklum balas ini kepada pihak *AirAsia* untuk supaya menambah baik sistem mereka daripada segi pengaplikasian, bukan sahaja dalam dia punya aplikasi, tetapi juga dalam sistem *desktop* mereka. Jadi, kadangkala, mungkin ada masalah integrasi daripada segi sistem dan itu perlu diperbaiki oleh pihak syarikat penerbangan.

Ia tidak dikawal selia oleh pihak kementerian, tetapi masalah-masalah operasi seperti ini, biasanya kita memberikan maklum balas secara terus kepada pihak pengurusan syarikat penerbangan dan kita ada hubungan yang baik dengan semua syarikat penerbangan. Apa sahaja masalah-masalah operasi yang dihadapi, kita akan cuba tambah baik dan memberikan maklum balas kepada mereka supaya bersama-sama kita meningkatkan mutu perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Beralih kita kepada Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: ...[Berpantun]

*Tinggi tinggi si matahari:
Anak kerbau mati tertambat:
Sayang, sudah lama saya ingin ketahui,
Pohon jawab soalan nombor 12 Menteri Yang Berhormat.*

12. Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan, apa usaha kementerian bagi merencanakan penglibatan OKU dalam bidang STEM dan jumlah aktiviti pembudayaan sains yang telah dilakukan untuk komuniti OKU serta adakah kerajaan akan menambah baik fungsi Pusat Sains Negara sebagai Pusat STEM Negara yang rasmi setaraf antarabangsa.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Arthur Joseph Kurup]:

Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan Rangka Kerja 10-10 MySTIE, MOSTI sentiasa melaksanakan pelbagai program dan juga aktiviti bagi menarik minat pelajar-pelajar, termasuk golongan OKU dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Sebagai contoh antaranya melalui inisiatif ruang daya cipta yang menawarkan pembelajaran latihan dan bantuan teknikal kepada semua golongan termasuk OKU serta Program *Upskilling For Deeptech and Futureskills* bagi membantu mendapat pekerjaan dengan menyasarkan semua warga Malaysia yang terkesan akibat COVID-19, merangkumi juga golongan OKU. Pada tahun 2022, seramai 41 orang warga OKU telah menyertai Program *Upskilling For Deeptech and Futureskills* yang dikendalikan oleh OKUSTI dengan kerjasama Pusat Latihan Perindustrian Dan PeOKUihan OKU (PLPP).

Selain itu, di bawah Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025, MOSTI sedia mengendalikan dua-teras iaitu pemupukan kesedaran dan penggalakan penyelidikan, pembangunan inovasi dan pengkomersialan dan keusahawanan. Melalui teras pemupukan kesedaran, MOSTI melaksanakan program pendidikan tidak formal melalui Pusat Sains Negara dan juga Planetarium. Sehubungan dengan itu, Pusat Sains Negara dan Planetarium sedia menawarkan pembelajaran secara interaktif atau *experiential learning*, dengan izin, sebagai pelengkap komponen modul pembelajaran STEM yang ditawarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebagai contoh, antara program-program yang ditawarkan adalah pertama aktiviti jangkauan oleh Planetarium Negara seperti Program *Space Insight* dan Planetarium *Golden Heart* yang merupakan satu inisiatif pendidikan sains angkasa yang direka khas untuk memberi kefahaman yang berkaitan bidang astronomi, khusus kepada golongan OKU. Kedua, Program PSN *Special Science Day* yang dilaksanakan dengan modul-modul yang direka khas untuk kesesuaian tahap keupayaan pembelajaran golongan OKU. Ketiga, PSN telah memperkenalkan Program Sains Prihatin, khusus kepada golongan OKU, termasuklah

pesakit yang sedang menjalani pemulihan. keempat, PSN juga menganjurkan *National Tinkering Challenge* yang dibuka kepada sekolah rendah dan menengah sejak tahun 2023 dan pada tahun ini, ia memperkenalkan kategori baharu iaitu murid berkeperluan khas kepada pemegang kad OKU berumur 10 tahun hingga 17 tahun. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: Terima kasih dengan jawapan itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian. Mengapakah jumlah pelajar aliran sains di sekolah semakin menurun? Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan pelajar-pelajar terutamanya pelajar OKU sentiasa meminati bidang STEM? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat Senator. Satu soalan yang baik. Sebenarnya, ini merupakan satu cabaran bagi kita di mana trend penurunan keminatan dalam bidang STEM ini agak merisaukan bagi kita untuk mencapai negara yang membangun. Terdapat satu kajian iaitu *Science Outlook 2017* yang disediakan oleh Akademi Sains Malaysia. Dalam kajian itu, kita mendapati bahawa ada beberapa sebab kenapa ada penurunan keminatan dalam bidang ini.

Pertama, kurangnya kesedaran mengenai peluang-peluang pekerjaan. Kedua, ibu bapa sendiri tidak membenarkan dan juga tidak menggalakkan anak-anak mereka menerokai aliran sains, berikutan daripada peluang pekerjaan yang bergaji tinggi, tetapi peluang-peluang itu tidak seberapa banyak sekiranya berbanding dengan industri yang lain. Ketiga, subjek ini dianggap terlalu susah dan juga pembelajarannya dianggap juga membosankan dan terlalu bersifat teori

■1120

Jadi sehubungan dengan itu, MOSTI dan juga agensi-agensi di bawah kementerian kita telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif pembudayaan STI dan juga kesedaran STEM. Sebagai contoh, Minggu Sains Negara, *Malaysia Techlympics*, Kembara Saintis Muda, KIMIA Ke Desa, *National Science Challenge* dan juga *National Tinkering Challenge* yang juga melibatkan pelajar-pelajar OKU.

Sebagai contoh, *Malaysia Techlympics* pada tahun lalu melibatkan penyertaan daripada 20 orang pelajar autisme yang bertanding hingga ke peringkat kebangsaan yang berlangsung di Bukit Jalil.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga pada tahun ini kita melaksanakan kajian yang lebih terkini dan laporan ini dijangka siap pada tahun hadapan dan akan dibentangkan kepada *National Science Council* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di sana kita akan mengambil tindakan selanjutnya di peringkat dasar dan secara menyeluruh untuk memperbaiki keadaan trend penurunan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan.

13. Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah inisiatif kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan bukan warganegara dan pasangan luar nikah yang dilihat secara tidak langsung akan mengundang pelbagai masalah sosial sekiranya gagal ditangani pada peringkat awal lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:

Bismillahi Rahmani Rahim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkecukupan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara, termasuk di kawasan-kawasan pedalaman, luar bandar melalui inisiatif berterusan.

Contohnya, melalui Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi Program Pendaftaran Bergerak, unit *mobile* dan bas *mobile*. Melalui program ini JPN akan memberikan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran kad pengenalan, kelahiran, kematian bagi memudahkan urusan rakyat untuk memiliki dokumen pengenalan diri mengikut kelayakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hendak sebut bahawa kelahiran seorang individu di negara ini tidak menjamin kewarganegaraan Malaysia secara automatik bagi individu tersebut. Penentuan taraf warganegara seseorang kanak-kanak adalah tertakluk kepada taraf kewarganegaraan status perkahwinan ibu bapa beliau sewaktu kelahiran berlaku.

Justeru, semua perkahwinan di negara ini hendaklah didaftarkan di bawah perundangan negara yang berkuat kuasa. Namun jika sesuatu kelahiran berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa mengikut perundangan negara, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut mengikut taraf kewarganegaraan ibunya, selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual II, Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun kanak-kanak tersebut tidak layak mendapat kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang di bawah Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan, ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut tidak dihalang dan boleh memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anaknya secara pendaftaran di bawah Perkara 15(A) Perlembagaan Persekutuan selagi anak mereka berumur di bawah 21 tahun dan telah memenuhi syarat yang ditetapkan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964. Serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan anak dan peraturan Imigresen.

Diingatkan bahawa syarat-syarat ini hanya melayakkan permohonan dikemukakan. Akan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan kerana sebagai sebuah negara berdaulat, penganugerahan warganegara Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksekutif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan sewenang-wenangnya kepada mana-mana individu.

Kementerian juga ingin menegaskan bahawa masyarakat harus mengambil berat tentang pendaftaran perkahwinan mereka dilaksanakan secara sah di sisi undang-undang sebelum anak mereka dilahirkan bagi memastikan isu kewarganegaraan tidak timbul di kemudian hari. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Bobbey sila.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selain daripada penyelesaian yang dinyatakan sebentar tadi berkaitan dengan perundangan.

Akan tetapi, apabila kerajaan mengetahui ramai penduduk asing di negara kita ini, sama ada bekerja dengan keluarga mereka. Jadi mereka pun beranak-pinak sekian lama sudah tinggal di sini.

Adakah kerajaan berhasrat untuk berbincang dengan kementerian lain, mungkin Kementerian Luar Negeri bagi menubuhkan pejabat konsulat mereka supaya mereka boleh menyelesaikan perkara-perkara yang dihadapi ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Tuan Yang di-Pertua, sebaik mungkin kerajaan akan sentiasa mempermudah urusan-urusan rakyat berkaitan dengan soal pendaftaran kelahiran. Ini kerana ia memang isu yang sering disebut dan dibicarakan oleh rakyat.

Namun demikian, undang-undang dan peraturan yang ada tetap kita jaga dan perlu dipatuhi. Tentunya kita sentiasa mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk urusan-urusan berkenaan, termasuklah dengan kedutaan dan sebagainya berkaitan dengan pendaftaran yang melibatkan warganegara lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya memahami penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa anak luar nikah tidak boleh memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.

Namun, saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kanak-kanak tersebut dilahirkan di luar perkahwinan yang sah tetapi kemudian ibu bapa kanak-kanak tersebut berkahwin mengikut perundangan negara serta ujian DNA juga turut membuktikan bahawa kanak-kanak tersebut merupakan anak kepada pasangan terbabit.

Tidak bolehkah, kerajaan mempertimbangkan permohonan tersebut demi kebajikan kanak-kanak tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba jawab persoalan berkenaan. Sebagai mana yang telah saya jelaskan tadi, kewarganegaraan seorang individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan ibu bapa yang sah berdaftar mengikut undang-undang negara dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu berkenaan sewaktu kelahiran itu berlaku.

Ia selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan yang berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak dan peraturan imigresen. Perkara ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, kita ingin jelaskan bahawa semua perkahwinan di negara ini hendaklah didaftarkan mengikut perundangan negara yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, jika perkahwinan melibatkan pasangan bukan Islam, ia mesti didaftarkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dan bagi pasangan Islam pula tertakluk kepada enakmen pentadbiran agama bagi negeri masing-masing.

Selain daripada itu, Yang Berhormat bertanya berkaitan dengan DNA tadi. Berhubung dengan pengesahan DNA, suka saya hendak jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa walaupun keputusan DNA mengesahkan pertalian darah seseorang dengan ahli keluarga yang lain, khususnya antara kanak-kanak dengan ibu bapa ataupun dengan adik-beradik yang lain.

■1130

Akan tetapi ia hanyalah sebagai dokumen sokongan dan tidak boleh kita jadikan sebagai bukti konklusif dalam pemberian kewarganegaraan Malaysia. Ini kerana sebagaimana yang saya sebut dan jelaskan berulang kali tadi bahawa setiap permohonan mesti mengikut undang-undang yang lain khususnya berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair dan juga Yang Berhormat Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim. Ada dua soalan ini. Jadi, saya dahulukan nombor yang terdahulu.

Yang Berhormat Yang Berhormat Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim.

14. Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, apa kaedah pengawalan harga bagi bahan-bahan makanan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran terbuka atau *free market economy*, dengan izin, di mana harga sesuatu barang dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan. Selalunya pelarasan harga di pasaran akan berlaku secara tabii berdasarkan kepada faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi pasaran terutama bekalan dan jenis barangan tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan dan waktu tertentu, kerajaan mengambil pendekatan intervensi bagi memastikan harga tidak mencanak akibat daripada reaksi terhadap pasaran terutama terhadap barang-barang utama kegunaan majoriti rakyat Malaysia seperti berikut. Dalam keadaan di mana musim perayaan contohnya, kita mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan bagi meletakkan harga maksimum untuk barangan tertentu pada tempoh tertentu. Contohnya untuk hari raya puasa ini akan diumumkan tidak lama lagi berkenaan dengan barang apa yang ditentukan harga dan dikawal harganya.

Kedua ialah untuk melaksanakan penentuan harga maksimum bagi ayam dan telur ayam supaya harga kedua-dua penyumbang sumber protein kepada rakyat Malaysia kekal stabil. Untuk itu, kerajaan terpaksa membayar subsidi kepada penternak di mana jumlah subsidi pada tahun lepas melebihi RM1.2 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian, kerajaan juga menentukan harga minyak masak bersubsidi *polibag* satu kilogram pada harga RM2.50 dan subsidi untuk minyak masak ini berjumlah RM2.2 bilion pada tahun 2022. Kerajaan juga menetapkan harga siling kepada minyak masak kemasan botol satu kilo, dua kilo, tiga kilo dan lima kilo Tuan Yang di-Pertua.

Jadi di samping itu, kerajaan juga melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan untuk memastikan pemborong, peruncit, kedai runcit, mini market, pasar raya, *hypermarket*, semuanya mengawal harga mereka dan tidak melakukan pencatutan terutamanya pada bulan Ramadan ini Tuan Yang di-Pertua, Ops Pantau dilakukan. Jadi, sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 22,233 buah premis telah pun diperiksa dan melibatkan 123 kes dan nilai kompaun RM18,100 telah dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga membangunkan *mobile apps*, namanya *PriceCatcher* supaya pengguna sentiasa bijak ketika membeli dengan membandingkan harga antara premis berdekatan tempat tinggal mereka. Kemudian, kementerian juga melaksanakan advokasi kepenggunaan di mana pengguna dididik untuk memahami tentang hak-hak mereka sebagai pengguna.

Kementerian juga pada masa yang sama bekerja rapat dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan

Perkhidmatan Veterinar dan sebagainya. Jadi, libat urus berterusan dengan industri pengeluaran, pengimport, pemborong, peruncit, persatuan pengguna dan lain-lain pihak dilakukan secara berterusan dari semasa ke semasa. Jadi, itulah langkah-langkah diambil kerajaan untuk mengawal harga bagi bahan-bahan makanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Silakan

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Soalan tambahan saya, terima kasih Timbalan Menteri. Cuma saya kurang puas hati ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Apakah yang kurang puas hati itu Yang Berhormat?

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: [Ketawa] Dia begini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan-soalan nya.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Soalannya, bagaimana kementerian hendak mengawal harga barangan terutama menjelang hari perayaan di mana harganya katakan hari itu Menteri datang ke sini menjawab perbincangan dengan mengatakan bahawa- saya ini sebenarnya adalah *regular customer Jakel* dan saya tahu harga baju Melayu di *Jakel*. Ia tidak lebih daripada RM160 kebanyakannya.

Akan tetapi hari itu, Menteri menjawab harganya naik RM249 kalau tidak silap saya, macam itu. Akan tetapi sekarang ini sudah diturunkan kepada RM140. Jadi, macam mana boleh kerajaan supaya- sebab harga biasa memang dalam lingkungan RM150 hingga RM160, macam itu saja yang baju Melayu. Jadi, macam mana pihak kerajaan hendak mengawal daripada- ini permainan peniaga bagi saya...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya? Jangan buat tanggapan.

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim: Okey. Itu soalannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh hendak jawab itu?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan asal Yang Berhormat Senator ialah berkenaan dengan bahan-bahan makanan. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang sudah pindah ke baju ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Sekarang sudah pindah. Soalan itu seharusnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri sebab itu ialah kenyataan Yang Berhormat Menteri. Jadi, berkenaan dengan barang-barang makanan, memang kita ada *dashboard* Tuan Yang di-Pertua dan kita kawal setiap bulan turun naik harga itu. Kita ada data sepanjang tahun dan bertahun-tahun Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita tahu bila ada berlaku pencatutan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. tentang baju itu tadi, elok Yang Berhormat pastikan semula sama ada angka yang disebut itu ada dalam *Hansard*. Mungkin dia sebut RM169. Ini harus diperhatikan terlebih dahulu. Ada satu lagi soalan?

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Timbalan Menteri berkenaan dengan pengawalan harga makanan ini. Memang kerajaan telah mengambil pelbagai langkah tetapi apakah saranan atau peranan kerajaan untuk menggalakkan pengguna yang bijak. Saya rasa ini ialah langkah yang terbaik sebenarnya kalau kita tengok di negara-negara lain, di mana pengguna itu dia bijak memilih harga yang sesuai dan harga barangan alternatif kepada yang mahal tadi.

Jadi, apakah peranan kementerian untuk memberikan kesedaran kepada pengguna supaya mereka dapat mengawal harga barangan ini di samping kerajaan bertindak ke atas syarikat-syarikat pengeluar ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Langkah alternatif. Ya, silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada bahagian yang penting dalam kementerian Tuan Yang di-Pertua ialah pendayaupayaan pengguna. Jadi, advokasi pengguna ini berterusan dan kementerian sentiasa libat urus dengan NGO-NGO pengguna. Libat urus juga dengan- di Universiti juga ada persatuan Gerakan Pengguna Siswa, di sekolah juga ada gerakan pengguna. Kita didik daripada awal sehinggalah mereka menjadi orang dewasa Tuan Yang di-Pertua.

Hasrat kita ialah supaya mereka apabila dewasa nanti memahami tentang hak mereka sebagai pengguna, mereka boleh membuat keputusan yang bijak dan menentukan *supply and demand* Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau barang itu mahal, mereka boleh buat keputusan. Mereka sebenarnya amat berdaya upaya, mereka amat berkuasa Tuan Yang di-Pertua. Kalau mereka membuat keputusan untuk tidak membeli satu-satu barang, maka *demand* itu rendah, harga barang itu akan turun dengan sendiri.

Jadi inilah yang berlaku dalam *free market economy* Tuan Yang di-Pertua. Itulah hasrat kita untuk sentiasa mendidik daripada kanak-kanak hinggalah dewasa, libat urus dengan NGO, mengadakan aplikasi *PriceCatcher* yang boleh dimuat turun dalam telefon dan antara kursus-kursus, forum dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ya lah, dahulu nama kementerian ada hujungnya, 'konsumerisme'. Sekarang sudah tidak ada- dengan 'kos sara hidup' sahaja. Walau bagaimanapun, kita terus kepada soalan Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

15. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa pelan persediaan yang sedang dirangka untuk menambah baik imbalan bayaran- *balance of payment*, pada tahun 2023 dan apakah strategi pemulihan industri yang akan dilaksanakan bagi memacu sektor-sektor perkilangan dan pembuatan tempatan ke arah meningkatkan aktiviti eksport mereka secara progresif.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair. Imbangan bayaran atau *balance of payment* sebenarnya di bawah tanggungjawab dan kawal selia Kementerian Kewangan

■1140

Manakala Kementerian MITI bertanggungjawab ke atas imbalan perdagangan ataupun *balance of trade*. Berdasarkan angka-angka berkaitan perdagangan dan pelaburan diluluskan yang menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2022, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yakin dengan prospek ekonomi negara untuk terus mengukur di bawah kepimpinan Kerajaan Malaysia Madani. Perdagangan Malaysia pada tahun 2022, secara keseluruhannya mencatatkan pertumbuhan sebanyak dua digit ataupun 27.8 peratus kepada RM2.8 trilion berbanding tahun 2021.

Eksport berkembang sebanyak 25 peratus kepada RM1.5 trilion melebihi sasaran Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tahun 2025, tiga tahun lebih awal daripada yang ditetapkan. Lebihan dagangan yang telah direkodkan selama 25 tahun berturut-turut semenjak tahun 1998 juga meningkat 0.6 peratus kepada RM255 bilion pada tahun 2022.

Momentum prestasi yang membanggakan ini diteruskan di mana pencapaian bulan Februari 2023 menunjukkan pertumbuhan meningkat sebanyak 11 peratus kepada RM204 bilion berbanding Februari 2022. Manakala eksport meningkat sebanyak 9.8 peratus kepada RM112 bilion dan import meningkat sebanyak 12.4 peratus kepada RM92 bilion bagi tempoh yang sama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Now, soalan tambahan saya, apakah insentif yang diberikan kepada sektor perkilangan dan pembuatan tempatan untuk memperluaskan aktiviti eksport mereka? Berapakah banyak syarikat telah memohon berbanding yang telah diluluskan? Saya khuatir insentif ini tidak berkesan dan sukar untuk diakses oleh syarikat-syarikat tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Saya akan memberikan maklumat terperinci selepas ini tetapi secara amnya, insentif diberikan kepada syarikat-syarikat yang membuat pelaburan tetapi juga MATRADE bertanggungjawab untuk meluaskan keupayaan syarikat-syarikat tempatan untuk mengeksport. Itu secara amnya tetapi jawapan secara bertulis akan diberi untuk maklumat terperinci. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, itu merupakan soalan dan jawapan yang terakhir. Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiausaha.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2023

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[30 Mac 2023]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini merupakan hari ketiga dan hari terakhir perbincangan bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2023. Di hadapan saya ada seramai 20 orang Ahli Senator yang hendak berbahas.

Oleh itu, saya membuat ketetapan bahawa masa perbincangan yang wajar dipertimbangkan dan diberi selama 15 minit seorang. Lantas saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

11.44 pg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Belanjawan Tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua, tiada sumber khususnya sumber kewangan yang tidak terhad dan realiti kedua, kerajaan berdepan dengan seribu satu permintaan daripada pelbagai pihak dan oleh itu perlu memberi keutamaan. Mengimbangi kedua-dua realiti ini bukanlah satu perkara yang mudah dan oleh itu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan serta warga Kementerian Kewangan kerana dapat berjaya menzahirkan Belanjawan 2023, yang berteraskan tiga strategi iaitu:

- (i) pemacuan ekonomi yang terangkum dan mapan;
- (ii) reformasi institusi dan tatakelola bagi memulihkan keyakinan; dan
- (iii) keadilan sosial untuk menyederhanakan kesenjangan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 2023 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.5 peratus dan malahan kerajaan yakin dapat melepasi unjuran ini dengan mengambil kira pembaharuan dan reformasi pentadbiran yang akan dilakukan. Kerajaan juga memilih dasar fiskal yang mengembang, yang sesuai untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Sejajar dengan dasar fiskal tersebut, perbelanjaan pembangunan ditingkatkan sebanyak 35 peratus kepada RM97 bilion berbanding tahun sebelumnya.

Saya akan menyentuh sektor perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, seperti tahun-tahun yang lepas sektor perkhidmatan diunjur menyumbang lebih dari separuh Keluaran Dalam Negara Kasar menjadikan sektor ini penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, produktiviti dan pendapatan negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya akan memberikan tumpuan kepada sektor pelancongan kerana sektor pelancongan ini merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Sejak tahun 2008 kita telah mencatatkan kedatangan pelancong asing yang amat memberangsangkan dalam kira-kira RM20 juta setiap tahun dan ia terus menaik. Statistik yang terbaik kita adalah pada tahun 2019, di mana kita mencatatkan 26.1 juta orang pelancong asing yang menyumbang sebanyak RM86 bilion kepada KDNK negara dan ini adalah lebih kurang 13.3 peratus sumbangan kepada KDNK negara.

Bila kita mengambil kira subsektor perkhidmatan yang turut memberi kesan yang positif akibat daripada sektor pelancongan iaitu peruncitan, pengangkutan serta makanan dan minuman nilai ditambah kasar sumbangan, pelancongan pada tahun tersebut iaitu pada tahun 2019 ialah RM240 bilion iaitu bersamaan dengan lebih kurang hampir 16 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Jadi ini merupakan sebuah jentera pembangunan yang sangat baik dan perlu dibangunkan dengan lebih baik dan lebih menyeluruh. Pada tahun 2020 dan tahun 2021, seperti mana yang berlaku di seluruh dunia kedatangan pelancong telah jatuh akibat daripada pandemik COVID-19. Kita lihat pada tahun 2020, kita cuma mencatatkan ketibaan sebanyak 4.3 juta orang pelancong asing iaitu penurunan sebanyak 83.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan juga merudum kepada 85 peratus kita cuma meraih sebanyak 12.69 bilion sumbangan pendapatan daripada industri pelancongan pada tahun 2020.

Pada tahun 2021, keadaannya lagi tenat. Kita hanya menerima kedatangan sebanyak 130 ribu orang pelancong asing melibatkan pendapatan sebanyak RM240 juta sahaja dan pada tahun 2022, di mana industri pelancongan di seluruh dunia mula pulih dan negara-negara lain mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan. Akan tetapi Malaysia, saya belum mungkin saya silap, tetapi saya belum mendapatkan angka rasmi daripada statistik tetapi apa yang dinyatakan mahupun daripada *Malaysian Tourism Board*, *website* mereka, tetapi laporan daripada *Al-Jazeera* baru-baru ini memetik penjelasan daripada pegawai daripada *Malaysian Tourism Board*, kedatangan pelancong asing iaitu 3 juta orang sahaja.

Jauh lebih ketinggalan jika kita bandingkan dengan negara-negara jiran kita iaitu Thailand ia mencatatkan kedatangan pelancong asing sebanyak 11.1 juta, Singapura

sebanyak 4.6 juta, Indonesia sebanyak 4.58 juta malahan Vietnam mengatasi kita dengan 3.6 juta orang pelancong.

■1150

Jadi, kedudukan ini amat membimbangkan. Syukur, kita ada pelancongan domestik yang dapat mengimbangi kehilangan kita dalam sektor pelancongan asing. Jadi, mengapakah Malaysia tidak dapat menarik lebih ramai lagi pelancong pada tahun lepas?

Memang tidak realistik untuk mengharapkan kita dapat kedatangan pelancong seperti tempoh sebelum pandemik kerana *border* pun baru terbuka dalam tempoh- namun, untuk mendapatkan kedatangan yang jauh kurang adalah merisaukan. Ternyata kita kurang daya saing berbanding negara-negara jiran.

Berdasarkan maklum balas daripada penggiat industri dan juga daripada *website* terkemuka seperti Booking.com dan juga pengembara-pengembara profesional termasuk wartawan-wartawan profesional yang menjalankan kajian ke atas sektor pelancongan di Asia Tenggara, disenaraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada kekurangan daya saing Malaysia.

Pertama, makanan kita kurang terkenal berbanding dengan makanan Thai. Makanan Thai adalah sudah termasyhur di seluruh dunia. Kita, sate dan rendang mula menarik perhatian. Jadi, dengan erti kata lain, kita kenalah mempertingkatkan kualiti dan juga *variety*, dengan izin, makanan kita. Sebab, maklum balas daripada penggiat industri menyatakan bahawa walaupun kita mempunyai pelbagai jenis makanan tetapi kualiti tidak setanding dengan kualiti F&B negara-negara jiran.

Kedua, faktor yang *against us* adalah di negara-negara jiran, cukai alkohol adalah lebih rendah berbanding dengan kita.

Ketiganya, *night life* dengan hiburan-hiburan negara-negara jiran adalah lebih berbanding daripada kita. Ada sektor ataupun segmen pelancong yang suka yang menekankan perkara yang sedemikian. Jadi, mereka rata-rata menyatakan *quieter time*, pergilah ke Malaysia. Jadi, untuk pelancong-pelancong muda-muda ini, mereka lebih menggemari pergi ke Thailand, pergi ke Singapura dan juga yang *promising new destination* adalah Vietnam.

Ketiga, mengikut mereka, kos kita lebih tinggi. Untuk mereka membelanjakan hotel Tiga Bintang di Thailand adalah bersamaan dengan kos hotel Lima Bintang di Malaysia. Mereka mengatakan amat leceh bila hendak meminta katil tambahan ataupun *bedding* tambahan. Akan membayar dengan lebih banyak. Begitu juga keadaan hotel di sana. Walaupun Tiga Bintang, tetapi sangat cantik, sangat unik kerana di Thailand banyak *boutique hotel*.

Jadi, kita bandingkan dengan apa yang sedia ada- tidak payah lihat yang lain- di Kuala Lumpur. Kita banyak hotel, bangunan-bangunan yang mencakar langit tetapi daripada apa

yang kita lihat, butik-butik hotel yang menarik, yang menawan, saya rasa agak kekurangan. Kalau kita lihat di Bali, di Bangkok dan sebagainya, dia tidak perlu bangunan yang mencakar langit tetapi bila *you* melihat dari luar, ia sedap mata memandang.

Sekarang ini orang ada segmen yang suka kepada *shabby chic*. Jadi, kita perlu menyediakan prasarana, perlu menyediakan *facility* yang dapat menarik perhatian, menjadi daya tarikan kepada segmen pelancong ini. Daripada kajian yang dijalankan oleh Booking.com, salah satu yang diutamakan- ia melibatkan seramai 24,000 orang di pelbagai negara yang akan melancong dalam tempoh 12 bulan, 24 bulan. Mereka suka ke destinasi yang nostalgik. Jadi, saya rasa yang *shabby chic* itu ialah salah satu kriteria daya tarikan yang boleh menarik pelancong-pelancong dalam segmen ini.

Keempat, saya melihat ini ialah satu perkara yang amat penting, iaitu produk pelancongan kita kurang berbanding dengan produk pelancongan negara-negara lain. Kalau di Thailand, mereka berkata sentiasa ada *excursion*. Senang untuk memilih dan mereka ada tempat-tempat pelancongan untuk menempah *excursion* ini. Tidak susah untuk mencari, untuk membuat tempahan semua. Jadi, bandingkan kita di Malaysia, keadaannya tidak sebegitu. Produk kita kurang. Jadi, ini ialah satu perkara yang perlu kerajaan memberi tumpuan. Sebab, kita banyak khazanah alam yang membanggakan tetapi saya rasa pembangunan itu adalah amat kurang.

Keempat, ini satu perkara, tandas. Banyak tandas yang kurang bersih. Ada pula yang kompelin kedai dobi *not easily accessible*. Berlainan kita di Bintulu, berlambak kedai dobi ya. Akan tetapi, mereka cakap rata-rata untuk *route* ke tempat lawatan *tourist attraction* itu, kurang kedai dobi.

Untuk pelancong yang membawa anak kecil menyatakan Malaysia kurang *kid's friendly*. Bila hendak membeli lampin itu, kena beli kotak yang besar yang mengandungi 40 hingga 50 helai lampin. Kita tidak ada menyediakan pek yang kecil. Jadi, mereka kata kalau hendak bawa pek yang kecil, kena bawa dari rumah. Bayangkan, *all the way* dari Australia kah, daripada Amerika kah, membawa lampin untuk kanak-kanak. Jadi, ini satu perkara yang perlu diambil kira oleh peniaga-peniaga runcit kita.

Kita banyak pantai, *we have a lot of beaches* tetapi kurang dibangunkan berbanding dengan Thailand, dibandingkan dengan Bali. Jadi, kita dapat menarik segmen pelancong yang sukakan *less ball sport* tetapi *tourist* ini melihat di mana orang ramai, di situlah tumpuan dia. Jadi, ini satu perkara yang perlu diberi tumpuan juga. *We have to develop more of our beaches*.

Kesembilan, lebih mudah dan selesa bergerak. Misalnya di Thailand, *easier to get around in Thailand as it is tourist-driven* sebab ekonomi mereka adalah berpusat kepada industri pelancongan.

Ada yang khuatir juga- persepsi. Ini satu perkara yang amat penting. Bagaimana persepsi orang asing melihat kita di Malaysia. Saya melihat di dalam *TripAdvisor*, ada satu soalan yang ditanyakan. “*Adakah okey saya berpakaian sekadar seluar pendek ataupun singlet di Malaysia?*” “*Adakah okey kalau saya membawa girlfriend saya ke Malaysia?*” Jadi, persepsi orang asing ini adalah sedemikian. Bagaimana kita mengatasi persepsi ini, menyatakan perkara yang sebenar tanpa- *I mean*, menyatakan bahawa kita negara sangat terbuka, boleh membenarkan berpakaian yang tidak senonoh. Itu perlu diimbangi. Bagaimana kita menarik pelancong-pelancong asing ke Malaysia.

Ini adalah antara kelemahan-kelemahan yang dinyatakan oleh *website-website*, oleh kajian-kajian yang saya rujuk. Saya rasa ini- terutama kepada produk yang berkurangan, kualiti hotel dan sebagainya, ini merupakan perkara yang perlu diambil tumpuan oleh pihak *Tourism Malaysia*.

Satu lagi. Boleh bagi saya masa sedikit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Pelancongan domestik makin bertambah. Pada tahun yang sebelum ini, tahun 2020, sebelum COVID-19 melanda, kita mencatatkan 103 juta ketibaan pelancongan domestik. Jadi, ini satu perkara yang boleh dibangunkan oleh kementerian, oleh kerajaan.

■1200

Misalnya di Sarawak, kita banyak tempat yang menarik yang boleh dibangunkan untuk menarik pelancong-pelancong domestik bahkan untuk pelancong-pelancong asing. Kalau kita lihat di negara-negara Amerika Syarikat, di China, mereka menjadikan misalnya empangan kawasan empangan sebagai *tourist attraction The Three Gorges Dam* dan *Hoover Dam*. Jadi, ramai pengunjung yang melihat kepada empangan-empangan tersebut.

Di Sarawak kita ada tiga empangan, Murum, kita ada Bakun dan kita ada Batang Ai. Ini boleh dijadikan atau dibangunkan menjadi tempat peranginan untuk menarik pelancongan bukan sahaja pelancongan domestik tetapi pelancongan asing. Pada masa sekarang, seperti di Bakun, kita sudah ada pengusaha-pengusaha yang kecil-kecilan saya rasa perlu diberi tumpuan dan perlu diberi bantuan kerana mereka mengadakan *homestay*, mereka membuat tempat-tempat tertentu untuk pelancong datang bermalam, barbeku ikan lebih kepada, fokus kepada konsep pengembaraan di sekitar kawasan tersebut.

Saya melihat banyak potensi untuk membangunkan pelancongan di tempat tersebut. Kalau kita lihat di Bakun tersebut banyak penempatan rumah panjang Orang Hulu dan mereka ini terkenal dengan *the skill in beads making* dan juga seni persembahan tarian dan alat muzik. Malahan, sebuah rumah panjang bernama Uma Baha di Asap adalah terkenal dengan kumpulan kebudayaan mereka dan pernah mengadakan pertunjukan kebudayaan pada peringkat perayaan negeri Gawai Dayak pada tahun yang lepas peringkat negeri boleh

membuat persembahan kepada *tourist* ini. Jadi, ini boleh dibangunkan untuk menjadi daya tarikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kita lemah dalam membangunkan industri kreatif. Industri kreatif ini adalah berkait rapat dengan *tourism industry*. Kalau kita lihat, kita pergi Mesir sebagainya, kita pergi ke Tepian Nil itu ada *temple ruins*. Pada waktu malam, mereka mengadakan pertunjukan yang mengisahkan cerita-cerita lama, Firaun yang lama.

Jadi, kita di Sarawak tidak kurangnya. Kita ada cerita-cerita rakyat yang boleh dilakukan sebagai pertunjukan kepada pelancong-pelancong pada waktu malam. Tiket jualan ini bolehlah dibeli secara *online* supaya misalnya orang dari luar negara hendak pergi ke Bakun misalnya boleh menempah tiket untuk pertunjukan tentang cerita-cerita rakyat yang diperlihatkan di tempat tersebut.

Jadi, saya lihat banyak potensi tetapi kurang dibangunkan. Memandangkan ia merupakan satu sektor ekonomi yang telah terbukti memberi sumbangan yang tinggi kepada keluaran dalam negara kasar, saya harap kerajaan mungkin boleh melihat balik *The National itu on Touritum* itu bagaimana kita boleh menarik balik pelancong-pelancong asing supaya kita bukan sahaja dapat mencecah 20 juta tetapi lebih daripada itu. Dengan itu, saya menyokong Usul untuk meluluskan bajet Belanjawan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol atas perbahasan yang telah diberikan. Seterusnya saya menjemput pembahas yang kedua Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob.

12.04 tgh.

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Malaysia Madani Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya diberi ruang untuk mengucap berbahas Rang Undang-undang Belanjawan 2023. Saya ambil topik orang istimewa, masyarakat istimewa yang mereka melalui keadaan di Malaysia.

Dalam Rang Undang-undang Bajet yang dibentangkan, yang diberi kepada perbelanjaan tidak mencukupi untuk menjaga golongan istimewa yang berada di Malaysia. Kalau kita bandingkan angka yang berada yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan perbelanjaan diperuntukkan memang tidak cukup. Paling rendah boleh dikatakan. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain di luar negara masih lagi golongan istimewa dalam negara kita masih lagi ketinggalan ke belakang. Ini disebabkan peruntukan yang diperuntukkan tidak mencukupi daripada segi akademik, pendidikan, kesihatan, sukan dan juga kebajikan Tuan Yang di-Pertua.

Saya mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tempoh hari, JKM mengatakan terdapat banyak kekurangan di JKM seperti staf kakitangan JKM di

mana JKM kena jaga banyak bahagian seperti ibu tunggal, pesakit, OKU dan macam-macam. Jika berlaku kebanjiran, JKM kena turun. Jika berlaku tanah runtuh, JKM kena turun. Maka dengan keseluruhannya kakitangan diturunkan. Maka mereka kebanyakannya mereka tidak dapat ditumpukan isu-isu orang istimewa ini. So, saya mengharapkan bajet ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mempertimbangkan keadaan ini dan memberi keutamaan kepada menjaga kebajikan dan juga keselamatan hak-hak orang-orang istimewa.

Kedua, selepas / dengar luahan daripada JKM mengatakan tidak cukup kakitangan untuk menghadapi masalah-masalah khususnya orang-orang istimewa ini, maka saya mula turun ke padang. Minggu lepas saya turun ke negeri Johor dan saya mendapati amat sedih apa yang berlaku di negeri Johor. Ada orang istimewa ini tidak ada kad OKU, ada yang tidak dapat, ada yang tidak- apabila mereka pergi memohon banyak prosedurnya, banyak perkara mereka kena lalui dan daripada satu- tempat ke satu- tempat ia amat jauh. Mereka mendapati amat susah untuk mendaftar sebagai OKU dengan JKM.

Saya ingin mencadangkan kalau boleh tidak perlu didaftarkan di JKM apabila seorang anak istimewa dilahirkan. Anak itu boleh terus daftar dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara terus. Ini akan mengurangkan kerja-kerja JKM. Dengan pemberian kad OKU ini juga, / dapati apabila saya buat lawatan, banyak salah gunakan kad OKU berlaku. Seperti saya difahamkan dan saya diberitahu ada seorang yang memohon kad OKU, / tanya apa sebab dia mohon kad OKU dan mereka beritahu ayah dia sudah umur 80 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita faham kalau 80 tahun memang kita *slow*, pergerakan kita kurang. Dengan itu mereka memohon kad OKU dan dapat kad OKU dan mereka gunakan kad OKU untuk mendapat keistimewaan seperti tempat letak kereta. Adakah ini wajar? Kita kena perhatikan. Saya bukan hendak salahkan JKM tetapi sistem yang ada dalam JKM ini kita kena memperbaharui ataupun memantapkan lagi sistem yang ada sekarang. Ramai yang salah gunakan kad OKU ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya dapat jemputan rasmi untuk melawat PDK Suria. Salah sebuah pusat yang memberi latihan kepada anak-anak istimewa ini. Apa yang sedih sekali iaitu mereka ada tiga orang pekerja atau staf kakitangan.

■1210

Sudah tiga bulan mereka tidak dapat gaji, tiga bulan tidak dapat gaji, Tuan Yang di-Pertua, yang memberi khidmat untuk anak-anak istimewa. Menjelang hari raya tidak lama lagi, tinggal lagi sepuluh hari, gaji belum keluar tiga hari. Saya mohon Yang Berhormat Perdana Menteri ambil serius perkara-perkara seperti ini. Jikalau kita tidak ambil tindakan atau tindakan yang sewajarnya, berkemungkinan suatu hari kita akan hilang kakitangan-kakitangan yang mahir untuk menjaga golongan istimewa ini.

So saya mengharap kerajaan akan ambil tindakan dan memberi sedikit masa untuk menjaga golongan istimewa ini. Seterusnya, ini amat-amat mengecewakan bagi saya apabila

saya berada di negeri Johor. Baharu / melawat sebuah negeri. Minggu ini saya akan turun lagi negeri, / hendak pergi memerhatikan apakah masalah golongan istimewa yang tidak dapat bantuan yang sepatutnya.

PDK Suria telah mendapat sebuah tanah sejumlah 0.370 ekar yang diberikan oleh FELDA kepada mereka untuk membina pusat pengajaran di Nitar 2, Mersing. Tanah telah diberi tetapi peruntukan telah diturunkan tetapi bangunan belum dinaikkan. Sudah hampir tujuh tahun Tuan Yang di-Pertua. Apakah yang berlaku dalam negara kita? Kenapa golongan istimewa di negara kita dianiayai seperti ini, kenapa..? Adakah tidak ada- sebuah agensi yang betul-betul memerhatikan golongan istimewa? Adakah golongan istimewa ini golongan simpati? Adakah golongan ini golongan pengemis?

Saya rasa masa sudah cukup, masa sudah sampai. Golongan istimewa kena diberi satu keistimewaan, mereka ini dalam Islam merupakan anak syurga. Anak syurga inilah kena kita jaga lebih daripada orang biasa. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya untuk mengatasi masalah ini, saya cadangan sekuat-kuatnya kerajaan kena tubuh atau adakan satu Jabatan Hal Ehwal OKU di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menjaga keselamatan dan hak-hak mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Akta OKU 2008 sekarang sudah lima belas tahun, berapa kali kita sudah semak Akta OKU? Di Dewan yang mulia ini saya mohon kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sokong kuat-kuat untuk Jabatan Hak Ehwal OKU di bawah Jabatan Perdana Menteri. Itu penting... *[Tepuk]* Apabila ditubuhkan, apabila sudah ada, jabatan ini akan mengambil alih daripada JKM. Mereka akan memantau dan memastikan setiap lima tahun akan diperiksa ataupun *revised*, dengan izin, *revised*-kan balik akta pada setiap lima tahun. Tidak ada penganiayaan berlaku kepada OKU ataupun golongan istimewa.

Seterusnya elaun yang diberi wajib diteliti setiap dua tahun, untuk memastikan elaun bulanan wajib dinaikkan setiap dua tahun kepada warga istimewa. Tuan Yang di-Pertua, yang saya hormati, tempoh hari saya dengar ramai yang katakan. Ini merupakan perasaan saya seorang OKU asal semula jadi. Apabila orang kata OKU, ia amat-amat menyakiti saya. Orang kata buta menyakiti sebab saya boleh rasa perasaan Orang Kelainan Upaya. Bila kita kata pekak, bisu, ia memberi satu impak kepada mereka. Apa kata kalau kita tukar ayat-ayat yang itu, pekak kita gunakan istimewa pendengaran, istimewa pertuturan, istimewa orang golongan istimewa. Ia akan memberi makna yang lebih sopan dan memberi satu keyakinan kepada golongan istimewa ini.

Tadi saya kata Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang baharu duduk di sini anggap kenapa saya tidak gunakan OKU atau Orang Kurang Upaya. Ini kerana saya tidak yakin dengan perkataan tersebut. Apabila seseorang datang ke depan saya mengatakan anda adalah seorang OKU, automatik saya akan dapat fikiran negatif, saya tidak berguna

kepada masyarakat. Maka saya akan bergantung pada bantuan kerajaan. So jikalau kita tukar kepada Orang Kelainan Upaya ia akan membawa banyak impak dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, mulalah kita dari sini, saya akan bantu akan sedia bantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Jabatan Perdana Menteri untuk meningkatkan taraf dan juga hak-hak orang istimewa ini. Jadi kita tidak lagi ketinggalan berbanding negara-negara seperti yang lain.

Izinkan Tuan Yang di-Pertua saya ingin menutupkan di sini dengan satu perkara. Saya mohon kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk Tuan Yang di-Pertua, berdiri selama satu minit. Izinkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan

[Semua Ahli Yang Berhormat bangun]

[Berdiri selama satu minit]

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Saya juga mohon berdiri di atas satu kaki. Berdiri dengan satu kaki.

[Semua Ahli Yang Berhormat berdiri atas satu kaki]

[Berdiri selama satu minit]

Tuan Isaiah a/l D Jacob: Terima kasih saya berdiri empat belas minit, lima belas saat dengan satu kaki. Kami Orang Kuat Upaya... *[Tepuk]* Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berdiri adalah Orang Kurang Upaya. Dengan ini, saya sepenuhnya menyokong Belanjawan Rang Undang-undang 2023. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Isaiah atas hujah yang telah diberikan. Saya amat terasa dalam soal ini dan apa yang dibahaskan akan dapat didengari oleh pihak kementerian yang bertanggungjawab.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato Dr. Nuing Jeluing dipersilakan.

12.19 tgh.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang membahaskan Belanjawan 2023. Seperti mana yang telah diumumkan bajet untuk tahun ini 2023 adalah berjumlah RM388.1 bilion dan daripada jumlah itu RM289.1 bilion untuk mengurus dan RM99 bilion untuk pembangunan termasuk RM2 bilion untuk simpanan luar jangka. Peruntukan untuk pembangunan tahun ini adalah lebih tinggi daripada tahun lepas.

■1220

Akan tetapi untuk peruntukan pembangunan, ia hanya 25 peratus daripada keseluruhan bajet. Jika dibandingkan dengan bajet yang progresif, peratusan ini adalah rendah. Sebenarnya bajet pembangunan RM97 bilion dan jumlah ini lebih tinggi daripada peruntukan tahun lepas 2022 yang berjumlah RM71.6 bilion.

Sekali lagi, Bajet 2023 merupakan bajet defisit seperti bajet tiap-tiap tahun semenjak 25 tahun yang lepas. Sudah 25 tahun kerajaan berbelanjawan defisit. Kutipan hasil untuk 2023 dijangka berjumlah RM291.5 bilion. Jumlah ini tidak mengambil kira sumber hasil tambahan dan bajet RM388.1 bilion ini menunjukkan defisit RM96.6 bilion. Jumlah defisit ini adalah besar dan harus diambil serius oleh kerajaan. Defisit ini adalah satu daripada sebab hutang negara menjangkau RM1.2 trilion atau lebih 60 peratus KDNK bagi tahun 2023.

Jika hutang dan liabiliti diambil kira juga, hutang negara mencecah RM1.5 trilion atau lebih 81 peratus KDNK. Jumlah ini merupakan bebanan yang berat untuk rakyat dan negara. Malah untuk membayar faedah atau bunga pinjaman sahaja berjumlah RM46 bilion setahun atau 16 peratus daripada hasil, jumlah ini telah melebihi 15 peratus yang selama ini diamalkan. Ini menunjukkan betapa serius keadaan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2023 ada peruntukan-peruntukan dan rancangan-rancangan yang baik untuk rakyat seperti pertamanya, menghapuskan 130 ribu isi rumah miskin tegar yang berpendapatan kurang dari RM2,500- sekeluarga dalam tahun ini.

Sasaran ini mungkin susah untuk dicapai. Bagaimanakah kerajaan akan melaksanakan program-program untuk mencapai sasaran ini? Saya berpendapat tidak akan tercapai jika hanya dengan memberi subsidi sahaja. Walaupun subsidi boleh menurunkan jumlah miskin tegar dalam jangka masa yang singkat atau *short-term* tetapi tidak dapat mengekalkan dalam jangka masa yang panjang- *long-term*.

Saya cadang satu usaha yang akan berkesan dalam jangka masa yang panjang menyediakan pekerjaan untuk ahli keluarga miskin tegar ini. Anak-anak mereka, anak-anak keluarga miskin tegar harus dibantu dalam pelajaran mereka supaya mereka boleh bekerja dengan gaji yang baik selepas menamatkan pengajian mereka. Ini membolehkan mereka berdikari serta mengeluarkan mereka daripada kitaran kemiskinan dan tidak bergantung kepada subsidi semata-mata.

Kedua, satu daripada usaha memenuhi keperluan ekonomi rakyat iaitu mengurangkan kadar cukai untuk perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama dari 17 peratus kepada 15 peratus adalah dialu-alukan. Pengurangan ini dapat penjimatan sehingga RM3,000. Jumlah ini sangat bermakna sebab kumpulan PMKS telah terjejas teruk sewaktu negara dilanda oleh pandemik COVID-19.

Peruntukan RM1.2 bilion untuk sekolah daif dan klinik daif juga dialu-alukan. Banyak sekolah di Sarawak yang daif, bangunan yang daif, seperti dewan sekolah di kawasan saya yang separuhnya sudah usang serta rosak disebabkan ribut yang kuat beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi sampai sekarang belum di baik pulih. Bajet Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah terbesar, berjumlah RM55.1 bilion dan RM2.3 bilion diagihkan untuk pemulihan 380 buah sekolah yang daif. Dengan peruntukan yang sedia ada, saya mohon perhatian daripada pihak KPM berkenaan dengan keadaan sekolah yang saya sebutkan.

Keempat, skim kesihatan madani perlu juga kita alu-alukan. Hasrat kerajaan untuk menyelesaikan masalah Pegawai Perubatan Kontrak- *Contract Doctors* akan menenangkan kesesakan di hospital-hospital kerajaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah memaklumkan bahawa untuk tahun ini sahaja 1,500 orang pegawai kontrak akan ditawarkan jawatan tetap yang akan memerlukan peruntukan RM3.8 bilion. Langkah ini juga akan menenangkan keadaan dalam kalangan pegawai perubatan kontrak sebab akhirnya masalah mereka akan diselesaikan oleh kerajaan.

Kelima, cukai. Meluaskan asas cukai kepada mereka yang mempunyai kemampuan. Sebagai contoh, mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin untuk *vape*. Saya setuju dengan cadangan ini. Jika rokok biasa dikenakan cukai, mengapakah tidak *vape* yang bernilai lebih RM2 bilion? Dengan melaksanakan cukai ini, diharapkan dapat mengurangkan penggunaan *vape*. Cadangan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan rakyat merokok. Langkah ini akan dapat memupuk hasrat kerajaan untuk rakyat mengamalkan gaya hidup sihat- *healthy lifestyle*.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Saya mohon kementerian kaji semula permohonan dari *Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority* (SALCRA), dengan izin, untuk membangunkan kawasan ladang sawit pada Rancangan Malaysia Kesebelas untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Permohonan itu melibatkan tanah yang luas di kawasan Sungai Arip, Sungai Tau dan Sungai Bawang dalam kawasan Parlimen Selangau. Ia melibatkan kurang lebih 1,000 orang penduduk, dan tanah, yang akan diusahakan merupakan tanah asal mereka (NCR)

■1230

Namun, permohonan itu diketepikan oleh kerajaan waktu itu pada tahun 2018 atas sebab keutamaan tidak diberi kepada penanam kelapa sawit yang baharu, tetapi hanya untuk tanaman semula sahaja.

Saya mohon kerajaan mempertimbangkan permohonan ini demi kepentingan rakyat di kawasan tersebut. Saya difahamkan bahawa kerajaan yang ada sekarang telah bersetuju akan mengkaji semula permohonan ini dan diharapkan ia akan berlaku.

Pembangunan. Peruntukan sebanyak RM5.6 bilion untuk Sarawak bagi tahun ini dan ini lebih tinggi daripada peruntukan tahun lepas iaitu tahun 2022. Sebanyak RM2.5 bilion disediakan bagi melaksanakan projek-projek yang melibatkan prasarana awam termasuk bekalan air dan elektrik.

Buat masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 90 persen kawasan sudah ada bekalan air di Sarawak. Sebanyak 10 persen yang belum adalah di kawasan pendalaman dan luar bandar. Masalah logistik seperti kawasan yang luas dan penduduk yang tinggal berjauhan antara satu sama lain menyukarkan pembinaan infrastruktur atau paip *line* bekalan

air menyebabkan kelewatan menyediakan bekalan air. Rakyat di kawasan pendalaman dan luar bandar yang tidak ada bekalan air menggunakan air hujan, air dari sungai dan air bukit untuk kegunaan harian. Saya berharap bekalan air ke kawasan tersebut akan disegerakan.

Akhir sekali, saya mohon agar bajet pembangunan untuk Sarawak akan ditambah untuk tahun-tahun yang akan datang. Ini kerana Sarawak merupakan kawasan yang luas seperti mana kita tahu dan memerlukan infrastruktur seperti jalan raya dan jambatan. Malah disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi, kerajaan negeri terpaksa menanggung kos pembinaan beberapa buah jambatan seperti Jambatan Batang Lupar dan juga ratusan kilometer jalan pesisir, atau *coastal road*.

Saya cadangkan peruntukan Sarawak ditambah ke-satu pertiga jumlah keseluruhan bajet tahunan atau *one third of total development budget*. Jumlah dipohon ini mencerminkan juga Sarawak adalah satu daripada tiga buah wilayah iaitu bersama Semenanjung dan Sabah yang membentuk Malaysia. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing atas perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang keempat Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, silakan.

12.34 tgh.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam hormat, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2023. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penunjuk fiskal kadar inflasi Malaysia tahun ini dijangka sama seperti tahun 2022 iaitu pada paras 3.3 peratus. Namun saya percaya ia akan lebih tinggi jika ketidaktentuan rantaian bekalan global tidak ditangani. Jika kita rehat untuk tahun 2023, ini pertumbuhan ekonomi global kekal lemah dan terus perlahan dengan kegiatan perdagangan yang lembap. Baru-baru ini juga kita digemparkan dengan berita bank runcit terbesar di Amerika Syarikat *Silicon Valley Bank* telah jatuh *bankrupt*. Walaupun kejatuhan institusi perbankan ini tidak dirasai secara langsung di Malaysia, tetapi kesannya sedikit sebanyak masih dirasakan di pasaran-pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu jika kita lihat walaupun inflasi keseluruhan menunjukkan angka 3.3 peratus, tetapi inflasi makanan mencatatkan peningkatan sehingga 5.8 peratus. Jadi jelas banyak yang perlu diusahakan oleh kerajaan bagi memastikan kos bahan mentah dan barangan makanan rakyat perlu berada di paras yang lebih rendah dan dikawal dengan lebih ketat. Saya menyambut baik pengenalan menu Rahmah yang diperkenalkan oleh kerajaan. Akan tetapi, saya juga berharap hanya bahan mentah daripada

rantaian bekalan pertama juga dikawal selia dengan baik bagi memastikan bukan sahaja pengguna akhir yang mendapat manfaat daripada menu Rahmah tetapi juga golongan peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan dana berjumlah RM525 juta bagi melaksanakan melebarkan lebuh raya daripada Yong Peng Utara ke Senai Selatan, daripada empat- lorong kepada enam- lorong. Saya percaya ia akan memanfaatkan seluruh pengguna jajaran lebuh raya tersebut, terima kasih saya ucapkan.

Saya juga mohon pihak Kementerian Kerja Raya mempertimbangkan agar melebarkan juga Lebuhraya Utara-Selatan dari Ayer Keroh ke Yong Peng Utara kerana aliran lorong ini sentiasa sesak pada hujung minggu dan musim perayaan. Jadi, mohon perhatian daripada Kementerian Kerja Raya. Jalan-jalan yang lorong empat ini akan jadi lebih teruk jika berlakunya kemalangan di jalan raya. Jadi, saya rasa sampai masa untuk kita meningkatkan daripada lorong empat ke empat- lorong.

Seterusnya saya ingin memetik laporan berkaitan industri sawit Malaysia yang dijangka akan terus lembap tahun ini susulan persaingan sengit dari Indonesia. Berita ini bukan sesuatu yang enak didengar, malah ia menakutkan dan menambah gelisah rakyat dan golongan peraih sawit di bawah sana.

Sekiranya rancangan Indonesia untuk mempunyai penanda aras sendiri bagi harga minyak sawit mentah tidak kita tangani dengan baik, ini akan membawa satu musibah kepada negara. Biar pun Indonesia pengeluar minyak sawit mentah terbesar di dunia, tetapi penanda aras harga global minyak sawit mentah masih ditentukan oleh pasaran inovatif di Bursa Malaysia. Ini menjadikan kedudukan Malaysia masih lagi relevan dalam industri sawit dunia. Perkara ini tidak boleh kita pandang enteng kerana sekiranya Indonesia meneruskan rancangan mereka, Malaysia mungkin akan terus terbelakang dan tidak lagi signifikan dalam pasaran industri sawit.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya fikir bahawa kerajaan perlu segera dan tangkas bertindak bagi menyelamatkan industri utama negara ini.

■1240

Saya menyeru dan memohon kerajaan hari ini untuk mempercepatkan Rancangan Malaysia Kedua Belas yang telah dibentangkan sebelum ini berkaitan rancangan untuk menaik taraf penggunaan biodiesel B10 kepada B15 dengan segera. Solusi ini merupakan serampang dua- mata bagi menyelamatkan industri sawit negara. Rancangan ini telah tertangguh berkali-kali di mana yang terakhir bekas Menteri Perladangan dan Komoditi sebelum ini mengatakan bahawa B20 akan dilancarkan pada akhir tahun 2022 yang kita tahu tidak sempat dilaksanakan.

Jika kita lihat, tindakan kita terlalu jauh terkebelakang dari Indonesia dalam pada negara kita masih lagi melangkah untuk menaik taraf biodiesel B10 kepada B15, Indonesia kini telah melancarkan biodiesel B35. Jadi, sekiranya kerajaan serius untuk menyelamatkan industri sawit negara, kerajaan perlu bergerak pantas.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini telah berada pada tahun 2023 sedangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan menetapkan bahawa Malaysia akan mula menggunakan biodiesel B30 pada tahun 2025. Jadi soalan saya, adakah kita akan sempat, kita hanya ada dua tahun sahaja untuk menaik taraf B10 kepada B30 untuk mencapai matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Adakah cukup masa ini? Jadi, kerajaan kita perlu memikirkan hal ini.

Perkara seterusnya, saya menyambut baik peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan daripada RM4.8 bilion tahun lalu kepada RM5.39 bilion tahun ini. Ini satu manifestasi kerajaan tentang keseriusan membina benteng yang kukuh bagi sekuriti makanan negara. Jadi, saya berharap dengan pertambahan peruntukan yang cukup banyak ini, kementerian akan mempergiatkan lagi kaedah penggunaan bioteknologi dalam sektor agromakanan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya turut bersetuju dengan Titah Yang di-Pertuan Agong berkaitan kualiti penghasilan makanan juga perlu dititikberatkan selain daripada memastikan bekalan makanan mencukupi. Jadi, saya tertanya-tanya, apabila kerajaan membuat keputusan untuk membenarkan aktiviti import telur dari India, adakah ia memenuhi syarat *sanitary* dan *phytosanitary*? Ini kerana apa yang saya maklum, daya tahan telur hanya 28 hari selepas tempoh pengumpulan dari ladang. Maka, wujudnya persoalan sama ada telur yang melalui penghantaran kargo ini dari India masih lagi berkualiti dan terpelihara?

Justeru, saya minta pihak berwajib agar memantau bekalan telur import ini agar isu keselamatan makanan akan kekal terjamin. Berikutan dasar kerajaan yang telah memansuhkan AP makanan import, ini bermakna bekalan makanan import bebas untuk masuk. Tujuannya saya faham adalah bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi. Namun saya kira bagi pelan jangka masa panjang, dasar ini perlu dikawal bagi memastikan industri tempatan tidak akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengajukan sedikit soalan berkaitan subsidi dan insentif harga padi...

Datuk Paul Igai: Mencelah sedikit.

Datuk Lim Pay Hen: Okey.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita akan sampai *The Gawai Dayak* di Sarawak. Kita fahamlah beribu-ribu biji telur akan ditempah daripada Dayak di Sarawak. Bolehkah saya masukkan pertanyaan atau cadangkan kepada KPDNHEP dan

kerajaan untuk memantau dan juga membekalkan, gerenti membekalkan telur yang tidak melampau tinggi. Ini kerana sekarang di pasaran kita Kuala Lumpur, ada RM8 satu *tray*, ada yang RM10 tetapi di Kapit, di Kuching ada juga, ada lebih RM20 satu *tray*. Bolehkah masuk dalam ucapan Yang Berhormat?

Datuk Lim Pay Hen: Saya rasa ini satu soalan yang telah hangat dibahaskan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara. Daripada segi pembekalan itu saya rasa kerajaan perlu ambil perhatian khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kena memainkan peranan supaya pembekalan pada musim perayaan yang akan datang pembekalan telur itu akan mencukupi. Jadi, saya rasa yang catat itu saya rasa kena ambil perhatian untuk tindakan kementerian selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengambil sedikit masa untuk sentuh isu kod etika pemakaian di premis kerajaan yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini. Saya berpendirian bahawa kerajaan harus memandang serius isu ini kerana ia bukan sahaja berulang malah ia akan menjejaskan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia.

Janganlah biar ia menghakis dan merobohkan usaha baik yang dilakukan oleh kerajaan sebelum ini. Syabas kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail dan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha binti Mustafa yang telah memaklumkan bahawa setiap rakyat dan pesakit berhak mendapat keutamaan tanpa mengira kod pemakaian. Saya berharap kerajaan boleh memberi jaminan bahawa hak-hak asasi sebegini tidak akan terjejas di bawah isu pemakaian yang masih berulang-ulang lagi.

Namun, kerajaan haruslah menambah baik garis panduan etika pemakaian yang sedia ada bagi memastikan garis panduan itu disediakan dengan mengimbangi keperluan semua kaum dan rakyat Malaysia. Tambahan pula, kerajaan haruslah memastikan semua penjawat awam jelas bahawa etika pemakaian bukanlah satu undang-undang. Pegawai-pegawai perlu ada *expect flexibility* dalam pelaksanaan garis panduan pemakaian di premis kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan meneliti dan mengkaji semula garis panduan yang sedia ada, menetapkan pendirian dengan arahan yang jelas supaya isu tersebut tidak berlaku lagi pada masa hadapan. Saya percaya, jika masyarakat kita saling memahami dan mempunyai tahap kematangan yang tinggi, pasti setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan nilai toleransi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu banjir yang telah berlaku sejak akhir-akhir ini terutamanya di negeri Johor seperti Yong Peng, Tangkak, Kulai, Chaah dan Batu Pahat, saya ingin memberikan penghargaan yang tinggi kepada pihak seperti Angkatan Tentera Malaysia, bomba dan RELA serta petugas-petugas harapan ketika banjir telah bertungkus-lumus menyelamatkan dan memindahkan penduduk di kawasan banjir.

Saya menyokong agar peruntukan yang telah diumumkan agar aset dan peralatan kepada petugas harapan dipertingkatkan dan diperbaharui. Saya juga ingin tahu, sejauh manakah projek tebatan air sebanyak RM600 juta yang diumumkan kerajaan mampu membendung musibah banjir dan berapakah peratusan kadar pengurangan bencana yang dijangka dapat dikurangkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membentangkan satu isu yang dekat di hati iaitu hospital kerajaan yang daif dan uzur yang berisiko tinggi. Isu ini telah berbangkit di Dewan Rakyat, Dewan Negara sekurang-kurangnya dua penggal Parlimen bersidang. Ini terutamanya apabila kejadian enam orang pesakit terkorban dalam insiden kebakaran yang berlaku di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan izin, Hospital Sultanah Aminah, Johor.

■1250

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sultanah Aminah kini telah memasuki umur 82 tahun, sejak dibina pada tahun 1941. Jadi, saya sangat berharap agar hospital ini dinaiktarafkan dan diberi bangunan baru yang lebih kondusif bagi keselesaan dan kesejahteraan rakyat negeri Johor.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 2023. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen atas hujah yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput pembahas kelima, Yang Berhormat Puan Noorita binti Sual. Dipersilakan.

12.51 tgh.

Puan Noorita binti Sual: *Ka'ansayan* dan Salam Malaysia Madani. Yang Dihormati Tuan Yang di-Pertua, barisan Ahli Yang Berhormat Senator dan pegawai-pegawai persidangan yang dihormati sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana telah memberikan saya ruang dalam membahaskan Belanjawan Malaysia 2023 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, yang juga merupakan Menteri Kewangan Malaysia pada 24 Februari yang lepas.

Sebagai orang baharu dan buat pertama kali berucap di Dewan yang mulia ini, izinkan saya mengucapkan terima kasih yang tulus kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas pelantikan saya untuk menjadi Ahli Dewan Negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri atas kepercayaan beliau terhadap saya untuk mendukung tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara.

Kepada Tuan Yang di-Pertua, dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, salam perkenalan saya ucapkan. Tahniah juga saya ucapkan kepada Perdana Menteri atas

pembentangan Belanjawan Madani 2023 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 9 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Belanjawan Madani 2023 yang bernilai RM388.1 bilion ini merupakan jumlah yang besar dan signifikan untuk negara kita ketika ini. Namun, yang lebih penting daripada jumlah belanjawan itu sendiri adalah bagaimana peruntukan dapat dibelanjakan dengan berkesan, beretika, telus dan manfaatnya sampai kepada rakyat pada kala kos sara hidup yang semakin meningkat, membebankan dan benar-benar menghimpit kehidupan rakyat kita.

Menurut pecahan perbelanjaan 2023 seperti yang dibentangkan, jelas menunjukkan bahawa 11.9 peratus perbelanjaan wang negara dibelanjakan untuk bayaran khidmat hutang negara. Satu ketika dahulu, Menteri Kewangan pernah mengumumkan bahawa hutang negara telah mencecah RM1 trilion. Namun, ramai yang tidak percaya.

Ternyata, dalam ucapan Belanjawan 2023 kali ini, Menteri Kewangan telah mengesahkan bahawa hutang negara termasuk liabiliti mencecah sehingga RM1.5 trilion. Satu angka yang sangat besar dan menakutkan dan jikalau tidak ditangani dan ditadbir dengan baik, maka masa depan generasi kita seterusnya sudah pasti akan suram.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersependapat dengan apa yang telah ditekankan oleh Perdana Menteri mengenai penyakit atau cabaran berat negara, iaitu mengenai isu rasuah dan penyelewengan. Saya berpendapat ini semakin berleluasa dan semakin parah, sehinggakan ia dianggap sebagai satu kebiasaan, atau pun sebagai budaya kita.

Hal ini jelas terbukti melalui Laporan Indeks Persepsi Rasuah di mana, Malaysia kini telah jatuh ke tangga 61 dari tangga 29 yang pernah kita kecapai pada tahun 1998. Laporan Ketua Audit Negara 2020 dan 2021 pula telah mendedahkan kewujudan ketirisan hampir RM3 bilion akibat pembaziran, kehilangan wang awam dan pembayaran yang tidak teratur.

Turut dilaporkan juga ialah, hampir RM10 bilion telah diselewengkan pada tahun lalu dalam pelaksanaan subsidi diesel. Ini cuma jumlah yang telah dikenal pasti. Bagaimanakah pula dengan jumlah yang tidak dilaporkan? Saya percaya jumlah pembaziran akibat budaya rasuah dan penyelewengan ini adalah lebih besar. Budaya rasuah dan penyelewengan yang sistematik sudah boleh diungkapkan sebagai aur dengan tebing. Di mana ada aur, di situlah tebingnya. Di mana ada rasuah, di situ adanya penyelewengan.

Yang menyedihkan lagi, yang kaya akan terus kaya dan yang miskin akan terus berada di takuk kemiskinan. Oleh sebab ini, sebelum nasi menjadi bubur, saya merasakan sudah tiba masanya untuk kita sebagai seorang pemimpin yang telah diamanahkan untuk mengambil tanggungjawab dalam mengarahkan dasar-dasar dan pentadbiran negara perlu mengambil tindakan yang serius untuk menangani masalah ini.

Saya yakin, jika kita mampu menangani masalah ini, jumlah kewangan yang kita bazirkan ini dapat kita salurkan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Kita

harus faham bahawa setiap wang yang kita bazirkan ini wang rakyat dan perlu dibelanjakan dengan bijak dan telus.

Kita tidak boleh membenarkan wang rakyat kita dibazirkan, atau disalahgunakan untuk kepentingan yang tidak relevan. Kita perlu memastikan bahawa dana yang diperuntukkan untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat kita digunakan dengan sebaik-baiknya.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu berusaha untuk mencapai matlamat kita dalam membasmi rasuah dan penyelewengan demi kemakmuran rakyat dan kemajuan negara kita yang tercinta ini. Jadi, pertanyaan pertama saya kepada Kementerian Kewangan ialah, apakah tempoh unjuran kasar Kementerian Kewangan bagi meletakkan kedudukan kewangan negara berada di zon yang selamat atau stabil?

Pelbagai usaha yang telah disyorkan pada tahun-tahun sebelum ini dalam usaha untuk membanteras gejala rasuah. Namun, gejala rasuah di negara kita ini saban tahun terus berleluasa. Jadi, persoalan saya seterusnya. Apakah langkah-langkah baharu di bawah prinsip Madani yang akan diambil untuk menangani gejala rasuah dan penyelewengan ini demi mengurangkan bebanan hutang negara?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak Murut asal negeri Sabah, sudah sewajarnya menjadi tanggungjawab saya untuk membahaskan mengenai isu peruntukan bagi negeri Sabah. Mengikut belanjawan tahun ini, negeri Sabah diperuntukkan dana pembangunan sebanyak RM6.5 bilion. Memang, kita nampak ada peningkatan daripada belanjawan pembangunan, berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Namun, saya dan rakan-rakan wakil rakyat lain dari negeri Sabah selalu mempersoalkan tentang belanjawan pembangunan semasa yang tidak sempat dibelanjakan akibat masalah-masalah teknikal yang selalunya tidak dapat dielakkan sehingga menyebabkan belanjawan pembangunan itu tidak dapat digunakan pada tahun semasa. Sebaliknya, dikembalikan semula kepada Persekutuan dan akan diumumkan lagi pada tahun selepasnya bagi belanjawan yang baharu.

Jadi, persoalan saya kepada Kementerian Kewangan, apakah langkah proaktif yang telah diambil oleh kementerian agar perkara ini dapat diatasi? Adakah kementerian bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan sebuah tabung amanah agar mana-mana belanjawan pembangunan yang diperuntukkan kepada negeri Sabah pada tahun semasa, yang tidak sempat digunakan pada tahun itu atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan sebagainya, dan dimasukkan ke dalam tabung amanah ini?

Tabung amanah ini nanti akan dikawal selia oleh kedua-dua pihak dari Persekutuan dan kerajaan negeri agar pembangunan di negeri Sabah dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah diluluskan. Selain daripada itu, saya juga ingin membawa perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian mengenai peruntukan tahunan pembangunan bagi negeri Sabah.

Jika mengikut laporan belanjawan tahun 2020, peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah iaitu RM5.2 bilion, iaitu 9.29 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM5.6 bilion. Pada tahun 2021, peruntukan telah dikurangkan kepada RM5.1 bilion bersamaan dengan 7.39 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan ketika itu, iaitu RM6.9 bilion.

Pada tahun 2020 pula, walaupun kelihatan peruntukan meningkat sebanyak RM5.2 bilion, tetapi kalau dilihat daripada segi peratusan, ia menurun lagi ke- 6.87 peratus. Pada tahun ini, sebanyak RM6.5 bilion telah pun diluluskan.

Kalau dilihat dari sudut angka sahaja, ia juga menunjukkan satu peningkatan. Namun, kalau dibandingkan dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi tahun ini yang berjumlah RM99 bilion, peratusan peruntukan telah pun dikurangkan lagi kepada 6.57 peratus.

Persoalan saya kepada pihak Kementerian Kewangan, apakah justifikasi pengurangan ini? Adakah pihak Kementerian Kewangan mempunyai perancangan untuk meningkatkan kadar peratusan peruntukan ini pada tahun-tahun hadapan? Saya fikir perlu ada formula yang lebih adil untuk dana pembangunan bagi negeri Sabah, kerana ini sangat penting untuk membantu mempercepatkan pembangunan infra di Sabah, sekurang-kurangnya setaraf dengan negeri-negeri di Semenanjung.

■1300

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai pengurusan sisa pepejal yang semakin jelas menggugat bukan sahaja daripada segi kesihatan dan memudaratkan alam sekitar kita. Malahan, turut menjejaskan sumber ekonomi kita.

Negeri Sabah tidak dapat dinafikan merupakan sebuah negeri yang dianugerahkan dengan keindahan alam semula jadi di samping kaya dengan pelbagai unsur kebudayaan. Faktor-faktor ini telah menjadikan negeri Sabah merupakan salah sebuah destinasi pelancongan yang terkenal di Asia.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah ini kurang salah satu elemen penting yang boleh menyebabkan pelancong tawar hati untuk datang ke Sabah iaitu isu sampah. Kalau kita menaiki bot ke Pulau Tunku Abdul Rahman kita nampak banyak sampah terapung di permukaan laut. Kalau kita ke Kundasang, Ranau untuk menikmati pemandangan dan menikmati sejuk Gunung Kinabalu, di sana pun kita boleh nampak dari sudut kebersihannya masih banyak yang boleh ditambah baik. Kalau di kawasan pedalaman seperti Keningau, Nabawan dan Tenom, di sana juga ada isu pengurusan sampah yang kurang sistematik dan teratur.

Saya menyebut nama-nama tempat ini bukan untuk memalukan mana-mana pihak tetapi untuk menarik perhatian kementerian-kementerian yang berkenaan agar boleh

membantu untuk meningkatkan sumber pendapatan negeri dan meningkatkan lagi potensi Sabah sebagai sebuah destinasi pelancongan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya ingin memohon agar Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan untuk turut sama membantu KPKT negeri Sabah dalam usaha menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam khasnya bagi kawasan-kawasan pinggir bandar dan luar bandar di Sabah yang kian membimbangkan sekarang ini.

Berpaksikan kepada Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016 dan dalam usaha negara menuju ke arah aspirasi pembangunan yang lestari. Selari dengan dasar lokalisasi *Sustainable Development Goals 2030*, selain usaha melebarkan skop pengurusan sampah ke kawasan luar bandar. Program seperti Program Komuniti Sifar Sisa amat diperlukan bagi menjaga alam sekitar dan kesihatan rakyat khasnya bagi penduduk-penduduk yang tinggal jauh dari bandar.

Bersama dengan KPKT, saya juga ingin memohon agar Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk turut sama membantu Sabah dalam usaha untuk meningkatkan lagi potensi Sabah sebagai sebuah destinasi pelancongan.

Persoalan saya, adalah daripada RM5.3 bilion yang diperuntukkan untuk Kementerian KPKT. Berapa peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi penyediaan tapak pelupusan sampah yang lebih sistematik, lestari dan memperkenalkan teknologi terkini yang boleh digunakan untuk proses pelupusan sampah yang lebih berkesan khasnya kawasan-kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Termasuk di kawasan pedalaman Sabah khususnya di daerah asal saya di Tenom?

Untuk pengetahuan pihak kementerian, Tenom ketika ini tidak mempunyai sebarang tapak pelupusan sampah. Semua sisa pepejal dan sampah di Tenom dihantar ke pelupusan sampah di daerah Sook, Keningau. Saya juga difahamkan bahawa kemudahan lori sampah di Tenom juga amat terhad. Ini menyukarkan tugas mengangkut sampah dari Daerah Kecil Kemabong ke Tenom dan seterusnya ke daerah Sook.

Jadi, besarlah harapan saya agar Kementerian KPKT dapat membantu kawasan pedalaman khususnya di daerah Tenom, mengadakan sebuah tapak pelupusan sampah sisa bahan pepejal dan pengurusan sampah yang lebih sistematik dan teratur dan dapat membantu memperkasakan aset-aset Majlis Daerah Tempatan untuk mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik dan berkesan.

Untuk pengetahuan kementerian dan juga Dewan yang mulia ini, di daerah Tenom yang luasnya boleh menempatkan Perlis, Pulau Pinang dan Melaka sekali masuk, hanya mempunyai tiga buah lori roro, *compactor* dua dan tong roro- tong sampah yang besar itu

yang bertutup hanya ada empat buah. Saya difahamkan Majlis Daerah Tenom memerlukan sekurang-kurangnya 10 buah tong sampah roro itu. Jadi, saya harap kementerian dapat memberi perhatian dalam hal ini.

Selain daripada itu, saya ingin tahu apakah program-program yang telah dan akan diperkenalkan oleh kementerian untuk menarik minat dan menyemai kesedaran rakyat tentang isu sampah yang bagi negeri Sabah? Isu lama yang sukar untuk ditangani namun kalau kita melihat kepada negara-negara seperti Jepun dan Taiwan ia tidak mustahil untuk kita lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berkenaan dengan industri tenusu negara. Walaupun pelbagai dasar telah diwujudkan seperti Dasar Industri Tenusu Negara 2020-2030, Dasar Pertanian Negara, Dasar Keselamatan Makanan Negara dan Dasar Pembangunan Lestari Malaysia. Namun industri tenusu kita masih jauh ketinggalan.

Saya percaya kita mempunyai peluang untuk meningkatkan lagi pendapatan negara melalui industri tenusu. Menurut laporan daripada *Organization for Economic Co-operation and Development*, dan *The Food and Agriculture Organization of the United Nations*, kedudukan negara daripada segi pengeluaran hasil tenusu ini, kita masih berada di depan Filipina, Thailand, Vietnam dan Singapura. Walau bagaimanapun, kedudukan kita di belakang Indonesia dan India.

Peningkatan kos pengeluaran, kekurangan tenaga kerja, penggunaan teknologi dan invokasi yang masih lapuk dan persaingan global yang kian sengit dengan negara-negara pengeluaran produk tenusu New Zealand, Australia, India dan Indonesia menjadi cabaran utama dalam usaha negara untuk mengembangkan industri ini.

Menurut kenyataan akhbar pada tahun lalu oleh Presiden Persatuan Penternak Tenusu Sabah Datuk Yap Yun Fook, sektor tenusu menjadi industri berdepan masa hadapan yang suram berikutan peningkatan kos yang memaksa petani menghentikan operasi dan menurutnya lagi bilangan penternak tenusu di Sabah dulu ada 600 orang penternak. Akan tetapi, sekarang hanya ada 30 orang penternak sahaja.

Beliau seterusnya berpendapat bahawa memandangkan sektor industri tenusu ini memerlukan kos pengurusan dan pengoperasian yang tinggi, adalah lebih baik sekiranya kerajaan membantu pemain industri tenusu untuk memastikan bekalan tenusu cukup untuk negara.

Soalan saya kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ialah berapakah jumlah import susu negara pada tahun yang lalu? Berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada belanjawan kali ini khususnya untuk membantu industri tenusu di negeri Sabah? Apakah perancangan dan inisiatif yang diambil untuk meningkatkan industri tenusu di negeri Sabah?

Seterusnya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan tentang usaha-usaha di bawah belanjawan tahun ini untuk meningkatkan industri ikan air tawar bagi negeri Sabah. Memandangkan Sabah mempunyai banyak sungai, apa program atau inisiatif yang akan dilaksanakan dan dipergiatkan untuk menarik minat belia-belia Sabah khasnya yang tinggal di luar bandar untuk menceburi bidang penternakan air tawar.

Satu isu lagi, yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan kebajikan pelajar-pelajar atau bersekolah di luar bandar. Saya amat memahami tentang masalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat harus berekonomi sedikit dengan bahasa sebab masa sudah sampai. Diberi sedikit lagi tambahan beberapa ayat yang penting. Itu saya selalu menganjurkan berucap daripada membaca. Silakan.

Puan Noorita binti Sual: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Saya amat mengalu-alukan usaha Perdana Menteri kita dalam memberikan keutamaan yang tinggi kepada sektor pendidikan dengan peruntukan sebanyak RM55.2 bilion bagi tahun ini. Persoalannya, berapa daripada jumlah peruntukan bagi meningkatkan peralatan dan sumber daya pembelajaran seperti buku, peralatan kokurikulum dan sukan, fasilitasi makmal dan yang amat mendesak sekarang ini kemudahan akses Internet?

Seterusnya, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan program pembangunan perpustakaan sekolah bagi sekolah-sekolah di luar bandar? Dengan jumlah sekolah luar bandar yang banyak terdapat di Sabah dan Sarawak, saya percaya program pembangunan perpustakaan akan dapat menjadi solusi yang efektif untuk meningkatkan daya pembelajaran bagi pelajar.

Persoalan terakhir saya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, apakah status peruntukan bagi projek *tube well* bagi membantu menyelesaikan masalah air bagi sekolah-sekolah luar bandar di negeri Sabah dan Sarawak yang telah diluluskan pada Belanjawan tahun 2019? Adakah ia masih diteruskan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian agar projek ini tidak akan jadi seperti solar sekolah luar bandar di Sarawak?

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan saya yang pertama di Dewan yang mulia ini dengan harapan bahawa belanjawan yang telah dibentangkan akan dapat membawa impak yang positif kepada rakyat Malaysia dan kemakmuran negara. Saya juga berharap kerjasama antara semua pihak dapat ditingkatkan untuk memastikan bahawa belanjawan ini dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Dengan ini saya mohon menyokong usul Belanjawan 2023. Sekian, dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual. Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

■1310

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas pengumuman satu belanjawan yang cukup holistik dan benar-benar mencerminkan nilai-nilai asas di sebalik gagasan Malaysia Madani.

Hari ini dalam perbahasan Belanjawan saya, saya akan menyentuh lima aspek dari Belanjawan 2023 iaitu pertama pendidikan, kesihatan, kos sara hidup dan perusahaan mikro dan juga sedikit sebanyak tentang masyarakat India. Saya cuba rumuskan kalau saya kesuntukan masa Tuan Yang di-Pertua.

Memetik kata-kata ahli falsafah kuno Greek, Socrates, *“Education is the kindling of a flame, not the filling of a vessel.”* Saya menzahirkan setulus penghargaan buiat kerajaan atas peruntukan sejumlah RM55.2 bilion kepada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu RM2.6 bilion lebih berbanding dengan Belanjawan tahun lalu. Ini menunjukkan, mencerminkan komitmen kerajaan terhadap pengupayaan sistem pendidikan negara untuk menjadi lebih kompetitif. Sementara pengumuman peruntukan tertinggi untuk KPM adalah lazim, saya percaya dan saya juga melihat ada perbezaan dalam belanjawan kali ini berbanding dengan tahun lepas. Tumpuannya diberikan untuk memulihkan defisit infrastruktur pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, awal tahun ini kita dikejutkan dengan dapatan kajian daripada kumpulan untuk Malaysia yang menganggarkan 100,000 orang pelajar tercicir daripada sistem pendidikan negara setiap tahun. Ini merupakan satu jumlah yang cukup besar sebenarnya. Untuk itu, itulah yang saya maksudkan sebagai defisit infrastruktur pendidikan sebentar tadi. Anak-anak kita semakin hari, semakin ramai yang tercicir. Bagi mendepani cabaran ini, Belanjawan 2023 telah memberi penekanan soal pembangunan infrastruktur, kemudahan mesra OKU, pembinaan sekolah baharu, pengembangan RMT, dan pendigitalan pendidikan.

Dalam beberapa perkara yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan soal pendigitalan pendidikan, cukup menarik perhatian saya. Sementara kerajaan komited terhadap agenda pendigitalan pendidikan, saya percaya kerajaan juga berdepan dengan satu cabaran yang cukup besar terutamanya dari sudut pemilikan peranti dan ketersediaan capaian Internet. Perkara ini diperakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dalam satu wawancara baru-baru ini. Kendatipun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Belanjawan 2023 telah menyediakan RM725 juta melalui projek JENDELA untuk menyediakan ketersambungan digital bagi 3,700 buah sekolah.

Jadi saya lihat potensi di sini. Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Komunikasi dan Digital perlu segera menggerakkan agenda ini supaya kita selangkah lebih dekat dengan pendigitalan pendidikan. *To compliment this*, dengan izin, kerajaan juga akan membekalkan 50,000 unit komputer riba kepada semua sekolah. Soalan saya, kedua-dua inisiatif ini menunjukkan, membuktikan komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia. Soalan

saya kepada kementerian adalah, apakah spesifikasi komputer riba yang bakal dibekalkan kerajaan? Adakah komputer riba ini memenuhi tuntutan pendidikan digital semasa? Ketiga sejauh manakah komputer riba yang diberi ini dijangka akan digunakan secara maksima dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

Kedua, soal ketersambungan digital, Internet. Kita ada kira-kira lebih kurang 10,202 buah sekolah di seluruh negara. Daripada sejumlah itu, hanya 3,700 dikatakan akan- atau 36 peratus sahaja yang dijangka akan menerima manfaat ketersambungan digital melalui JENDELA. Soalan saya, apakah jangka masa kerajaan untuk menyelesaikan 3,700 buah sekolah tersebut? Kedua, apakah rancangan untuk baki 64 peratus sekolah yang lain? Seperti yang saya katakan tadi, kita ada peluang. Pada masa yang sama, cabarannya jua cukup besar. Cuma kita perlukan satu *timeline* yang lebih agresif dengan izin, untuk kita merencana pendigitalan pendidikan yang tepat pada masa yang selaras dengan perkembangan global semasa.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua Bajet 2023 ialah berkenaan dengan kesihatan. Awal tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa pentadbiran beliau akan memberi keutamaan kepada dua sektor. Mentang-mentang kita baharu dalam era pasca COVID-19, maka pertamanya pendidikan. Keduanya kesihatan. Berpegang janji ini, kerajaan pada hari ini telah memperuntukkan lebih kurang RM36.3 bilion untuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Sudah tentu peningkatan bernilai lebih kurang RM4 bilion ini menjadi satu- cerminan terhadap ketersediaan kerajaan untuk membantu memperkasakan sistem kesihatan negara.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 telah memberi satu tekanan yang cukup besar terhadap sistem kesihatan negara sehinggalah beberapa kali ia hampir lumpuh. Kita bersyukur dan berterima kasih kepada *frontliners*. Disebabkan mereka, saya percaya sistem kesihatan negara kita terus bertahan sehingga hari ini.

Menyentuh soal peruntukkan Kementerian Kesihatan Malaysia, saya mengalu-alukan ketetapan kerajaan untuk menyediakan RM3 bilion untuk tujuan lantikan baharu pegawai-pegawai perubatan dan juga farmasi secara tetap dan kontrak yang membabitkan lebih kurang 1,500 orang. Saya melihat pengumuman ini sebagai satu komitmen kerajaan untuk membela kebaikan petugas kesihatan. Ini menunjukkan kita berada dalam *right track* untuk mendengar rintihan golongan doktor dan juga pegawai-pegawai perubatan yang sedang bekerja bertungkus-lumus untuk mempertahankan sistem kesihatan negara kita.

Kendatipun, saya memohon pertimbangan jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya mendengar rayuan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan *on call allowance*, dengan izin, sebanyak 50 peratus bagi petugas kesihatan. Saya faham mungkin kedudukan fiskal negara tidak membenarkan buat masa ini. Akan tetapi permintaan ini cukup adil, sebenarnya mengambil kira tekanan kerja dan pengorbanan mereka yang perlu dilalui untuk menjunjung amanah yang diberikan.

Selain hal kebajikan petugas kesihatan, saya juga menyambut baik inisiatif pelepasan cukai bagi kos rawatan pemulihan anak kurang upaya pembelajaran seperti autisme, *down syndrome* dan *specific learning disability*. Saya cuma berpandangan, pelepasan RM4,000 adalah sangat rendah berbanding dengan kos rawatan sebenarnya. Kos untuk menjaga, mendidik anak-anak yang mempunyai kekurangan upaya pendidikan pembelajaran ini adalah tinggi berbanding dengan RM4,000 yang telah diberi pelepasan.

Walau bagaimanapun, kita berterima kasih kerana ini merupakan satu permulaan yang baik, maka di masa akan datang, saya berharap Kementerian Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menilai dan memberi pelepasan yang lebih tinggi untuk mengurangkan beban yang dihadapi oleh ibu bapa khususnya dalam menjaga anak kurang upaya.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan penghidap-penghidap penyakit diabetes jenis 1. Untuk yang tidak tahu Diabetes *Mellitus* jenis 1 atau ringkasnya DM1, merupakan sejenis penyakit *autoimmune* di mana sistem imun badan pesakit itu sendiri akan menyerang tisu-tisu dan organ mereka. Ini berbeza dengan diabetes yang biasa kita kenali secara umum. Diabetes ini bukan berasal disebabkan gaya hidup tetapi ia secara genetik. Komplikasi yang dihadapi oleh pesakit diabetes jenis *Type 1* ini bukan kecil malah membawa kepada kematian. Ia agak serius dan kos rawatan yang merangkumi pembelian insulin, kit glukos meter boleh mencecah hampir-hampir RM500 sebulan.

Untuk penghidap daripada latar belakang miskin khususnya, jumlah RM500 ini sangat besar nilainya. Maka bukan sahaja untuk pesakit diabetes *Type 1* ini, tetapi rata-rata pesakit kronik seperti kanser, serangan jantung, sakit buah pinggang dan sebagainya. Semua berdepan dengan situasi yang sama. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya kita wujudkan satu skim bantuan khas melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk membantu pesakit-pesakit kronik daripada latar belakang termiskin ini.

■1320

Saya sedia maklum JKM memang tawarkan bantuan kebajikan bagi pesakit-pesakit yang berdepan dengan senario seperti berikut- bantuan OKU yang tidak berupaya bekerja, bantuan penjagaan OKU terlantar, bantuan am dan sebagainya. Jadi, saya harap Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mencari satu formula yang baik untuk membantu golongan khususnya golongan keluarga yang terpaksa menghadapi kos perubatan yang tinggi untuk menjaga dua- golongan ini.

Ketiganya, saya ingin menyentuh sedikit tentang kos sara hidup. Peningkatan kos sara hidup merupakan satu isu yang cukup lama membelenggu rakyat Malaysia. Satu kajian Pusat Penyelidikan Undian USCI mendapati bahawa sembilan daripada 10 orang rakyat Malaysia bimbang tentang kos sara hidup dan lebih 60 peratus berpandangan bahawa langkah kerajaan itu tidak mencukupi untuk membantu mereka.

Jadi, saya ingin cadangkan supaya kita mencari *root cause* kepada masalah sebegini. Mengikut Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mendapati bahawa harga barangan makanan meningkat dari 10 hingga 40 peratus sejak hujung tahun ini dan ini dibuktikan dengan *Consumer Price Index* (CPI).

Maka, saya percaya walaupun kita faham pandemik COVID-19 dan juga krisis Ukraine-Rusia menyumbang kepada gangguan rantai bekalan, saya cadangkan supaya kita lebih mempergiatkan usaha-usaha untuk mencari bekalan di dalam, *domestic supplies*.

Dengan itu, saya percaya inisiatif yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi untuk memberikan tanah menggalakkan belia-belia menceburi dalam bidang pertanian itu agak baik. Akan tetapi, janganlah ia sekadar retorik. Dalam masa kita *implement* untuk cuba membantu petani-petani muda ini, mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan tanah. Satu sistem atau juga hubungan yang baik harus berada di setiap negeri supaya lebih banyak tanah diperuntukkan untuk inisiatif sebegini. Dengan ini, kita dapat melahirkan lebih banyak petani-petani yang bersifat komersial untuk membantu kita dalam agenda untuk memastikan pembekalan makanan ini tercapai.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang gaji minimum untuk graduan. Saya ingin cadangkan di sini satu skim iaitu gaji minimum untuk para graduan. Ini kerana 23 tahun sebelum ini, pada lebih kurang tahun 2001 semasa saya selepas *graduate* dari Universiti Malaya masuk kerja, gaji saya yang ditawarkan kepada saya RM1,600 atau RM1,800. Setakat hari ini, saya percaya gaji yang sama diberikan kepada graduan.

Maka, saya percaya satu skim untuk memastikan mereka ini terjaga, skim gaji minimum untuk graduan harus dibuat, dikaji selidik oleh pihak kementerian supaya tidak berlakunya *brain drain*, dan lagi pula keputusan mereka supaya tidak bekerja di sektor atau di bidang mereka pelajari tetapi mereka lebih cenderung untuk mencari pekerjaan yang memberi gaji yang lebih baik walaupun gaji itu tidak memerlukan kelulusan seperti *Degree*, Sarjana, Sarjana Muda dan sebagainya.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang masyarakat India iaitu MITRA. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan kepada MITRA. Bagus, itulah kesinambungan program atau peruntukan daripada kerajaan-kerajaan sebelum ini untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Akan tetapi, saya rasa tibalah masa untuk MITRA harus mengubah *approach*, Tuan Yang di-Pertua, dan strategi, jikalau hendak melihat impak yang positif dalam mencapai agenda itu untuk memperkasakan masyarakat India khususnya dalam bidang sosioekonomi.

Saya menyeru kepada MITRA, janganlah jadi posmen. Kerajaan bagi peruntukan, kerja MITRA untuk menyalurkan peruntukan itu kepada masyarakat. Itu bukan sepatutnya menjadi kerja kita. MITRA harus bertindak sebagai *think-tank* untuk masyarakat India. Jadi, saya cadangkan MITRA ini mengubah *approach*, mengubah pendekatan dengan

memperluaskan skop perkhidmatan mereka kepada rakyat dan cara menggunakan RM100 juta ini dengan lebih efisien, dengan lebih telus.

Dalam pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu penubuhan Yayasan Mitra- di bawah MITRA, seperti Yayasan Teraju di bawah TERAJU. Ini kerana, satu, segala kelulusan lebih daripada RM300,000 itu boleh dibuat bersama dengan ahli-ahli lembaga yang mempunyai pendidikan, yang mempunyai pengalaman dan juga yang layak untuk meluluskan lebih daripada RM300,000. Ini untuk, satu, mencari ketelusan. Kedua, akauntabiliti dan integriti MITRA.

Duit yang tidak digunakan, setiap kali- sebab ia di bawah agensi kerajaan, duit yang tidak digunakan sepenuhnya daripada RM100 juta itu harus dikembalikan kepada Kementerian Kewangan setiap tahun. Setakat ini, mengikut data, lebih kurang RM400 juta- duit telah dikembalikan kepada MOF kerana tidak dapat dihabiskan oleh MITRA. Maka kalau ada yayasan, duit itu boleh disimpan dan digunakan untuk program-program lain seperti memberi komputer riba percuma kepada graduan-graduan, boleh membantu kebajikan masa dikatakan bencana dan sebagainya.

Maka, dengan itu, saya rumuskan. Dengan juga tidak ingin mengambil masa yang lebih, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemeraí Anding.

1.26 tgh.

Puan Susan Chemeraí Anding: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas.

Pertama, saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Bajet 2023.

Kita harus bersyukur sebab tatkala hutang negara mencecah RM1.5 trilion, kita masih ada ruang fiskal untuk inisiatif-inisiatif dan program-program yang dapat memperkembangkan ekonomi. Pada masa yang sama, masih ada juga ruang untuk kita memberikan keadilan sosial terutama kepada golongan B40 dan M40 dan juga golongan miskin tegar supaya kekayaan negara tidak tertumpu hanya kepada golongan T20 sahaja.

Justeru itu, saya menyambut baik pendirian kerajaan bahawa agihan hasil negara akan ditumpukan sepenuhnya kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah di negara ini. Ini memandangkan bahawa kumpulan T20 menguasai hampir separuh daripada jumlah pendapatan isi rumah.

Dalam pada itu, saya ingin tahu, selain daripada agihan ASB yang lebih kepada rakyat yang memerlukan dan juga tarif bil elektrik yang lebih rendah untuk pengguna domestik dan perniagaan PKS, apakah strategi lain untuk memastikan agihan kekayaan tidak tertumpu hanya kepada T20? Saya juga ingin bertanya, apakah jangka masa yang akan diambil untuk mencapai agihan kekayaan yang lebih adil?

Sebaik-baiknya, mana-mana bajet seharusnya bukan hanya memikirkan soal wang ringgit sahaja tetapi ia juga seharusnya mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam membina sebuah masyarakat yang betul-betul madani.

Bajet 2023 ada menyatakan bahawa seramai 130,000 orang miskin tegar akan dinoktahkan. Ini satu tujuan baik dan agak *ambitious*, dengan izin. Jadi, saya mahu tahu, apakah kaedah-kaedah yang akan kerajaan gunakan untuk mencapai matlamat ini? Jumlah 130,000 orang ini, adakah ia mengikut senarai ketua isi rumah seperti dalam sistem eKasih? Sebab, kalau kita lihat secara mata kasar dan jika kita melawat ke kawasan-kawasan seperti di pedalaman Sarawak, memang ramai saya rasa yang sepatutnya termasuk dalam sistem eKasih tetapi mereka tidak berada dalam sistem ini.

■1330

Ini tidak hairan sebab ramai terutamanya dari kawasan pedalaman tidak ada akses yang baik kepada pejabat-pejabat kebajikan. Bukan sahaja soal ia jauh dan mereka tidak berkemampuan untuk membayar tambang untuk pergi ke sana tetapi juga ramai yang buta huruf terutama yang tua ataupun yang kurang arif dalam mengisi borang-borang kebajikan atau mengikut prosedur-prosedur yang ditentukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan borang-borang yang agak rumit untuk mereka.

Jadi, ramai orang tua di rumah panjang umpamanya tinggal bersendirian atas belas ihsan orang kampung. Jadi, anak-anak juga bekerja di bandar ataupun di pekan dan gaji juga agak tidak mencukupi untuk mereka menyara diri sendiri ataupun keluarga mereka sahaja. Jadi, oleh yang demikian, saya ingin sarankan kerajaan mengambil kira perkara ini dalam usaha menoktahkan miskin tegar supaya kumpulan yang tercicir daripada sistem ini dapat juga bantuan yang sewajarnya.

Sehubungan itu, perkhidmatan di pejabat-pejabat seperti pejabat daerah dan pejabat yang berkaitan dengan memberi perkhidmatan kebajikan kepada rakyat di luar bandar, juga mempunyai ruang untuk diperbaiki, untuk ditambah baik dalam membantu terutamanya golongan buta huruf atau yang kurang arif dalam mengisi borang-borang. Kerajaan juga seharusnya menyediakan lebih banyak lagi perkhidmatan bergerak terutamanya untuk perkhidmatan yang melibatkan kebajikan dan pendaftaran ke kawasan yang sukar diakses di Sarawak.

Dalam pada itu, saya juga ingin tahu tentang program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dikatakan untuk memperbaiki pendapatan golongan B40 dan miskin tegar.

Bagaimanakah program ini akan membantu pendapatan golongan B40 dan miskin tegar dan berapakah bilangan yang akan dibantu di bawah program ini di Sarawak? Berapakah jumlah peruntukkan di bawah program ini yang akan disalurkan ke Sarawak dan jabatan manakah yang akan melaksanakan program IPR ini nanti?

Berkenaan dengan klinik daif di Sarawak, kenyataan bajet juga ada menyebutkan bahawa tumpuan akan diberikan kepada menyelesaikan isu sekolah daif dan klinik daif dengan bajet berjumlah RM1.2 bilion. Justeru, saya ingin tahu berapakah jumlah klinik daif di Sarawak? Di manakah klinik daif ini dan berapakah peruntukkan untuk memperbaiki klinik daif di Sarawak dalam bajet ini?

Berkenaan dengan kos sara hidup yang tinggi, kita sedia maklum bahawa golongan B40, M40 dan miskin tegar sangat terkesan. Saya berasa bersyukur bajet ini mempunyai langkah-langkah untuk membantu agar golongan ini tidak terus terhimpit dengan kos sara hidup yang tinggi. Antara langkah untuk membantu rakyat yang terkesan oleh kos sara hidup kerajaan dalam Bajet 2023 mengatakan akan mengadakan Jualan Rahmah.

Untuk Wilayah Sarawak, saya sarankan agar jualan ini tidak hanya diadakan di bandar besar sahaja tetapi merangkumi juga pekan kecil sebab ini memberi akses yang lebih baik kepada rakyat luar bandar. Kalau hanya di bandar besar, ramai yang tidak akan menikmati Jualan Rahmah ini memandangkan saiz Sarawak yang agak besar sama saiz dengan semenanjung Malaysia.

Oleh itu, saya ingin tahu di manakah kawasan untuk Jualan Rahmah ini diadakan di Sarawak dan berapakah kekerapan jualan ini akan diadakan? Saya juga ingin bertanya sama ada program komuniti *drumming* yang ada berkait dengan kos sara hidup rakyat pedalaman dan luar bandar sama ada program ini masih dijalankan di Sarawak? Jika masih, adakah ia akan diperluaskan kepada kawasan baharu di Sarawak?

Saya ingin juga sarankan supaya barangan keperluan di bawah program ini ditambah supaya termasuk barangan keperluan lain seperti minuman susu kanak-kanak, kopi, teh, mi segera, pencuci kain dan pinggan, peralatan mandi dan lampin bayi sebab ini adalah juga barangan keperluan seharian masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi negara, saya menyambut baik tindakan kerajaan untuk mereformasi institusi dan tata kelola sebagai langkah untuk memulihkan keyakinan pelabur khususnya. Justeru, saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk memperkenalkan rang undang-undang tanggungjawab fiskal pada tahun ini.

Saya berpendapat ini sangat memadai memandangkan berbilion-bilion wang lesap disebabkan ketirisan yang tinggi seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Saya juga mengalu-alukan kenyataan bahawa kerajaan akan mengawal paras hutang dan

menurunkan defisit fiskal kepada lima peratus dan pada tahun 2025 dijangka ia akan sekitar 3.2 peratus KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk berjimat-cermat dalam berbelanja dan dalam keadaan suasana luaran yang mencabar, kita harus juga terus membantu peniaga dan pekerja kita. Kita terus mahu melihat pelaburan dan modal yang subur masuk ke negara kita dan bakat yang ada dipupuk dan memastikan bakat-bakat ini tidak lepas atau lari ke luar negara. Ini akan menjadi satu kerugian besar kepada negara. Kita harus terus memperkukuhkan lagi keupayaan negara dan menyediakan lebih peluang pekerjaan dan peluang untuk maju untuk rakyat Malaysia.

Negara kita mempunyai keluasan tanah, tenaga manusia yang progresif dan juga sumber tenaga yang kita dapat *leverage on*, dengan izin, untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif dan mempunyai asas atau *foundation*, dengan izin, yang kukuh. Dengan itu, saya ingin tahu apakah jenis *high quality investment*, dengan izin, ataupun pelaburan yang berimpak tinggi atau berkualiti tinggi yang telah masuk ke Malaysia yang dapat mengembangkan lagi ekonomi Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Saya juga ingin tahu apakah jenis pemindahan teknologi atau *transfer of technology* dengan izin daripada pelaburan ini yang telah dapat dimanfaatkan oleh peniagaan kecil dan sederhana kita. Adakah kerajaan membantu perusahaan kita yang telah dapat manfaat pemindahan teknologi ini supaya mereka dapat membina lagi daya upaya mereka dalam teknologi baharu ini ataupun dalam inovasi yang telah dialih ataupun untuk berkembang ke luar negara.

Adakah kerajaan membantu perusahaan yang baharu ini umpamanya daripada segi kos permulaan yang tinggi ataupun daripada segi kenaikan gaji pekerja. Jika ada, apakah bantuan yang diberi? Nyatakan juga langkah-langkah lain kerajaan untuk membantu perusahaan beralih atau ditransformasikan kepada Industri 4.0.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pekerjaan yang lebih baik dan peluang untuk bekerja di Malaysia. Jika keadaan ekonomi berkembang sihat dan subur untuk pekerja kita, pastinya akan menjadi lebih baik. Ini bermakna pekerja mendapat lebih peluang untuk pelbagai penambahbaikan dalam alam pekerjaan umpamanya pendedahan kepada teknologi baharu, kenaikan gaji dan suasana kerja yang lebih selesa. Oleh itu, *reskilling*, dengan izin, iaitu memberi kemahiran semula dan *upskilling* kerja, dengan izin, peningkatan kemahiran adalah penting untuk perkembangan ekonomi.

■1340

Oleh itu saya ingin tahu, adakah bantuan kerajaan jika ada dalam membantu perusahaan ataupun perniagaan di Malaysia supaya mereka dapat *reskill* dan *upskill* pekerja

mereka supaya pekerja dapat maju dalam kerjaya dan mendapat upah yang lebih baik. Dengan itu saya mohon menyokong usul Berbelanjawan 2023. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali kepada Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemera Anding menggunakan istilah Tiong Hua, ngam-ngam 15 minit.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

1.40 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2023. Bajet 2023 berorientasikan pertumbuhan yang responsif dan inklusif merangkumi semua lapisan masyarakat, komuniti perniagaan dan sektor ekonomi.

Bajet ini juga mencadangkan pembaharuan serta membaharui alam sekitar, sosial dan tadbir urus ESG. Amalan perniagaan untuk meningkatkan daya tahan dan kemapanan ekonomi terhadap kejutan luaran dan perubahan iklim masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan keadaan semasa ekonomi dan persekitaran perniagaan tempatan. Persekitaran luaran masih mencabar, meski pun pembukaan semula sempadan China dijangka mengimbangi jangkaan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat dan Eropah.

Kemelut bank-bank wilayah di Amerika Syarikat dan Credit Suisse baru-baru ini telah mencetuskan kegelisahan pelabur terhadap risiko penularan perbankan global kesan negatif ke atas ekonomi Amerika Syarikat, pasaran kewangan dan sistem perbankan.

Dalam ekonomi domestik, kesan kenaikan taraf kadar faedah, kadar inflasi dan kos sara hidup yang mana menekan serta peningkatan kos operasi perniagaan memberi kesan yang berterusan kepada isi rumah dan industri terutamanya PKS.

Selain itu pertumbuhan eksport negara kita telah menambahkan trend peralihan secara mendadak iaitu meningkat sebanyak 5.4 peratus pada dua bulan pertama tahun ini berbanding dengan peningkatan dua angka sebanyak 24.1 peratus pada separuh ke-dua tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh lima isu yang harus diberi perhatian dalam Bajet 2023. Pertama, keberkesanan perbelanjaan fizikal. Kementerian dan agensi pelaksana mesti memastikan pelaksanaan projek dan program impak yang berkesan dan terus termasuk pengeluaran dana tepat pada masanya untuk memastikan kesan berganda ekonomi yang lebih luas kepada ekonomi. Keberkesanan, kapasiti pelaksanaan mesti dipertingkatkan. Saya cadangkan kerajaan mesti menguatkuasakan pematuhan program pembangunan di setiap peringkat pelaksanaan-pelaksanaan. Kita mesti menambah baik keberkesanan kapasiti pelaksanaan dan menggerakkan kos melebihi pembaziran dan ketirisan perbelanjaan.

Kedua, pengukuhan fiskal kewangan defisit dan membendung hutang dan liabiliti. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memerlukan disiplin fiskal dan pembaharuan fiskal yang mampan untuk membina semula ruang fiskal terhadap kejutan ekonomi masa hadapan. Saya menyambut baik cadangan memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal- *Fiscal Responsibility Act* (FRA) untuk meningkatkan tadbir urus akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan fiskal negara bagi memastikan kemampuan fiskal dan hutang negara.

Di samping itu pengubahan Akta Perolehan Kerajaan, *Government Procurement Agreement* (GPA) juga dapat membanteras rasuah dan salah guna salah laku kerana perolehan kerajaan adalah salah satu bidang yang amat terdedah kepada perubahan perbuatan, menyalah guna kuasa, rasuah serta penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin cadangkan FRA mesti merangkumi aspek kawalan liabiliti luar jangka yang ditanggung oleh kerajaan Persekutuan. Penyata kewangan kerajaan Persekutuan berdasarkan akrual- *accrual accounting*, akan memberi gambaran holistik dan tepat tentang kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Bagi GPA selain menambah baik amalan perolehan seperti penggunaan tender terbuka dan mekanisme pembinaan kompetitif, peraturan perolehan mesti di institusikan melalui undang-undang dan disokong oleh penalti yang boleh dikuatkuasakan bagi ketidakpatuhan.

Penyelewengan kuasa menerusi pengaruh politik dan rasuah dalam pemulihan kerajaan. Dengan mengukuhkan Akta Pelindungan Pemberi Maklumat- *Whistleblower Protection Act* (WPA) dalam usaha menumpukan rasuah yang berterusan.

Pemberi maklumat hanya akan berbuat demikian jika terdapat saluran terbuka kepada mereka yang percaya berkesan dan bebas yang akan mengekalkan identiti mereka tanpa nama dan menyokong mereka terhadap tindakan balas.

Dalam mengukuhkan hasil pungutan kerajaan, saya berharap kerajaan memberi pertimbangan sewajarnya ke atas meluaskan asas hasil yang mampan dan lebih komprehensif iaitu memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dengan kadar yang munasabah.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara, ACCIM menyokong sepenuhnya pengenalan semula GST. Kami mencadangkan penambah baik sistem bayaran balik dan penentuan ambang tahunan ditetapkan pada paras munasabah. Katakan RM1 juta dengan pendaftaran secara sukarela untuk memastikan perniagaan PKS bebas GST.

Ketiga, penambah baik iklim pelaburan-pelaburan dan kos persaingan. Tuan Yang di-Pertua, bajet ini mengandungi langkah dan inisiatif untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dan industri termasuk meningkatkan ekosistem PKS.

Namun begitu kita memerlukan pendekatan pelbagai pihak- *multi stakeholders* dalam meningkatkan pelaburan swasta ini. Ini termasuk menggunakan pengendalian perniagaan regim insentif dan percukaian yang komprehensif dan kompetitif dan kondusif.

Iklim pelaburan serta perkhidmatan awam yang cekap untuk memantapkan keyakinan pelabur. PMKS amat mengalu-alukan perurangan kadar cukai ke atas pendapatan percukaian bagi RM150,000 pertama yang dikurangkan sebanyak dua- mata peratus daripada 17 peratus kepada 15 peratus.

■1350

Akan tetapi cukai ambang *threshold* harus disemak lebih tinggi kepada RM1 juta ataupun pada ambang semasa RM600,000 untuk membantu mereka lebih berdaya saing dan mempunyai peluang untuk melabur semula daripada penjimatan cukai.

Selain itu, PKS memerlukan bantuan kewangan untuk membantu mengurangkan kos operasi yang meningkat berikutan daripada kenaikan gaji minimum, tarif elektrik dan pelaksanaan Akta Kerja (Pindaan). Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bajet menyediakan dana pinjaman untuk menggalakkan aktiviti automasi dan pendigitalan PKS. PKS masih menghadapi kekurangan tenaga kerja mahir dan bantuan teknikal dalam pelaksanaan ESG.

Saya cadangkan kerajaan mewujudkan dana ESG yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan bersama dengan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berserta pasukan petugas ESG untuk membimbing PKS dalam memulakan perancangan ESG. Mengenai perancangan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 pada suku ke-tiga tahun ini saya berharap libat urus dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian untuk mempertingkatkan hubungan rangkaian industri di antara PKS domestik dan pelaburan langsung asing (FDI) serta merangka program pembangunan Revolusi Industri (IR 4.0).

Keempat, memfokuskan sekuriti makanan. Bajet 2023 menyediakan langkah dan insentif jangka pendek dan panjang untuk menggalakkan pengeluaran makanan, antaranya kawalan harga bekalan makanan, memanfaatkan tanah untuk penanaman makanan dan pertanian menerusi pengeluaran makanan berskala besar dan berdaya saing. Bajet juga mencadangkan pemberian inisiatif dana dan latihan kepada pengusaha agromakanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kerajaan negeri mesti digalakkan untukewartakan tanah pertanian terutamanya kawasan jelapang dan Taman Kekal untuk pengeluaran makanan dan menyediakan tanah pertanian komuniti berpusat dengan infrastruktur asas di setiap daerah yang berdaya maju untuk menggalakkan pertanian dan menyediakan pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Di samping itu, pembaharuan tempoh pajakan jangka pendek (TOL) adalah tidak praktikal kerana ketidaktentuan milikan guna tanah akan menghalang pembangunan pertanian. Dengan itu, saya mencadangkan lanjutan tempoh pajakan maksimum tiga tahun campur tiga tahun. Untuk pelaburan komersial, pajakan tempoh 30 tahun merupakan tempoh

minimum untuk pulangan pelaburan yang munasabah dan sepadan dengan pelaburan modal yang besar dalam pengaliran pembangunan infrastruktur mekanisasi dan sebagainya.

Kelima, kajian cukai keuntungan modal atau *capital gains tax* dan cukai barangan mewah dari *luxury goods tax*. Cadangan bajet untuk mengkaji pengenalan cukai keuntungan modal ke atas pelupusan saham tidak tersenarai pemegang saham korporat pada tahun 2024 mungkin menimbulkan kebimbangan pelabur yang akan mengenakan cukai ke atas lebih banyak kelas aset pada masa hadapan. Ini boleh mengakibatkan aliran keluar modal menyekat keusahawanan dan inovasi. Terdapat juga kebimbangan sama ada ia akan menjejaskan aktiviti korporat seperti penstrukturan semula di kalangan syarikat subsidiari dan keputusan penggabungan dan pengambil alihan.

Saya berpendapat kajian kos kebaikan terperinci perlu dijalankan berkaitan dengan ekosistem pelaburan dan pasaran modal domestik serta beban pentadbiran kepada pihak penguat kuasa cukai dan pembayar cukai. Mengenai cadangan cukai barangan mewah, ia mesti meneliti secara terperinci dengan mendekatkan kepada amalan terbaik dan juga kepentingan rakyat dan industri pelancongan. Ini termasuk takrifan atau pengelasan yang jelas dan konsisten bagi barangan yang dianggap sebagai barangan mewah.

Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan saya, saya mohon kepada pihak kerajaan agar peruntukan Bajet 2023 yang mencecah paras rekod boleh dilaksanakan dengan cekap dan telus untuk mengukuhkan permintaan dalam negeri terhadap keadaan ekonomi dunia yang masih mencabar. Akhir kata, saya menyokong Bajet 2023 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Penghargaan kepada Yang Berhormat senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Sekarang Yang Berhormat Tuan Roderick Wong Siew Lead.

1.56 tgh.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang dan salam Malaysia Madani. Yang dimulakan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan pegawai-pegawai persidangan yang dihormati sekalian. Sebagai seorang yang baharu dan kali pertama berbahas di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk memegang tanggungjawab yang besar ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan belanjawan tahun ini yang telah diluluskan baharu-baharu ini di Dewan

Rakyat. Tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana berjaya meraih komitmen pelaburan tertinggi dalam sejarah berjumlah RM170 bilion daripada pelabur-pelabur dari Negara China.

Dengan ini saya berharap komitmen pelaburan tertinggi ini dapat meningkatkan ekonomi negara yang terkesan akibat COVID-19 ini. Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang besar kepada ekonomi negara. Pada tahun 2020 pertumbuhan ekonomi merosot sebanyak 5.6 peratus yang merupakan penurunan terburuk sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1997 hingga 1998.

Saya ingin menyentuh tentang satu- komponen yang signifikan dalam membantu meningkatkan pembangunan ekonomi negara kita iaitu pembangunan SME atau *small and medium enterprises*, dengan izin, iaitu perniagaan kecil dan sederhana. Saya bersetuju kita harus memberikan fokus yang lebih kepada pembangunan sektor menyumbang ekonomi yang besar seperti sektor perindustrian dan perkhidmatan.

Namun saya juga berpendapat kita harus memberikan fokus yang seimbang dengan sektor SME yang kebanyakan ialah orang muda. Sekarang ekonomi negara masih lagi belum pulih sepenuhnya daripada kesan pandemik ini, walaupun terdapat tanda-tanda positif dalam beberapa sektor seperti perdagangan, pembinaan, dan pelancongan namun ia masih menghadapi cabaran. Melalui belanjawan kali ini saya dapat melihat pelbagai inisiatif skim program latihan untuk membantu SME. Menurut laporan dari Jabatan Perangkaan, pada tahun 2020 Selangor mempunyai jumlah SME tertinggi iaitu 245,161 manakala Sarawak cuma mempunyai 76,754.

■1400

Saya berpendapat usaha-usaha yang lebih perlu diberikan pada Sarawak untuk meningkatkan lagi sektor SME. Persoalan saya ialah, apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu sektor SME bagi negeri Sarawak?

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Perdana Menteri sekali lagi kerana telah memberi peruntukan pembangunan sebanyak RM5.6 bilion tetapi seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Rita dan Yang Berhormat Senator Nuing mengenai peruntukan bagi pembangunan Sabah dan Sarawak adalah rendah dan kian tahun, kian menurun.

Negeri Sarawak yang menerima RM5.6 bilion daripada RM99 bilion bagi tahun ini, tahun lalu RM4.6 bilion daripada RM75.6 bilion. Tahun 2021, RM4.5 bilion daripada RM69 bilion. Tahun 2020 pula RM4.4 bilion daripada jumlah keseluruhan RM56 bilion. Kalau lihat dari sudut peratusan dari tahun 2020 ke tahun 2023 ialah 7.85 peratus, 6.52 peratus, 6.08 peratus dan tahun ini menurun kepada 5.6 peratus.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan, kenapakah peruntukan pembangunan Sarawak telah dikurangkan jika berbanding dengan jumlah

peruntukan keseluruhan? Saya juga ingin penjelasan daripada Kementerian Kewangan. Daripada bajet prasarana awam yang berjumlah RM2.5 bilion, berapakah peruntukan diberikan kepada kawasan Parlimen Sarikei?

Hal ini kerana Pantai Bintangor yang di bawah kawasan Parlimen Sarikei sehingga hari ini selalunya masih mengalami masalah tidak ada bekalan air. Selain itu, Jalan Pasir iaitu jalan utama dari Sarikei ke Bintangor yang sejauh 18 kilometer yang sebahagiannya masih juga tidak mempunyai kemudahan lampu jalan. Hal ini menyebabkan kemalangan sering berlaku di sini. Bolehkah kementerian memberi keutamaan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Bintangor dan kemudahan lampu jalan di Jalan Pasir, Sarikei yang sudah lama tempoh.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, penghargaan setingginya kepada Perdana Menteri kerana komitmen beliau untuk menyiapkan Projek Lebuhraya Pan Borneo pada tahun ini. Lebuhraya Pan Borneo merupakan lambang pembangunan di Sarawak dan Sabah yang akan menjadi penghubung utama antara negeri Sabah dan Sarawak, bandar-bandar dan kawasan pedalaman.

Menurut laporan terkini dari Kementerian Kerja Raya Malaysia pada Mac 2023, sebanyak 91.1 peratus daripada kerja-kerja pembinaan di Sarawak telah siap dilaksanakan. Namun begitu, terdapat beberapa buah kawasan yang memerlukan pengolahan lengkap bentuk yang lebih teliti dalam melaksanakan Jalan Pan Borneo. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo ialah projek pembangunan berimpak tinggi yang akan memanfaatkan rakyat di Sabah dan Sarawak. Namun begitu, terdapat kampung-kampung atau pekan yang terjejas akibat pembinaan lebuhraya ini.

Lebuhraya Pan Borneo ini juga akan merentasi Sarikei dan Pekan Jaka di kawasan Sarikei ini telah pun dimasukkan ke dalam skop laluan lebuhraya ini. Namun begitu, mengikut rak bentuk laluan sekarang, Pekan Jaka itu sendiri akan dipinggirkan. Ini kerana kerajaan telah membina pusingan P atau *P-turn*, dengan izin, yang terletak kira-kira lima kilometer dari pekan Jaka.

Kenderaan boleh masuk ke simpang pekan Jaka melalui satu- laluan jalan sahaja dan bagi laluan yang bertentangan, kenderaan perlu membuat *P-turn*, dengan izin, yang agak jauh sebelum masuk ke pekan Jaka. Walaupun pihak kerajaan mencadangkan untuk membina *P-turn* bagi memudahkan pengguna jalan raya atau penduduk-penduduk di sekitar pekan Jaka terutamanya penduduk Bayong dan Merudu Merutong untuk keluar masuk ke pusat pekan Jaka, hakikatnya jalan yang dibina ini sebenarnya menyusahkan mereka dengan memanjangkan perjalanan mereka kerana terpaksa membuat *P-turn* yang jauh dari pekan.

Saya bimbang ekonomi di pekan Jaka akan terjejas kerana pengguna jalan raya dan penduduk sudah tidak mahu singgah ke pekan ini. Kini nasib peniaga-peniaga di pusat pekan bergantung kepada perubahan perolehan reka bentuk tersebut. Di sini, kebanyakan peniaga

bergantung kepada perniagaan kopitiam, kedai runcit dan terdapat satu buah stesen minyak dan pasar raya.

Selama ini pekan Jaka ini merupakan tempat persinggahan seperti kalau di Semenanjung, ini diistilahkan sebagai R&R iaitu kawasan rehat dan rawat bagi orang awam atau pengguna jalan raya. Pekan Jaka juga merupakan destinasi pelancongan makanan. Mee udang dan dim sum, siew mai adalah antara hidangan Dayak menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Sarikei. Sekiranya pelancong terpaksa membuat *P-turn* yang terlalu jauh dari pekan, saya bimbang industri pelancongan di Pekan Jaka, Sarikei akan turut terjejas.

Oleh yang demikian, demi kesejahteraan penduduk di pekan Jaka saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk mengubah reka bentuk lebuh raya di Pekan Jaka ini mengikut kesesuaian dan kemudahan penduduk setempat di sini. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat membina satu- jalan layang, atau *flyover road*, dengan izin, di simpang masuk Pekan Jaka.

Sekiranya pengubahsuaian ini diterima...

Tuan Yang di-Pertua: “*Flyover*” itu biasa diguna “jejambat.”

Tuan Roderick Wong Siew Lead: *Sorry.*

Tuan Yang di-Pertua: Jejambat.

Tuan Roderick Wong Siew Lead: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya pengubahsuaian ini diterima pakai, ia akan pasti memudahkan orang ramai dan dengan kemudahan ini akan dapat menarik dan memudahkan penduduk-penduduk dari Jalan Merudu atau Jalan Meruton dan Bayong untuk datang ke Pekan Jaka.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya pekan Jaka ini dinaiktarafkan untuk dijadikan sebagai tempat R&R iaitu kawasan rehat dan rawat. Kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan bagi peruntukan untuk membina R&R baharu dan boleh sahaja menaik taraf pekan-pekan kecil seperti Pekan Jaka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim atas keprihatinan terhadap pembangunan Sarawak dan Sabah. Dalam Belanjawan 2023, kerajaan bersetuju untuk membanyakkan kemudahan klinik, bank dan mahkamah di Sarawak dan Sarawak dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta. Dengan ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada isu kekurangan kemudahan klinik kesihatan di sekitar Kawasan Sarikei.

Saya ingin membawa salah satu isu yang terkait dengan Kementerian Kesihatan bagi kawasan Bayong, Sarikei. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan Bayong mempunyai jumlah penduduk sekitar 60,000 orang dan menetap di Pekan Jaka, Bayong, Sungai Rusa, Ulu Sarikei, Selalang, Sungai Paoh, Semangkui, Robang dan penduduk-penduduk di sempadan bahagian Sarikei dan bahagian Betong sedangkan penduduk di

kawasan tersebut terpaksa bergantung dengan Klinik Komuniti Jaka, Klinik Desa Bayong dan Klinik Desa Sungai Rusa.

Seperti yang kita sudah sedia maklum, kemudahan klinik desa amatlah terhad. Jadi, bagi pesakit-pesakit yang memerlukan kemudahan kesihatan yang lebih, mereka terpaksa pergi ke Klinik Kesihatan Sarikei atau Hospital Sarikei yang kedudukannya agak jauh dari kawasan mereka.

Saya juga difahamkan bahawa Klinik Kesihatan Sarikei dan Hospital Sarikei ini juga sedang menghadapi kesesakan pesakit. Mereka menerima sekitar 500 orang pesakit sehari dengan jumlah pesakit harian sebanyak ini, bayangkanlah berapa lama mereka harus menunggu untuk mendapatkan rawatan. Dengan adanya klinik kesihatan baharu ini, penduduk di kawasan tersebut akan dapat memperoleh kemudahan dan keselesaan untuk mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan.

Sebagai contoh, mereka akan menikmati perkhidmatan poliklinik kecemasan, kesihatan ibu dan anak, pergigian, farmasi, dan sebagainya. Dengan adanya klinik kesihatan yang baharu ini, bebanan kerja di klinik kesihatan dan Hospital Sarikei dapat diringankan juga dan membolehkan pegawai-pegawai kesihatan tersebut memberikan perkhidmatan yang lebih efektif kepada masyarakat terutamanya Sarikei.

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1410

Jadi, saya ingin meminta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan berkenaan dengan satu kemudahan Klinik Kesihatan Bayong. Projek ini telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang lalu. Tapak pembinaan bagi klinik ini telah pun dikenal pasti dan proses pemilikan hak milik Kerajaan Persekutuan telah pun diselesaikan. Persoalan saya, apakah status projek ini? Bilakah projek ini akan diteruskan?

Sekiranya projek ini diteruskan, saya ingin menyeru agar kerajaan dapat membina sebuah klinik kesihatan yang bertaraf KK3 yang mempunyai kemampuan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada purata kedatangan seramai 300 hingga 500 orang sehari. Jenis klinik KK3 sesuai dibina untuk anggaran bilangan penduduk seramai 30,000 hingga 50,000 orang di sesebuah kawasan liputan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua dan Dewan sidang yang dimulikan, saya ingin mengakhiri perbahasan saya yang pertama di Dewan yang mulia ini dengan harapan bahawa belanjawan yang telah dibentangkan akan dapat membawa impak yang positif kepada rakyat Malaysia dan kemakmuran negara. Saya juga berharap kerjasama antara semua pihak dapat dipertingkatkan untuk memastikan bahawa belanjawan ini dilaksanakan dengan belanja yang berkesan.

Akhir kata, selamat berpuasa saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Dengan ini, saya memohon menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Roderick Wong Siew Lead.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris. Dipersilakan.

2.12 ptg.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang kepada saya untuk bersama-sama kita membahaskan Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan.

Di kesempatan ini, hendak berpantun boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Boleh.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: ...[Berpantun]

*Pergi ke kota membeli selasih,
Sayang si dara buat halwa;
Permulaan kata simpulan kasih,
Sulamkan mesra sentuhan jiwa.*

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2023, seperti yang disebutkan, merupakan belanjawan yang terbesar dalam sejarah, sehingga RM388.1 bilion. Bagi kita, bagi rakyat, bukan soal angka sahaja yang menjadi pertimbangan kita terhadap belanjawan ini, tetapi ia menyentuh sejauh mana kita dapat menggunakan setiap sen, setiap ringgit daripada belanjawan ini untuk maslahat kebajikan rakyat keseluruhannya.

Jadi, sudah pasti kita mengharapkan satu tata kelola, satu pengurusan yang terbaik, tidak berlaku ketirisan, salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya. Kita juga mengharapkan belanjawan yang kita sebut tadi, ia menyentuh semua segmen masyarakat, menyentuh semua kumpulan, tidak kira kaum, bangsa, agama, warna kulit, jantina, umur, taraf hidup, juga tidak kira perbezaan ideologi politik. Kita tidak hendak dalam kita bentuk menguruskan negara ini, kita ada tindakan pilih kasih. Ada pihak yang disisihkan, ada pihak seolah-olah kita buat lupa.

Jadi, dalam hal ini, kesempatan ini, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah diketepikan dalam program Kerajaan Persekutuan di Langkawi, iaitu Program LIMA Langkawi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah selaku tuan rumah diketepikan, tidak dijemput untuk sama-

sama menjayakan program itu. Apa alasan Yang Berhormat Menteri hendak bagi, kita hendak dengarlah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua- minta maaf, jadi baru lagi, kan? *Sat "Tan Sri", sat "Dato"*. Pada petang ini, saya cuba hendak bahaskan beberapa kementerian, kalau sempat. Saya gariskan di sini *dok* ada empat atau lima kementerian jugalah.

Pertama, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Apabila kita bercakap tentang Kementerian Desa dan Wilayah ini, tidak lepas tidak, kita akan bercakap tentang kemiskinan. Kita tidak nafikan bahawa di Malaysia ini, walaupun kita telah lama merdeka, kalau kita tengok pada fakta dan angka, data-data yang ada, seperti data yang saya dapat ini pada 31 Julai 2022, miskin tegar kita masih berada pada 136,923 orang miskin, sebanyak 308,699 orang miskin. Angka dan data ini ia sentiasa berubah. Mungkin hari ini dia kaya, mungkin esok dia jatuh miskin. Mungkin dengan berlaku kemalangan, berlaku kematian keluarga, berlaku musibah kebakaran dan sebagainya.

Dia juga bergantung kepada nilai, atau orang sebut sekarang ini, indeks harga pengguna. Maknanya, kalau sekarang ini nilai duit kita sudah kecil, harga barang sudah mahal, jadi pendapatan sebenar, pendapatan yang boleh guna sudah pasti berkurangan. Maknanya, jumlah pendapatan itu, nilai pendapatan itu sudah turun dan mungkin dia boleh dikategorikan dia sama ada miskin tegar ataupun miskin.

Jadi, apa yang saya hendak sebutkan di sini, apakah peranan dan usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian khususnya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah? Selain daripada kita bagi Sumbangan Tunai Rahmah dan juga Menu Rahmah, adakah program-program yang lebih konstruktif, yang lebih bersungguh-sungguh untuk kita hendak basmi kemiskinan ini? Kita hendak tahu jugalah program-program yang telah dilaksanakan, agensi-agensi yang terlibat, jumlah peruntukan yang telah disalurkan, program-program khas untuk mengurangkan jumlah kemiskinan rakyat kita.

■1420

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang suka saya bahaskan di sini ialah berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Krisis keterjaminan makanan sangat penting untuk kita sama-sama bahaskan. Ia melibatkan banyak sektor ekonomi seperti sektor pertanian, penternakan dan nelayan. Sektor-sektor ini perlu kita perkasakan daripada semua, sama ada melalui bantuan-bantuan daripada kerajaan supaya ia dapat menjamin bekalan makanan- *food security* kita ini terus berada dalam keadaan selamat. Maknanya kita tidak bimbang, lebih-lebih lagi kita bimbang apabila berlakunya musibah bencana dan sebagainya.

Jadi kalau kita ada bekalan makanan kita yang cukup untuk rakyat, jadi saya sangat bersetuju dengan sahabat saya wakil dari Terengganu yang menyebut kita perlu sediakan satu- dana yang besar untuk R&D, untuk kita hendak buat kajian supaya pengeluaran

pertanian kita, pengeluaran penternakan kita, hasil daripada nelayan dapat kita mempertingkatkan dan bagaimana kita hendak cuba kurangkan import makanan kita.

Seperti yang kita dimaklumkan bahawa lebih daripada RM50 bilion mengalir keluar-kita import makanan padahal benda-benda itu kita dapat sebahagian besarnya kita dapat, kita sediakan di peringkat dalam negeri kita. Akan tetapi kita terpaksa beli benda itu. Benda-benda macam ini kita patut perbaiki untuk kita hendak perkenalkan, sama ada kita perkenalkan beri bantuan geran kepada pengusaha petani-petani, nelayan-nelayan, penternak-penternak ataupun memberi pinjaman mudah untuk kita hendak mengeluarkan hasil pertanian yang lebih baik. Atau kita bagi teknologi terkini dan terbaharu untuk majukan sektor-sektor yang dimajukan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya hendak sebut di sini ialah tentang Kementerian Perlindungan dan Komoditi. Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, insentif pengeluaran getah (IPG) RM2.50 kepada RM2.70. Ini melibatkan kos sehingga RM350 juta. Mengikut laporan Lembaga Getah Malaysia (LGM) untuk tempoh 2015 hingga 2022 selama tujuh tahun, hanya RM575 juta sahaja yang dibuat tuntutan- *claim* daripada peruntukan IPG pada tempoh tujuh tahun itu ialah RM2 bilion. Makna kata penoreh getah kita ini dia tak tuntutan- *claim* duit insentif pengeluaran getah (IPG). Tentu ada sebabnya, tentu ada faktornya yang begitu banyak dana yang diperuntukkan tidak digunakan.

Jadi sebab itu kita hendak supaya kaedah sistem pembayaran IPG itu untuk membantu penoreh-penoreh getah, dapat kita mudahkan. Kerenah-kerenah birokrasi itu dapat kita mudahkan. Saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, tuntutan wang untuk dapatkan kenaikan daripada IPG tadi ini, ia terpaksa melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM).

Jadi kadang-kadang yang menuntut itu mesti mempunyai syarat haknya untuk dituntut. Antaranya mesti mempunyai geran tanah. Jadi orang yang tak ada geran tanah, dia tak boleh menuntut. Kemudian dia mesti didaftarkan dengan LGM. Jadi kadang-kadang penoreh ini, orang kampung ini, orang di luar bandar ini tak daftar.

Yang daftarnya ialah pemilik-pemilik kebun, tauke-tauke getah ini. Jadi yang kuli, tukang memotong ini mereka tidak mendaftar, tidak mengambil atau dapat keuntungan daripada itu. Yang untung ialah pemilik kebun getah, mungkin pemilik kebun getah itu terdiri daripada cikgu, pegawai bank atau orang kaya.

Akan tetapi yang menoreh ini, yang miskin tegar ini, yang susah ini tak dapat IPG tadi ini. Jadi sebab itu kita hendak kaedah penyelesaian yang lebih konkrit tentang bagaimana wang yang diperuntukkan RM350 juta untuk tahun ini sampai kepada sasaran sebenar iaitu penoreh-penoreh getah terutamanya orang-orang yang mengambil upah pawah memotong. Dia memotong pokok tauke, dia dapat tetapi dia tak dapat insentif itu.

Jadi sebab itu kita hendak dipermudahkan, tiada kerenah-kerenah yang boleh merugikan para penoreh kita. Jadi kita cadangkan kalau boleh dana seperti itu dapat kita bawa kepada satu program seperti Bantuan Musim Tengkujuh. Ada bantuan untuk penoreh tetapi ia masuk ke Bantuan Musim Tengkujuh dan Bantuan Musim Tengkujuh itu dapat kita memperkemaskan. Semua penoreh yang ada dalam negara kita daftarkan walaupun kadang-kadang dia tidak memiliki geran tanah, dia tak memiliki kebun getah tetapi dia bekerja dalam industri getah, bekerja sebagai penoreh dan kita pastikan didaftar sebagai penoreh dan untuk dia mendapatkan hak untuk dia dapatkan insentif pengeluaran getah, duit bantuan musim tengkujuh tadi. Tahun lepas diumumkan sebanyak RM800 atau RM600.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang saya hendak sebut tadi tentang Kementerian Pendidikan. Kebetulan Tuan Yang di-Pertua saya pun sudah 35 tahun terlibat dalam dunia pendidikan sebagai cikgu, 35 tahun. Jadi hendak bercakap sedikit – kalau masa itu Tuan Yang di-Pertua tengok tak berapa hendak cukup, bolehkah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Perlu berapa lama lagi?

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: Ya?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Perlu satu minit?

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: Satu minit. Saya tersentuh dengan seperti yang disebutkan oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tambun, 830 buah sekolah yang akan dibaiki pada tahun ini. Sebanyak 830 buah sekolah akan dibaiki dengan dana berjumlah RM1.2 bilion. Akan tetapi saya nampak seperti yang disebutkan ini yang mana satu yang betul pun tak tahu, sebanyak hanya RM920 juta sahaja daripada RM1.2 bilion tadi dapat digunakan. Selebihnya, lebih kurang - digunakan kepada pihak lain. Difahamkan RM280 juga digunakan untuk pembaikan klinik.

Jadi kita hendak minta supaya RM1.2 bilion itu dapat kita penuhkan sepenuhnya untuk- khususnya untuk perkemaskan sekolah-sekolah, bilik darjah, bilik guru dan juga bangunan-bangunan sekolah yang uzur yang perlu kita berikan perhatian dan perlu kita berikan sokongan dengan peruntukan yang besar.

Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tambung yang memberikan peruntukan besar kepada Kementerian Pendidikan. Jadi dengan itu terima kasih, sekian. *Wabillahaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Dipersilakan.

2.29 ptg.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2023 di Dewan persidangan yang mulia ini.

Saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan 2023 atau Belanjawan Madani buat kali pertama oleh Kerajaan Perpaduan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan selepas membentangkan Belanjawan Madani pada keseluruhannya nampak agak bertanggungjawab dengan mengendalikan kewangan kerajaan dalam keadaan yang sedia ada.

■1430

Dapat diperhatikan bahawa perbelanjaan sosial ke atas pendidikan, kesihatan, perumahan dan juga program-program menyasarkan golongan berpendapatan rendah telah dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak kecewa pembentangan Belanjawan Madani yang langsung tidak menyentuh masalah kesesakan di Tambak Johor. Tiada sebarang peruntukan yang diagihkan untuk menyelesaikan masalah kesesakan Tambak Johor. Tambak Johor adalah antara sempadan tersibuk di dunia. Pada masa ini terdapat kira-kira 250,000 hingga 300,000 orang yang menyeberangi tambak ini setiap hari. Bilangan ini bertambah dari setiap tahun.

Cuba bayangkan perjalanan yang hanya memerlukan lima minit untuk memandu kereta merentasi laluan sepanjang satu kilometer di Tambak Johor boleh mengalami kesesakan lalu lintas sehingga tiga hingga enam jam untuk sampai ke Johor Bahru. Disebabkan kesesakan lalu lintas Tambak Johor yang begitu teruk, kebanyakan pengguna Tambak Johor perlu bangun awal, empat pagi untuk beratur di pusat pemeriksaan sempadan, sebelum lima pagi untuk melepasi kesesakan lalu lintas, sama ada untuk pekerja, peniaga atau melancong di Johor Bahru

Bagi meringankan beban rakyat Malaysia yang terpaksa beratur seawal tiga hingga empat pagi untuk bekerja atau meniaga di Singapura, peruntukan amatlah diperlukan untuk menyelesaikan masalah ini. Masalah kesesakan lalu lintas Tambak Johor telah berlaku berpuluh-puluh tahun. Isu ini telah dibangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri Johor banyak kali sejak kebelakangan ini. Dukacita, keadaan tidak bertambah baik malah ia menjadi makin teruk.

Baginda Tuanku Sultan Johor mengambil berat terhadap isu kesesakan Tambak Johor ini. Baginda telah bertitah meminta Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan untuk mengatasi masalah ini.

Di sini saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, adakah pihak akan kerajaan akan menyalurkan peruntukan di dalam Belanjawan 2023 untuk mengatasi masalah kesesakan Tambak Johor demi kepentingan rakyat? Peruntukan boleh digunakan untuk memperluaskan kapasiti Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dan juga menambah kaunter pemeriksaan serta membina laluan pejalan kaki. Dengan adanya kaunter tambahan, saya yakin proses kemasukan ke Singapura atau balik dari Singapura ke Johor Bahru akan dapat dipercepatkan.

Selain menambah baik infrastruktur fizikal, saya bercadang agar dapat menyemak semula dasar dan peraturan antara sempadan serta mempertingkatkan kualiti perkhidmatan rentas sempadan. Selain itu, saya berharap pihak kerajaan dapat mempercepatkan pelaksanaan Projek Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura. Pihak yang berkenaan mesti memantau kerja-kerja RTS untuk mengelak projek RTS lambat disiapkan. Saya yakin projek RTS akan dapat menyumbang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas Tambak Johor.

Saya juga bercadang agar projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) antara Kuala Lumpur dan Singapura dapat dipertimbangkan semula untuk mengatasi masalah kesesakan pintu masuk utama Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM520 juta untuk melebarkan jajaran Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dari Yong Peng Utara ke Senai Utara di Johor kepada enam- lorong secara berfasa dalam Belanjawan Madani. Akan tetapi saya merasa sedikit kecewa dengan pembukaan keseluruhan melebarkan jalan-jalan sepanjang 195 kilometer dari Ayer Keroh, Melaka ke Johor Bahru. Ia dilaksanakan memandangkan aliran trafik di jajaran itu kini terlalu sibuk. Bukan sahaja pada hujung minggu dan musim perayaan, malah ini berlaku setiap hari.

Saya sendiri telah banyak kali mengalami kesesakan trafik di Lebuhraya Utara-Selatan. Biasanya masa yang diperlukan untuk memandu kereta dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur atau dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru adalah lebih kurang tiga jam setengah. Saya telah banyak kali menghabiskan masa lebih kurang enam jam hingga tujuh jam untuk tiba di Kuala Lumpur atau balik ke Johor Bahru. Adakah ini taraf lebuhraya yang dimiliki oleh Malaysia? Sekiranya masalah ini tidak diselesaikan, saya percaya ia akan menjejaskan semua sektor ekonomi di Malaysia.

Saya juga ingin membangkitkan satu lagi masalah jalan di negeri Johor iaitu Jalan Persekutuan dari Yong Peng ke Segamat yang sepanjang 74 kilometer. Jalan tersebut bukan sahaja sempit dan tidak ada lampu, malah reka bentuk jalan tersebut yang lama ketinggalan zaman, amat berbahaya kepada pengguna jalan. Banyak kes kemalangan jalan raya telah berlaku di sepanjang jalan tersebut selama ini.

Saya dengan besar harapan agar Kerajaan Pusat dapat menyalurkan peruntukan untuk menambah baik jalan tersebut demi keselamatan rakyat jelata. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi peruntukan dalam Belanjawan 2023 untuk menaik taraf jalan persekutuan dari Yong Peng ke Segamat demi kepentingan rakyat jelata?

Saya juga berasa terdapat kekurangan pelan rancangan jangka panjang oleh kerajaan ini bagi membolehkan industri pelancongan dalam Belanjawan Madani seperti mana kita sedia maklum, industri pelancongan adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Pada tahun 2019, sektor pelancongan menyumbang RM86.14 bilion iaitu 13.3 peratus kepada KDNK negara melalui 26.1 juta orang pelawat antarabangsa yang masuk ke negara ini. Statistik juga menunjukkan pelancongan memberikan pulangan besar kepada subsektor yang berkaitan seperti peruncitan, pengangkutan serta makanan dan minuman.

■1440

Justeru, pelancongan adalah antara yang terjejas teruk disebabkan pandemik COVID-19 dengan kehilangan pendapatan serta menjejaskan ekosistem keseluruhan termasuk perniagaan dan pekerjaan.

Justeru, industri ini sangat memerlukan suntikan atau langkah segera bagi memulihkannya kembali ke tahap seperti sebelum pandemik. Dukacita, melalui belanjawan Madani yang dimaklumkan nampaknya kerajaan macam tidak mengambil berat atau mempertingkatkan industri ini. Kita boleh nampak belanjawan Madani tidak memperuntukkan dana bagi pemulihan industri pengangkutan, pelancongan dan *ground operator* dengan izin yang bertanggungjawab kepada sebanyak 60 peratus pelancongan di dalam.

Selain itu, nilai ambang cukai penglibatan bagi pengusaha hotel terutama hotel bajet yang sering kali digunakan oleh golongan B40 masih tetap kepada RM500 ribu untuk tidak menaikkan kepada RM1.5 juta seperti yang dicadangkan oleh pihak pengusaha hotel.

Akhir kata, saya setuju dan sokongan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 2023, sekian terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

2.42 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2023.

Tahniah Tuan Yang di-Pertua, sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2023 yang merupakan buah tangan pertama daripada Kerajaan Malaysia Madani dengan peruntukan terbesar sebelum ini yang berjumlah RM388.1 bilion, sudah tentu Belanjawan 2023 dilihat sebagai salah satu langkah awal bagi kerajaan baharu ini menstrukturkan semula kerangka ekonomi perbelanjaan dan bantuan kepada rakyat.

Isu pokok yang telah dibincangkan dan dibangkitkan oleh rata-rata Ahli Dewan ini adalah berkisar kepada isu kos sara hidup rakyat. Saban tahun tampuk pemerintahan yang saling berganti namun isu ini masih merupakan isu utama yang membelenggu rakyat.

Kita menghargai langkah pantas yang disarankan oleh kerajaan seperti melaksanakan Menu Rahmah di kedai-kedai makan bagi memastikan setiap rakyat berpeluang menikmati menu sihat dan mampu dibayar dengan harga RM5.

Namun begitu, kita melihat ada isu yang membelenggu peniaga yang ingin turut sama berkongsi rezeki. Namun mempunyai kekangan apabila berlakunya kenaikan harga barangan mentah di pasaran.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan kepastian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, sejauh manakah kawalan harga barangan mentah dan barangan basah secara borong? Adakah terdapat peningkatan harga yang signifikan sejak Januari 2023 hingga kini?

Usaha untuk memastikan perbelanjaan secara berhemah dan mengikut keperluan menerusi Jualan Rahmah juga perlu dilakukan secara berterusan dan bukan hanya bermusim bagi memastikan setiap rakyat yang berpendapatan rendah atau dalam kategori miskin ini mampu merasa dan memiliki barangan keperluan harian dan tidak terbeban untuk mengisi perut mereka.

Menghargai pemberian Sumbangan Tunai Rahmah kepada miskin tegar, saya berharap agar pemberian bakul makanan dan baucar barangan makanan asas RM100 kepada penerima STR termiskin mengikut data e-Kasih boleh diberikan mengikut keperluan secara berkala. Misalnya, ia boleh diberikan setiap dua bulan mengikut keperluan golongan berkenaan bukannya hanya diberikan dalam tempoh enam bulan seperti apa yang dilaksanakan sekarang.

Umum mengetahui isu kawalan harga barangan dan bekalan makanan semasa musim perayaan merupakan isu penting. Tambahan lagi, dengan keadaan harga barang yang semakin meningkat pada masa kini menjadi bebanan kepada rakyat.

Justeru, sejauh mana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah berbincang bersama semua pemain industri terutamanya yang terlibat dalam pembekalan barang mentah, barang kawalan dan barangan keperluan rakyat telah dilakukan? Semestinya kita mahukan barangan keperluan asas termasuk telur, ayam, tepung, minyak

masak serta gula tidak mengalami masalah kekurangan bekalan terutama semasa musim perayaan.

Berdasarkan laporan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan RM75.54 bilion import makanan dicatatkan tahun lalu berbanding RM63.59 bilion pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 18.7 peratus. Manakala, RM55.4 bilion dicatatkan pada tahun 2020.

Jumlah yang besar ini dan peningkatan import makanan setiap tahun akan membebankan negara jika isu ini tidak diperhalusi dan dicari jalan penyelesaian. Negara kita berpotensi untuk membangunkan industri pertanian dan perlu bersedia dengan krisis kekurangan bahan makanan ekoran keadaan cuaca dan perubahan iklim yang tidak menentu. Justeru, adakah perancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam mengatasi isu ini?

Begitu juga Dasar Agromakanan Negara yang dilancarkan dengan tujuan untuk memastikan harga bekalan ayam terkawal dan mengurangkan kebergantungan 100 peratus import bahan asas makanan untuk binatang ternakan ini? Sejauh mana, kejayaan projek pembangunan industri jagung bijian di bawah program sumber kekayaan baharu di bawah Dasar Agromakanan Negara berkesan untuk mengurangkan kebergantungan 100 peratus import bahan asas makanan haiwan dan seterusnya dapat mengurangkan kenaikan harga ayam di pasaran kelak? Mohon maklum balas daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan terhadap persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar bahawa industri sawit negara telah mengalami kerugian sebanyak RM20 bilion bagi tempoh 12 bulan akibat daripada kekurangan tenaga kerja. Kementerian Perlindungan dan Komoditi menganggarkan untuk meningkatkan kembali produktiviti. Seramai 63,000 orang- tenaga kerja asing diperlukan dalam sektor agrikomoditi terutamanya dalam sektor perladangan sawit.

Atas hal ini, saya mencadangkan agar untuk mengurang kebergantungan kepada tenaga pekerja asing. Kerajaan melalui Kementerian Perlindungan dan Komoditi perlu mula menggalakkan secara meluas penggunaan teknologi dron dan teknologi robotik dalam sektor industri kelapa sawit. Penggunaan teknologi ini sudah pun digunakan secara meluas di negara-negara lain. Teknologi dron ini mempunyai pelbagai fungsi seperti dron pemetaan kawasan, dron penuaian buah, dron penyemburan baja, dron pengangkutan kelapa sawit ke kilang dan sudah seharusnya negara kita beralih kepada penggunaan teknologi digital ini seperti juga negara-negara lain.

Dalam situasi ekonomi semasa yang melanda negara kita, setiap sen yang keluar daripada poket amatlah dirasai. Apa lagi yang melibatkan wang simpanan untuk hari tua yang disimpan setelah sekian lama bekerja.

■1450

Di sini saya ingin membangkitkan isu *love scam*, atau pun penipuan cinta yang sering kali menjerat terutamanya golongan wanita hingga mereka kerugian wang ringgit. Malah, ada yang hilang wang simpanan dalam bank, wang pencen dan juga wang simpanan KWSP kerana terpedaya dengan cinta palsu atas talian.

Modus operandi sindiket ini menyasarkan individu kesunyian sama ada yang kehilangan pasangan hidup atau hidup keseorangan melalui kaedah *social media*. Malahan, dipercayai sindiket turut menggunakan 'keldai akaun' untuk setiap transaksi dalam talian yang dilakukan. Justeru, apakah bentuk kawalan yang dibuat bagi mengekang sindiket ini daripada terus berleluasa?

Berdasarkan statistik kes jenayah penipuan dalam talian oleh PDRM, jumlah kes pada tahun 2022 ialah sebanyak 20,041 kes melibatkan kerugian RM684.5 juta. Jadi, sejauh manakah kejayaan kempen anti-scam yang telah dibuat oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial dan bagaimanakah mekanisme yang digunakan bagi memberi kesedaran kepada semua golongan agar tidak mudah terpedaya dengan cinta atas talian ini? Mohon pencerahan daripada Kementerian Dalam Negeri berkaitan isu ini.

Kanak-kanak merupakan aset negara. Saya mengalu-alukan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti yang diumumkan dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini. Cumanya, saya ingin bertanya tentang perincian berkaitan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak, terutama dalam isu penderaan, keganasan seksual, isu pornografi dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

Saya ingin bertanya, adakah Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini akan diwujudkan di setiap daerah di seluruh negara, seperti mana Jabatan Kebajikan Masyarakat? Juga, apakah skop dan perincian tugas-tugas? Adakah ia melibatkan penambahan jumlah tenaga kerja dalam bidang khusus berhubung kait dengan tugas jabatan ini bagi memudahkan cara mencari penyelesaian segala isu berkaitan kanak-kanak?

Tuan Yang di-Pertua, setiap individu mengimpikan untuk memiliki rumah sendiri, tidak kiralah bujang atau pun yang sudah berkeluarga. Trend peningkatan harga rumah saban tahun sudah tentu memberikan kegusaran kepada rakyat. Walaupun banyak perumahan baharu dibangunkan, tetapi kenyataannya, tidak ramai yang mampu hendak beli atau pun layak mendapatkan pinjaman bank.

Kadar harga rumah dijangka akan naik sehingga 11.8 peratus di seluruh negara untuk tempoh 12 bulan dari sekarang. Kenaikan harga rumah dikaitkan dengan COVID-19, Perang Ukraine-Russia menyebabkan rantai sumber pengeluaran bahan binaan menjadi terbatas,

menyebabkan lonjakan harga binaan seperti kenaikan harga logam, harga simen naik dan harga pasir naik menyebabkan kos pembinaan meningkat.

Di Sabah sendiri, harga rumah di Bandar Kota Kinabalu setiap tahun meningkat naik dan boleh dianggap mahal. Rasanya, individu yang baru sahaja mula bekerja dengan gaji minimum tidak akan mampu membeli rumah di Bandar Kota Kinabalu.

Bayangkan, rata-rata rumah- contohnya, jenis rumah teres pun di pinggir Bandar Kota Kinabalu dengan keluasan 1,600 hingga 1,800 kaki persegi mencatatkan harga permulaan RM600,000 ke atas. Manakala flat atau apartmen pula bermula dengan harga lebih kurang RM350,000 ke atas.

Sudah tentu kerajaan mahu melihat lebih ramai rakyat di bawah kategori miskin tegar mempunyai rumah sendiri. Atas dasar ini juga, saya mohon pihak kerajaan menambah peruntukan dan memperbanyakkan pembinaan rumah PPRT di Sabah, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Hal ini adalah kerana daripada 2,000 buah rumah PPRT yang dipohon oleh Kerajaan Negeri Sabah, hanya 710 buah rumah yang telah diluluskan setakat ini. Permintaan banyak, tetapi peruntukan terhad.

Selain itu, saya juga mencadangkan agar rumah PPRT di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang dibina, kalau boleh, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk melaksanakan pembinaan rumah PPRT ini secara berkelompok, selain daripada dibina sesebuah. Maksudnya, dibina sebuah, sebuah. Hal ini kerana kalau dilihat, syarat utama permohonan PPRT ini, pemohon hendaklah mempunyai tanah sendiri, atau, jika tidak memiliki tanah sendiri, boleh menyewa, atau menumpang tanah milik orang lain, atau tanah kerajaan, dengan kebenaran bertulis. Sebab, ada juga tanah sebidang dimiliki bersama oleh ramai waris.

Sekiranya hanya satu buah rumah PPRT boleh dibina di atas tanah yang dikongsi milik bersama atas permohonan seseorang yang layak untuk memohon, maka waris yang lain, atau pemilik bersama yang lain sudah tidak dapat memohon rumah PPRT menggunakan tanah yang sama, walaupun sekiranya pemilik bersama itu juga di bawah kategori miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Bajet 2023 ini juga, Sabah telah mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM6.5 bilion, berbanding RM5.16 bilion pada tahun 2022. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM1.34 bilion, iaitu 26 peratus, berbanding peruntukan yang diberi pada tahun 2022. Peningkatan ini merupakan langkah penting untuk memastikan hak Sabah di bawah Perlembagaan Persekutuan dipenuhi. Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan, Sabah berhak mendapat geran sebanyak 40 peratus daripada hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari bumi Sabah.

Meskipun pada tahun lepas, tahun 2022, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan interim untuk pemberian khas, tertakluk kepada rundingan bagi formula baharu, dan bayaran sebanyak RM125.6 juta telah pun dibayar pada Sabah,

tetapi bayaran ini tidak seharusnya dianggap sebagai bayaran mewakili jumlah keseluruhan yang sepatutnya dibayar pada Sabah untuk 50 tahun yang belum dibayar pada Sabah sebelum ini.

Sudah tentu rakyat Sabah mengharapkan agar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dapat segera memuktamadkan satu formula baharu untuk memenuhi hak Sabah di bawah Perkara 112C, dan 112D Perlembagaan Persekutuan ini.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keprihatinan yang diberikan kepada setiap golongan. Saya berharap agar Belanjawan 2023 ini akan memanfaatkan setiap lapisan dan tidak ada golongan yang tercicir menerima bantuan yang sewajarnya. Semoga keharmonian dan kesejahteraan terus dicapai demi Malaysia yang tercinta. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Noraini binti Idris atas perbincangan itu tadi.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang. Dipersilakan.

2.58 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. *Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah SWT kerana saya diberi peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pebekalan 2023.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun Belanjawan Madani yang telah dibentangkan itu dan telah pun diluluskan di peringkat Dewan Rakyat, saya mengharapkan segala teguran, cadangan dan juga penambahbaikan yang dilontarkan oleh Ahli-ahli Parlimen, sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, mendapat perhatian oleh kerajaan demi kemaslahatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah berhadapan dengan suatu era himpitan sektor kesihatan, ekonomi dan sosial yang dahsyat beberapa tahun sebelum daripada ini. Pandemik COVID-19 ibarat tsunami besar yang membadai keseluruhan sistem pentadbiran negara sehingga mendorong beberapa pelaksanaan dasar yang ketat daripada kerajaan yang ditadbir oleh Yang Amat Berhormat Pagoh ketika itu.

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia merupakan kedua terendah selepas krisis kewangan yang pernah melanda negara dalam krisis kewangan tahun 1999.

■1500

Semua aktiviti ekonomi merekodkan penguncupan yang ketara. Pengangguran negara merosot sehingga 4.5 peratus KDNK berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Kerajaan ketika itu mengambil beberapa langkah strategik, *plan survival* dan juga pemulihan

ekonomi bersasar digarap bagi memastikan rakyat mendapat perhatian sewajarnya. Sebanyak RM530 bilion- Pakej Rangsangan Ekonomi digerakkan secara teratur berpandukan kepada data dan situasi semasa negara. Akta Langkah-langkah Sementara Pembiayaan Kerajaan 2020 diketengahkan bagi memberi ruang fiskal yang luas kepada intervensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* sesuatu yang kita harus dibanggakan ialah pertumbuhan ekonomi negara tahun lalu mencapai pertumbuhan tertinggi sejak 22 tahun dengan lantunan KDNK mencecah 8.7 peratus berbanding 3.1 peratus pada tahun 2021. Kedudukan KDNK yang terus melonjak ini menjadikan Malaysia antara negara ASEAN yang mengalami prestasi KDNK terbaik berbanding Singapura 3.8 peratus, Indonesia 5.8 peratus manakala Filipina 7.6 peratus.

Kesemua ini ialah berkat ketekunan, keprihatinan serta kebertanggungjawaban kerajaan sebelum ini dengan sokongan agensi-agensi khususnya dalam sektor kesihatan serta seluruh rakyat yang berganding bahu dalam memastikan kesemua pelan pemulihan ekonomi mengikut sasaran perancangan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai isu pendidikan. Dalam pendidikan di negara ini, kita bukan sahaja menekankan pencapaian akademik pelajar sama ada dalam kurikulum mahupun kokurikulum. Akan tetapi juga aspek sahsiah diri, adab, etika dan nilai-nilai murni Islam juga seharusnya ditekankan bagi melahirkan generasi anak-anak yang hidup dengan nilai-nilai Islam. Saya mengharapkan nilai Islam dalam sistem pendidikan negara terus diperkukuhkan dan diperbanyakkan program mahupun aktiviti di peringkat institusi pendidikan yang bermula dari prasekolah hingga ke peringkat universiti.

Kita sedia maklum, sektor pendidikan negara pada hari ini melalui pelbagai isu, ujian dan juga permasalahan. Baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan telah mewujudkan tujuh buah teras utama dalam sistem pendidikan negara. Antaranya komunikasi antara kementerian dan sekolah; memberi penekanan kepada aspek *karamah insaniah* yang berkait rapat dengan adab dan akhlak murid; ubahsuai dan naik taraf sekolah-sekolah daif; menjaga kebajikan guru; meningkatkan pendidikan digital; mengatasi isu keciciran pendidikan; dan isu kemiskinan multi dimensi.

Meskipun tujuh buah teras ini disambut baik oleh golongan pendidikan dan juga ibu bapa kerana antara perkara pokok utama dalam sistem pendidikan negara sejak dahulu lagi. Namun begitu, menjadi persoalan bagaimana usaha atau tindakan untuk merealisasikan tujuh buah teras ini selain jangka masa yang disasarkan untuk mengukur sejauh mana tujuh buah teras ini dapat dicapai. Apa yang mendukacitakan adalah sehingga kini masih belum ada sebarang dokumen pelan strategik mahupun perancangan induk yang holistik dibentangkan oleh pihak kementerian berkaitan tujuh buah teras ini.

Sepatutnya ini perlu segera dibangunkan pelan tindakan yang komprehensif untuk melaksanakan setiap teras ini daripada segi agenda, tindakan serta sasaran pencapaiannya. Malah, lebih penting pihak kementerian juga perlu segera memulakan langkah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan yang baharu selepas PPPM 2013-2025 tamat pada akhir tahun 2025 demi memantapkan lagi pendidikan negara.

Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan yang mengganggu kelancaran sistem pendidikan juga perlu diselesaikan segera sehingga ke akar umbi. Antaranya isu berkaitan kekurangan guru, silibus sekolah, pengiktirafan UEC, kesesakan bilik darjah dan lain-lain. Salah satu masalah terbesar yang dihadapi oleh sekolah dan guru hari ini ialah kesesakan bilik darjah. Gabungan populasi yang semakin meningkat dan penurunan dana telah menyebabkan saiz kelas melambung tinggi.

Dalam dunia yang ideal, saiz kelas akan terhad kepada 15 hingga 20 orang pelajar. Malangnya, banyak bilik darjah sekarang ini melebihi 30 orang pelajar dan ada juga kelas yang terdapat lebih daripada 40 orang pelajar dalam sebuah kelas. Bilik darjah yang sempit memberi kesan yang negatif terhadap pembelajaran anak-anak murid.

Antaranya masalah disiplin, tekanan guru yang meningkat dan tahap kebisingan yang tidak terkawal sehingga mengganggu murid-murid lain. Pembelajaran anak-anak sudah tentu tidak kompetitif. Oleh itu, apakah langkah-langkah jalan penyelesaian yang tuntas yang dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan permasalahan ini? Sudah tentu jika dibiarkan ia akan memberi implikasi kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkaitan dengan fenomena *Islamofobia*. *Islamofobia* pada hakikatnya terbina melalui pembentukan persepsi berdasarkan kepada fakta yang tidak tepat ataupun kurang lengkap. Ditambah dengan propaganda dan gerakan memburukkan imej Islam. Tidak terkecuali juga negara-negara di Eropah membenarkan jenayah kebencian terhadap umat Islam dengan menghalalkan *Islamofobia* dan memperkenalkan undang-undang yang mengharamkan atau mengehadkan amalan agama Islam di negara mereka.

Islamofobia bukan sahaja memberi kesan terhadap mental dan fizikal bahkan juga memberikan kesan kepada pembangunan sosioekonomi. Diskriminasi terhadap umat Islam dalam bidang pendidikan, tempat kerja, peluang pekerjaan, peluang perniagaan dan sebagainya juga memberi impak kepada kehidupan umat Islam terutamanya di negara majoriti bukan Islam. Peranan media di Malaysia sudah pasti menjadi salah satu punca berkembangnya fenomena *Islamofobia* ini. Gambaran negatif dan salah terhadap Islam seperti liputan larangan memasuki masjid oleh bukan Islam, bantahan bukan Islam membaca ayat-ayat Al-Quran dalam pengucapan umum dan lain-lain telah menyuburkan lagi *Islamofobia* di Malaysia.

Media juga kerap memaparkan insiden-insiden keganasan yang dilakukan orang Islam tanpa mengimbangkannya dengan jenayah yang dilakukan oleh orang lain. Media secara umumnya masih tidak dapat memainkan peranannya untuk memperbetulkan persepsi *Islamofobia* ini. Bahkan kerap kali media ini menayangkan program-program termasuk filem dan drama yang menimbulkan kekeliruan terhadap Islam.

■1510

Media sepatutnya menerbitkan program dan rancangan termasuk dokumentari mengenai realiti Islam fobia berdasarkan fakta yang sahih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai dengan ekopelancongan. Saya melihat peruntukan program ekopelancongan adalah tidak setimpal dengan khazanah alam sekitar dan hidupan liar yang seharusnya dipelihara. Ekopelancongan merupakan nadi penting dalam negara kita mempromosikan kesedaran akan peri pentingnya melindungi hidupan liar dan konservasi sumber alam semula jadi. Sebagai contohnya, ekopelancongan dalam pemuliharaan penyu seperti di *Rantau Abang Turtle Sanctuary* di Terengganu dan *Cherating Turtle Sanctuary* di Pahang.

Saya melihat saban tahun populasi penyu di negara kita diancam kepupusan ekoran kegiatan manusia yang memburu dan mengambil telur penyu secara haram berleluasa. Saya berharap Menteri berkaitan peka dan cakna akan ekopelancongan berasaskan penyu yang bukan sahaja memberi kesan positif kepada ekonomi, malah mempromosikan kelestarian hidupan liar.

Terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah pindaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]. Tuan Yang di-Pertua, isu pencemaran bekalan air dalam negara ini kerap kali berlaku sehingga menjejaskan penduduk setempat. Saya berpandangan amat relevan sekali Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dipinda pada Jun depan dengan mengenakan hukuman lebih berat termasuk kadar denda yang ditingkatkan sehingga RM100 juta kepada pencemar sumber air.

Namun begitu, selain meningkatkan denda dan hukuman yang menggerunkan mana-mana pihak industri, usaha tindakan menguatkuasakan dan pemantauan yang tepat daripada agensi penguat kuasa juga perlu diperkasakan. Mana-mana industri yang telah jelas melakukan kesalahan, mencemarkan sumber air juga seharusnya dibatalkan lesen operasi serta-merta. Senario pada hari ini ada segelintir syarikat industri yang dikenakan hukuman dan denda yang berat sanggup merasuah pihak berkuasa dengan nilai yang lebih tinggi dan kita bimbang sekiranya gejala rasuah akan lebih banyak berlaku apabila denda yang dikenakan ditingkatkan.

Sehubungan itu, sudah tiba masanya untuk kerajaan menambah jumlah kakitangan penguat kuasa bagi memastikan penguatkuasaan dan pemantauan dapat dilakukan sebaik mungkin. Selain itu, penglibatan orang awam dalam membantu pihak berkuasa menangani

isu-isu berkaitan pencemaran sungai dan bekalan air juga merupakan satu usaha yang murni. Lain daripada itu, kelemahan pentadbiran negeri juga penyumbang utama masalah pencemaran bekalan air ini. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu diberi kuasa untuk mengambil sebarang tindakan tegas terhadap kilang-kilang yang dibina pada tempat yang mendedahkan kepada pencemaran seperti di tanah rizab sungai.

Untuk pengetahuan Dewan, Jabatan Peringkat Persekutuan seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) tiada kuasa terhadap tanah dan sungai. Oleh itu, sepatutnya punca kuasa yang menjadi tanggungjawab utama kerajaan negeri dan PBT perlu diperkasakan secara holistik...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tolong gulung.

Dato' Haji Husain bin Awang: Saya ada satu isu lagi, boleh?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Okey, bagi satu minit sahaja.

Dato' Haji Husain bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Cukai Makmur merupakan cukai yang dikenakan sekali sahaja pada mana-mana syarikat yang menjana pendapatan melebihi RM100 juta. Sudah pasti dengan kutipan Cukai Makmur secara *one off* kepada syarikat korporat dapat meningkatkan kutipan cukai pendapatan syarikat- *Company Income Tax Act* (CITA).

Dalam laporan tinjauan 2023, ada menyatakan cukai langsung dianggarkan meningkat sebanyak 3.5 peratus kepada RM152.4 bilion iaitu 74.1 peratus daripada hasil cukai. Sebahagian peningkatan ini disumbangkan oleh CITA yang dianggarkan sebanyak RM88.9 bilion sejajar dengan prospek pendapatan korporat yang stabil serta kutipan cukai makmur pada 2023.

Daripada hasil kutipan cukai ini, kerajaan dijangka dapat membantu rakyat berikutan inflasi yang sedang berlaku sekarang dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Hasil kutipan cukai ini memberi manfaat besar kepada rakyat terutamanya golongan B40. Namun begitu, dalam pembentangan bajet baru-baru ini Cukai Makmur tidak diperkenalkan. Oleh itu, saya minta penjelasan pihak kerajaan. Apakah rasionalnya Cukai Makmur Ini dihapuskan? Adakah pihak kerajaan akan memperkenalkan cukai lain bagi menggantikan Cukai Makmur atau hanya sekadar kutipan cukai pendapatan syarikat CITA sahaja?

Selain itu, sudah tiba masanya kerajaan memperkenalkan cukai khas yang bersesuaian ke atas syarikat monopoli seperti My E.G. Services Berhad, Puspakom Sdn. Bhd., dan Pharmaniaga Berhad serta syarikat oligopoli seperti syarikat telco di negara ini untuk meningkatkan pendapatan negara, sekali gus dapat membantu meringankan beban rakyat.

Dengan kata-kata itu, saya akhiri ucapan saya ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023 ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang atas perbahasan tadi.

Sebelum saya jemput Dato' Arman Azha Abu Hanifah, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin yang telah berhenti perbahasan selepas 5.06 minit pada hari Khamis lalu atas masalah kesihatan.

Sekarang bagi peluang kepada Yang Berhormat Tuan Haji Aziz bin Ariffin untuk sambungkan perbahasan 10 minit.

3.18 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang untuk saya menyambung perbahasan Bajet 2023. Saya terus kepada perkara lima, iaitu koperasi.

Melalui Bajet 2023, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan lebih RM732 juta berbanding RM551 juta pada tahun 2022 kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan merangkumi sebanyak RM212 juta bagi perbelanjaan mengurus. Manakala RM520 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Untuk pembangunan koperasi sahaja, peruntukan sebanyak RM92.4 juta iaitu 44 peratus diperuntukkan daripada keseluruhan perbelanjaan untuk mengurus berbanding RM90.7 juta pada 2022.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan peruntukan yang diberikan ini ialah bukti bahawa institusi koperasi di Malaysia merupakan sebuah institusi yang penting dan diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan. Sebanyak RM37.8 bilion perolehan koperasi telah disumbangkan kepada pendapatan negara pada tahun 2022.

■1520

Selain itu, penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), pengiktirafan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penubuhan institusi perbankan Islam koperasi patuh syariah yang pertama di Malaysia iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau Bank Rakyat merupakan kejayaan yang telah ditempa oleh pihak koperasi.

Peranan sektor koperasi dalam pembangunan ekonomi negara dilihat berpotensi besar sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif setelah koperasi menjadi penyumbang ketiga terbesar dalam ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, melalui institusi koperasi terdapat tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. Inilah yang saya hendak tekankan Tuan Yang di-Pertua dan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang dicarum oleh koperasi-koperasi

untuk dijadikan wang terkumpul yang bertujuan merancakkan pembangunan koperasi berdasarkan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan Koperasi 2010.

Sehingga kini berapakah jumlah wang yang telah terkumpul bagi tabung wang Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan wang Kumpulan Amanah Pendidikan Koperasi? Saya juga ingin minta kementerian agar menyatakan dengan lebih terperinci ke manakah hasil Tabung Amanah Pembangunan dan Pendidikan Koperasi dibelanjakan dalam usaha membangunkan anggota koperasi.

Saya turut ingin menyarankan agar peruntukan wang-wang tersebut disalurkan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang menjadi badan utama gerakan koperasi negara ini yang juga mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ini adalah bersesuaian dengan inspirasi koperasi Malaysia yang telah ditandatangani pada 12 Februari 2022 di antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan ANGKASA.

Pihak Angkasa perlu diberi tanggungjawab bagi merangsang, merancang dan membangunkan perniagaan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa serta memperluaskan perniagaan koperasi melalui sektor ekonomi utama.

Oleh itu, adalah wajar peruntukan yang lebih besar diberikan kepada pihak angkasa bertujuan untuk menunaikan segala tanggungjawab yang telah digariskan dalam inspirasi koperasi terhadap 15,000 buah koperasi yang telah didaftarkan oleh SKM. Melalui peruntukan tersebut pihak ANGKASA saya yakin mampu memberikan perhatian yang khusus terhadap koperasi mikro yang memerlukan bimbingan perniagaan agar mampu bersaing dengan perniagaan formal di luar sana.

Koperasi-koperasi mikro merupakan koperasi yang mewakili masyarakat B40 dan M40 serta koperasi komuniti di kampung-kampung, desa-desa, koperasi-koperasi nelayan, koperasi penoreh getah, koperasi petani, koperasi Orang Asli dan banyak lagi. Saya amat yakin bahawa langkah untuk menyalurkan peruntukan ini kepada ANGKASA satu langkah yang tepat dan tidak perlu diragukan lagi serta selari dengan usaha-usaha merealisasikan Dasar Koperasi Negara 2030.

Tuan Yang di-Pertua, saya tambah lagi sedikit berhubung dengan banyak diperkatakan berkenaan dengan doktor kontrak. Saya hanya ingin- walaupun ramai telah pun memperjelasannya saya hendak tambah satu, dua lagi sahaja iaitu beberapa isu utama. Isu utama yang sering kali dibangkitkan terutamanya oleh Sekretariat Gerakan Hartal Doktor Kontrak adalah berkaitan dengan jawatan tetap doktor yang masih tidak mencukupi bagi menjamin keselamatan kerja seorang doktor.

Antara isu lain adalah berkaitan dengan kemudahan dan ekosistem penjagaan kesihatan awam yang semakin uzur dan terlalu sesak. Kekurangan tenaga kerja sehingga

mengakibatkan kebanyakan petugas penjagaan kesihatan dibebani terlalu banyak tugas-tugas mereka.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah terdapat sebarang peruntukan khusus disediakan bagi menambah baik, menaik taraf fasiliti kesihatan di seluruh negara dengan kadar segera memandangkan terdapat 1,200 daripada 3,119 buah klinik kesihatan KKM telah melebihi usia 50 tahun dan berada dalam keadaan daif serta usang.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang semua dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini berhubung kait perkara ini. *Insyaa-Allah* saya yakin Kerajaan Perpaduan yang ada pada hari ini mampu melaksanakannya dan memahami apa masalah-masalah yang telah pun dibangkitkan.

Sebelum saya akhiri sambungan perbahasan RUU Perbekalan 2023 serta sekali lagi saya berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan beberapa perkara yang saya bangkitkan dalam perbahasan pada 30 Mac yang lalu, hari Khamis dan disambung diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi berkaitan kelangsungan beberapa perkara kebaikan demi kebaikan masyarakat dan negara. Buat akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan serangkap pantun.

*Padang Besar sempadan negara,
Tempat berdagang hasil bertani;
Mari bersama bergabung tenaga,
Masyarakat membangun Malaysia Madani.*

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah. Dipersilakan.

3.28 ptg.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam perpaduan. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang kelihatan segak di atas Kerusi Speaker tersebut.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih... *[Ketawa]*

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Salam Ramadhan dan selamat mengerjakan ibadah puasa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat beragama Islam yang mulia ini, dengan pahala yang tinggi daripada Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Madani. Saya menyambut baik pendekatan Belanjawan Madani 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 24 Februari 2023 kerana belanjawan ini amat penting untuk rakyat negara kita.

Akan tetapi apa yang perlu hari ini adalah terutama daripada segi ekonomi negara kita, dalam memenuhi keperluan ekonomi negara, kita dimaklumkan Kerajaan Madani hari ini telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta khususnya untuk memperbaiki, memperbaharui 3,000 buah gerai dan kios perniagaan untuk rakyat Malaysia.

Kebanyakan peniaga kecil pada hari ini mereka menyambut baik usaha kerajaan terutama dalam dana yang telah diberikan sebanyak RM50 juta. Akan tetapi apa yang pasti hari ini kita lihat RM50 juta ini disediakan untuk 3,000 buah gerai. Dalam persoalan hari ini adakah 3,000 buah gerai itu mencukupi? Oleh sebab itu kita tahu selepas pandemik COVID-19 banyak yang hilang pekerjaan.

Ramai di kalangan rakyat kita berubah daripada pekerjaan menjadi peniaga-peniaga kecil. Rungutan juga diterima oleh rakan-rakan kita, daripada rakan Senator dan sebagainya, yang mengata kebanyakan mereka menyambut baik peruntukan ini tetapi persoalan hari ini adakah kerajaan menyediakan tempat ini mencukupi untuk golongan yang berniaga?

■1530

Paling menghampakan kebanyakan daripada mereka hari ini cuba mendapatkan permit perniagaan dan lesen perniagaan untuk mereka berniaga tetapi malangnya permohonan mereka ini tidak diluluskan dan hari ini kerajaan mengumumkan mempunyai bajet RM50 juta untuk menyediakan kios dan gerai kepada golongan-golongan yang terkesan. Ini satu- dana yang amat besar dan kita mohon kepada kerajaan untuk mengambil peduli bagaimana dengan jumlah yang lain di mana kebanyakan pada mereka yang minta lesen perniagaan ini masih lagi belum mendapat kelulusan.

Secara logiknya 3,000 buah premis perniagaan baharu yang sedia ada ini bagi saya masih lagi tidak mencukupi dalam menampung bilangan penjaja yang sedia ada. Boleh dikatakan kebanyakan golongan penjaja ini peniaga kecil terdiri daripada golongan B40 bergelut setiap hari selepas pandemik COVID-19.

Persoalan hari ini sejauh manakah penjaja peniaga kecil yang berniaga di tepi-tepi jalan semenjak COVID-19 ini diberi jaminan lesen dan premis yang sah bagi meneruskan ekonomi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang ingin saya nyatakan adalah tentang isu musibah banjir ataupun bencana. Kebelakangan ini kita lihat negara ini kerap dilanda musibah bencana alam sama ada jangka atau yg tidak jangka. Banyak kawasan yang terkesan dan rakyat mengalami kerugian yang amat besar setiap kali musibah ini berlaku musim banjir. Negara kita sudah merdeka sudah lama kita sudah menyambut negara maju sudah lama, tetapi

kenapa sehingga hari ini masalah banjir ini tidak dapat ditangani dengan baik? Kita memerlukan satu- pelan jangka masa panjang dan pendek untuk menyelesaikan masalah banjir ini. Negeri-negeri di Pantai Timur, contoh Pahang, Kelantan, Terengganu, saban hari mengalami musibah banjir tidak terlepas dengan negeri-negeri di Pantai Barat seperti Selangor, Kedah, Perak, dan baharu-baharu ini di negeri Johor.

Bila kita menghadapi musibah banjir ini kita lihat rakyat terkesan kerana yang lebih kita sedih hari ini warga emas dan anak-anak kecil yang terpaksa mengganggu, mengharung banjir dalam keadaan lemah dan kesejukan sehinggakan ada segelintir anak yang tidak lagi bersemangat hendak pergi sekolah yang paling sedih kita lihat baharu-baharu ini musibah banjir di negeri Johor bila berlaku masih lagi budak-budak mengambil peperiksaan SPM. Apabila kita tanya bagaimanakah keadaan anak-anak murid yang mengambil SPM ini yang terkesan dalam masa banjir ini perlu mengambil peperiksaan sedangkan mereka mengalami tekanan mental dan sebagainya?

Jadi, apa langkah-langkah kementerian melalui kesedaran yang perlu disebarkan dan diajar kepada masyarakat setempat untuk menguruskan situasi bencana seperti banjir yang melibatkan tahap keselamatan, mental dan emosi dan *survival* mangsa banjir. Ini perlu dilaksanakan secara konsisten secara pintas.

Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Azhar yang turut memberikan pandangan- bisik ke telinga saya. Ini adalah kerana pada hari ini- pemetaan kasar, setiap kali banjir melanda di kawasan-kawasan panas atau *hotspot*, kemalangan meragut nyawa juga berlaku. Ini mengakibatkan kerugian, kerosakan harta benda yang berulang-ulang. Sehingga bilakah rakyat akan terus menghadapi isu bencana banjir?

Sampai bilakah hendak letak keutamaan dalam isu banjir ini? Kita sudah merdeka lama dan masih lagi negara kita ini menghadapi masalah banjir jadi saya mintalah Kerajaan Madani hari ini yang dikatakan begitu prihatin tentang perpaduan dan masalah rakyat untuk mencari pelan rangkaian jangka masa pendek dan panjang untuk menyelesaikan masalah banjir untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya isu kesihatan. Pembangunan hospital-hospital swasta hari ini dilihat tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Banyak hospital swasta yang tumbuh tetapi bil dan rawatan ini dilihat amat tinggi dan tidak mampu ditanggung oleh lapisan masyarakat khususnya golongan B40. Pendekatan menaik taraf dan menyumbangkan pesakit-pesakit hospital, dilihat satu langkah yang very proaktif. Pada masa yang sama pesakit-pesakit boleh mendapat rawatan dan kesejahteraan yang lebih kondusif berbanding dengan hospital awam dan klinik kesihatan yang selalu sesak dan juga kian uzur kita lihat.

Ini merupakan satu lagi masalah rakyat hari ini bila pergi ke hospital kerajaan hari ini rawatan mereka dilihat begitu sukar untuk mendapat rawatan, kadang-kadang datang pagi kerana *emergency* tetapi dapat rawatan pukul empat petang. Ada yang datang hendak buat

operation by pass dan sebagainya disebabkan tidak buat *covid testing* disuruh balik lepas dua bulan datang balik kerana klinik kerajaan ini terlampau banyak birokrasi yang perlu kita lihat.

Saya ingin mengetahui lebih lanjut apakah kerajaan bercadang untuk membina hospital-hospital baharu atau tambah baik blok-blok kerajaan, hospital-hospital kerajaan yang sedia ada kerana hari ini rakyat memerlukan pelan kesihatan dan tempat kesihatan yang baik untuk rawatan kesihatan rakyat Malaysia. Yang kita lihat hari ini negeri-negeri lain yang bakal dilaksanakan dimaklumkan hospital di Melaka, Kuala Kangsar, Jelebu, Pontian tetapi di kawasan saya sendiri Hospital Serdang masih lagi mempunyai masalah yang besar terutama daripada segi *parking*.

Bayangkan kita ada orang sakit secara *emergency* hendak hantar ke *Emergency Room* tempat letak kenderaan pun tidak ada. Adakalanya mereka perlu berjalan kaki kepada tempat *emergency* ini sejauh 2-3 kilometer. Jadi perkara ini kerajaan yang prihatin hari ini perlu mengambil peduli, perlu memikirkan pelan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang asas dalam klinik kesihatan hospital kerajaan.

Hospital kerajaan hari ini juga bagi saya perlu dinaiktarafkan- jangan segala kita umum sahaja hendak buat bangunan hospital baharu. Sepatutnya hospital-hospital kerajaan sedia ada ini perlu dinaiktarafkan, agar sama taraf dengan hospital-hospital swasta demi rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, apa perancangan Kementerian Kesihatan untuk mengatasi kekurangan tapak parkir di hospital-hospital awam. Ramai yang tanya Dato' kenapa konsisten isu parkir ini sebab bagi saya bila kita pergi ke hospital kerajaan hari ini kita lihat bagaimana sesaknya hospital kerajaan hendak dapat parkir pun sukar. Akhirnya masalah kepada orang cakap pesakit-pesakit hendak pergi mendapat rawatan pun sukar kerana masalah parkir.

Ini kerana hari ini tapak parkir sedia ada amat terhad dan waris pesakit terpaksa meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan sekitar hospital ketika mendapatkan rawatan dan ada juga terpaksa meletakkan kenderaan dengan jarak amat jauh berjalan ke hospital dalam keadaan yang amat kecewa kerana ini merupakan hospital kerajaan. Adakah pendekatan kerajaan hari ini dalam isu tempat hemodialisis hari ini kita lihat tempat-tempat hemodialisis ini amat berkurangan dan ini juga amat penting untuk kerajaan mengambil peduli untuk melaksanakan pusat hemodialisis bertambah di semua peringkat kawasan Parlimen.

Seterusnya, kesejahteraan rakyat. Konsep Payung Rahmah hari ini diperkenalkan oleh belanjawan madani hari ini diterima dan disambut amat baik oleh rakyat Malaysia dan para pengusaha hari ini juga mengambil inisiatif untuk turut serta dalam program rahmah ini. Walau bagaimanapun, masih ada lagi rungutan, rayuan, daripada rakyat untuk kerajaan kembali memperimbangkan tentang mengeluarkan simpanan KWSP secara bersasar.

Saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan pelan-pelan mereka tentang isu KWSP tetapi sebagai pemimpin sebagai yang telah diberikan mandat

untuk duduk dalam Dewan yang dihormati ini kita tidak boleh menidakkan suara rakyat. Hari ini rakyat terkesan selepas pandemik COVID-19. Hari ini rakyat rata-rata menyuarakan mereka memerlukan bantuan pengeluaran KWSP secara bersasar.

Saya dengan rendah diri merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, merangkap Menteri Kewangan untuk ambillah peduli suara rakyat kerana hari ini Kerajaan Perpaduan, Kerajaan Madani harus meletakkan keutamaan rakyat di hadapan.

Hari ini rakyat terkesan, rakyat hari ini perlukan perjuangan daripada rakan-rakan Yang Berhormat Senator dalam Dewan ini untuk kita pastikan isu KWSP ini diselesaikan dengan baik. Kali ini kalau kita masih lagi menidakkan suara rakyat di luar hari ini kita risau mereka akan bangkit akan mempertikaikan Kerajaan Perpaduan keluarga Malaysia ataupun Kerajaan Madani ini. Setiap hari makin banyak desakan pada rakyat merayu kepada kerajaan meluluskan pengeluaran KWSP mereka secara bersasar.

■1540

Saya mohon sekali lagi kepada Perdana Menteri, tolonglah pertimbangkan suara rakyat untuk pengeluaran KWSP secara bersasar yang amat diperlukan pada ketika ini. Pengamal media hari ini melaporkan di media-media utama, kerajaan tidak akan akur tentang pengeluaran tersebut. Akan tetapi, saya yakin Perdana Menteri kita sentiasa mendengar suara rakyat, saya yakin Perdana Menteri kita sentiasa prihatin suara rakyat, saya yakin Perdana Menteri kita akan mengambil inisiatif dan tindakan untuk memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan isu KWSP ini.

Kerajaan perlu fikirkan kalau tidak dapat mengeluarkan KWSP ini, adakah cadangan penggantian alternatif bagi golongan-golongan yang tersasar ini. Bolehkah pihak kementerian berkaitan berkongsi perancangan daripada kerajaan untuk mengatasi kemelut yang dihadapi oleh rakyat dalam mengukuhkan asas ekonomi yang mereka hadapi hari ini?

Di samping itu, rakyat juga berharap pengeluaran KWSP ini dapat diberikan sedikit sebanyak kelegaan sebelum menghadapi Aidilfitri tidak lama lagi. Saya juga berharap kerajaan pertimbangkan bantuan rakyat diberikan kepada rakyat sebelum Hari Raya Aidilfitri. Ini kerana satu usaha kerajaan ini meraikan sokongan rakyat dalam penubuhan Kerajaan Perpaduan Madani ini.

Program Rumah Pertamaku dihabarkan hendak dibatalkan. Jadi, saya mohon sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, janganlah hapuskan program ini. Sepatutnya program Rumah Pertamaku ini harus diteruskan kerana hari ini rakyat memerlukan satu program untuk memiliki rumah pertama.

Seterusnya, saya mohon kerajaan janganlah kita menekan syarikat-syarikat besar yang sentiasa membuat program-program kebajikan seperti program membantu rakyat daripada segi pendidikan dan sebagainya ketika pandemik COVID-19. Saya hendak ucap terima kasih kepada Tan Sri Syed Mokhtar yang banyak membantu rakyat ketika pandemik

COVID-19, tetapi hari ini kita lihat kerajaan masih lagi mencari kesalahan terhadap Tan Sri Syed Mokhtar.

Jadi, saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang pemimpin yang hebat, akan berbincang dengan baik dengan Tan Sri Syed Mokhtar bagaimana untuk mencari jalan penyelesaian tentang syarikat-syarikat yang banyak membantu khususnya daripada segi kebajikan rakyat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada syarikat-syarikat yang membuat program-program Rahmah. Sebagai contohnya *Jake!*, penjualan baju Melayu yang pada kadar untuk diterima oleh rakyat. Dalam keadaan hari ini, raya hendak dekat, dengan kos sara hidup yang tinggi, masih lagi ada syarikat-syarikat yang prihatin menurunkan harga barangan mereka demi kepentingan rakyat untuk kita pastikan rakyat juga boleh menghadapi hari raya dengan pakaian yang cantik pada kadar yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri khusus perbahasan saya, saya ingin menyeru sekalian Dewan untuk bersama-sama berganding bahu menggembeleng tenaga. Dalam kebijaksanaan kita memberi khidmat dengan ikhlas kepada rakyat yang menaruh kepercayaan kepada kita, jadilah suara rakyat, jangan kita takut untuk menyuarakan hasrat rakyat, jangan kita takut membawa perjuangan rakyat. Ini kerana apabila kita duduk dalam Dewan yang amat mulia ini, tanggungjawab kita adalah untuk memperjuangkan suara rakyat. Inilah yang saya mohon dan saya yakin rakan-rakan Senator yang berada dalam Dewan yang mulia ini akan bersama-sama saya untuk terus memperjuangkan hak rakyat demi negara kita yang tercinta... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada semua, dan saya juga ingin mohon menyokong Belanjawan 2023. Sekali lagi, kepada Tuan Yang di-Pertua, *you look great* atas Kerusi Yang di-Pertua tersebut... *[Tepuk]* Jadi, sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah atas perbahasan itu tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh. Dipersilakan.

3.44 ptg.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Membaca sepotong doa]* *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, layaknya nampak, sesuai sangat... *[Tepuk]*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Seterusnya Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati sekalian.

RM388 bilion jumlah bajet tahun ini merupakan bajet terbesar dalam sejarah, dan sudah tentu kalau kita hendak memperincikan, 15 minit tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tidak akan memperincikan satu persatu tetapi yang lebih penting lagi, kita tahu negara kita telah membuat bajet ini ataupun belanjawan ini sudah lebih daripada 60 kali ataupun lebih daripada 60 tahun. Setiap tahun kita buat bajet. Pasukan yang membuat bajet ini berpengalaman sudah melebihi 60 tahun. Sudah tentu bajetnya agak kemas, agak teliti dan agak baik. Tinggal lagi, kalau kita hendak ubah sedikit sebanyak, *there is always time* masa *Rolling Plan* Kedua nanti.

Jadi, di samping membuat bajet yang baik, saya berpandangan untuk pelaksanaannya itu adalah lebih penting. Kalau kita rancang- bajet ini merupakan *strategic plan* ataupun plan strategik untuk menggerakkan dan membawa dan memandu negara kita ke depan dengan lebih maju lagi. Akan tetapi, jika pemandu itu, pelaksanaannya itu tidak bagus, tidak baik, tersalah, tersilap, sudah tentu betapa baik sekalipun plan kita, rancangan kita, bajet kita, sudah tentu kita tidak akan mencapai matlamat kita.

Jadi sudah tentu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan sedikit sebanyak mengupas dan mengulas tentang pelaksanaan dan mekanisme untuk melaksanakan bajet ini. Saya yakin saya lebih masa. Maknanya, boleh bagi kepada kawan-kawan saya. Kiri kanan saya ini hendak berucap ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia pesan jangan lama-lama. Yang Berhormat Dato' Arman, Yang Berhormat Dato' Nelson. Jadi, *insya-Allah*, cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama, saya hendak menyatakan bahawasanya dalam kita hendak melaksanakan bajet ataupun belanjawan ini, ia tergantung dan terletak di atas bahu pegawai dan penjawat awam. Mereka yang akan menjalankan dan yang akan *discharge* segala yang *dipancarkan* ini. Saya minta dalam kita menggerakkan bajet kita ini, kita utamakan rakyat. Biarlah ia rakyat *centric*. Biarlah ia berorientasikan untuk kepentingan rakyat. Ini kerana wujudnya kerajaan ini adalah kerana rakyat. *Curteous services* adalah amat penting sekali.

Jangan sesekali kita dengar kompelin daripada rakyat- hendak pergi buat pasportlah, contohnya. Buat pasport, *a simple thing, simple matter* kerana kerajaan kata dalam masa satu jam, dua jam boleh siap pasport. Soalannya, dia pergi, kena ambil nombor untuk beratur. Ambil nombor itu menunggu berjam-jam untuk dapat servis. Lebih parah lagi, sampai pukul 8.30 pagi, nombor habis. Jadi, kena balik. Esok kena pergi pula. Kalau rumah dekat, tidak mengapa, tetapi kalau rumah di pedalaman, rumah di kampung, kosnya amat tinggi untuk pergi.

So, kerajaan mesti fikir kaedah baharu bagaimana untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Memang kita siap semua ini tetapi oleh sebab kita *overlook* daripada segi perkara-perkara seperti ini, ia sudah tentu tidak memuaskan hati rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sebut tentang harga barang naik. Harga barang naik ini bukan satu perkara yang kecil kesannya. Kalau kita lihat, kita bercakap tentang makanan, sudah tentu kos sara hidupnya meningkat. Akan tetapi, lebih parah lagi, ia memberi kesan kepada ekonomi itu sendiri. Ini kerana, bayangkan, kalau bidang pembinaan, bahan-bahan pembinaan, kosnya naik. Padahal, kontraknya sudah ada dengan kos yang dahulu. Dengan sendirinya, syarikat-syarikat kontraktor ini akan menanggung kerugian.

■1550

Apabila mereka menanggung kerugian, mereka terpaksa tutup kedai. Tutup kedai bermaknanya apa? Bermaknanya pekerja-pekerja terpaksa dibuang. Pekerja dibuang bermaknanya apa? Pengangguran. Apabila pengangguran tinggi, pelbagai perkara dan masalah akan timbul di negara kita.

Maka, saya minta sangat kerajaan, jangan ambil mudah soal barang harga naik ini. Bukan kos makanan dan kos sara hidup sahaja, tetapi ia juga akan menjejaskan daripada segi ekonomi itu sendiri. Kontrak sedia ada, kerajaan mesti ambil prihatin dan peka. Kalau betul, kita tahu besi naik dan simen naik kalau kerajaan masih hendak kekal dengan kontrak yang lama tanpa memberi bantuan kepada kontraktor-kontraktor ini, dengan sendirinya, ia model yang tidak akan berjaya dan memberi kesan kepada ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawasanya negara kita pada hari ini merdeka sudah 66 tahun pada bulan Ogos ini. Antara perkara yang paling penting yang boleh menyebabkan kita merdeka ialah perpaduan. Perpaduan ini amat penting dan pada hari ini kita berada dalam Kerajaan Perpaduan. Maka mestilah kita utamakan perpaduan. Jabatan Perpaduan kita ada, mesti diteliti balik keberkesanan jabatan ini untuk ada perpaduan antara kaum, perpaduan sesama kaum, perpaduan antara negeri kerana perpaduan ini memberi kekuatan kepada kita. Kekuatan ini akan memberi kejayaan demi kejayaan kepada negara kita. Tanpa perpaduan, kita tidak akan jadi kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini sangat ringkas, ambil poin-poin sahaja sebab menghormati sahabat saya kiri dan kanan ini. Terima kasih. Perpaduan tidak boleh kita abaikan maka perlu kita buat kajian. Sistem pendidikan contohnya, ini perlu dilihat balik *what is the best system*, dengan izin. Ini sangat-sangat penting, kerana kalaulah kita hendak membetulkan buluh, mesti daripada rebung. Daripada kecil kita kena betulkan, kalau sudah tua hendak buat apa lagi, susah.

Pengalaman saya, sedikit saya hendak bercerita. Di sekolah dahulu saya ada *classmate* seorang orang Cina, saya bergaduh dengan dia setiap hari di sekolah, setiap minggu saya bertumbuk Tuan Yang di-Pertua. *I'm not joking*- setiap hari saya bertumbuk dengan dia, setiap minggu, di luar sekolah. Akan tetapi, selepas sekolah, sudah dewasa, sudah berniaga, dia jadi *partner* saya... [Ketawa] Hari ini, *he is a good friend to me, until today*. Ini semua kerana daripada bangku sekolah, daripada sekolah lagi, saya tidak mahu sebut

nama, nanti dia besar pula hidung, kepala- sebut nama dia dalam Parlimen ini, tetapi *that what it is...* [Ketawa] So, tolonglah kita tengok balik. *This is the root to our problem.* Kalau kita boleh selesaikan ini, ia akan selesai banyak perkara.

Ekonomi kita untuk memaju dan menjana ekonomi. Bajet ini merupakan instrumen untuk penjanaan ekonomi. Jika ia boleh menjanakan ekonomi kita, maka bajet ini berjaya. Itu salah satu faktor. Kedua, bajet ini juga merupakan sebuah pelan dasar, sebuah pelan polisi, *what are our policy* dalam pelbagai perkara. Contohnya, polisi kita dalam pelabur asing. Pelabur asing ini juga adalah satu- cabang untuk penjanaan ekonomi dan pelabur asing ini sangat penting kepada kita. Kita mengalami semasa pandemik COVID-19 baru-baru ini berapa banyak pelabur asing lari yang sudah ada di negara kita, lari meninggalkan negara kita. Pergi melabur, pindah dan *relocate* kepada negara-negara lain.

Hari ini yang ada ini kita mesti jaga, pelabur asing ini kita mesti tarik dari luar lagi, *hok ada doh kena jaga, hok luar belum ada lagi kena panggil mari.* Kena beri mereka menarik minat kerana ini merupakan antara *catalyst* untuk menjanakan ekonomi kita. Bukan yang ada, kita hendak lari. Apakah patut kita buat? Pelaksanaan pegawai-pegawai. Dalam pelabur asing ini dua yang relevan, MIDA dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dia mesti kena prihatin, kena layan pelabur asing ini.

Saya tahu ada sebuah syarikat yang hendak berjumpa dengan MIDA, tidak boleh sehingga hari ini. Syarikat ini ialah syarikat yang besar yang hendak *expand operation*-nya. Dia hendak bincang- pelabur asing ini apa yang dia hendak ialah insentif. So, dia hendak bincang soal insentif. *So that*, dia menjadi lebih kompetitif dan lebih baik untuk dia melabur, bertambah-tambah pelaburan mereka. Akan tetapi, sehingga hari ini mereka tidak dapat jumpa. Cuba jumpa menteri pun tidak dapat. Saya risau takut mereka pindah dan lari.

Pelabur asing ini sangat penting, kestabilan politik juga merupakan faktor kepada pelabur asing untuk datang ke negara kita. Parlimen 14, tahun 2018 sehingga tahun 2022- baru-baru ini, kita telah melihat pertukaran kerajaan sebanyak tiga kali Tuan Yang di-Pertua. Bermaknanya apa? Kerajaan tidak stabil, tidak ada orang masuk negara kita, tidak ada orang hendak datang untuk melabur ke negara kita. Maka sebab itu, kita mesti menstabilkan kerajaan ini.

Hari ini kerajaan kita mempunyai *two third* majoriti. Dalam kebasahan baru-baru ini kita mendapat 148 sokongan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. *We should be stable* tetapi tinggal lagi kita mesti tengok keadaan kita dan juga untuk pelaksanaan pelbagai perancangan kita dalam bajet ini. Ini sangat penting. *It can break up anytime*, dia boleh pecah bila-bila masa. Jangan kita ambil mudah, *complacent*, relaks kerana keadaan kita sangat penting untuk kita bersama.

Pelabur asing. Kehakiman juga penting bagi pelabur asing. Mereka datang negara kita, negara asing bagi mereka, kalau mereka datang dan mereka tidak boleh *defend*, tidak

boleh nak *depend on* undang-undang, di mana mereka hendak berpaut. Hari ini kita melihat dua atau tiga hari lepas dalam *judicial review* kes Dato' Sri Mohd Najib baru-baru ini, kita melihat seramai lima orang hakim panel, satu- hakim berbeza, dengan empat orang hakim lain. *Judgment* dia, pandangan dia, soalnya, adakah hakim ini mempunyai buku undang-undang yang berbeza?

So much difference, the too extreme, the too spectrum macam mana boleh jadi begitu. Adakah undang-undang negara kita ini berbeza? Hakim ini berpandangan lain, empat lagi berpandangan lain. *Are they using a different book of law?* Itu persoalannya. Ini memberi ketidakyakinan orang luar untuk datang ke negara kita melabur atau bekerja ataupun apa-apa sahaja, ini sangat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing. Tadi pelabur asing, ini pekerja asing. Semuanya asing, tetapi penting. Pekerja asing ini sangat penting untuk ekonomi kita, kerana apa? Ini kerana pekerja tempatan belum mencukupi, kerana pekerja tempatan belum cukup latihan dan semangat. Kita perlu latihan *skill*, latihan kepakaran, kita juga perlu melatih daripada segi semangat mereka untuk bekerja dalam pelbagai bidang industri yang mereka hari ini tidak minat. Terutamanya, dalam bidang perladangan, kutip buah sawit.

Hari ini saya baru dapat jawapan daripada Menteri Perladangan dan Komoditi semasa sesi soal jawab hari itu. Dalam jawapan ini menyatakan bahawasanya semasa pandemik COVID-19 itu hari apabila ketiadaan pekerja, buah tidak boleh dikutip. Berapakah agregat nya jumlah kerugian kepada negara?

■1600

Jawapannya RM21.23 bilion, keseluruhan, *why?* Tidak ada orang hendak kutip buah. Siapakah yang rugi ini? Negara rugi, pelbagai syarikat kerajaan, syarikat swasta- *private*, semua jumlahnya RM21.23 bilion. Jadi, sudah tentu apa patut kita buat? Kerajaan perlu ada dasar pekerja asing yang telus, bukan untuk disalahgunakan. Bukan untuk mengambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu. Akan tetapi mesti ada sistem dan kaedah untuk mengambil pekerja asing untuk menjanakan ekonomi kita ini. Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu masa sudah habis Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara lagi saya hendak sebut tentang bank iaitu hari ini bank mengamalkan *politically exposed person* (PEP). Ini *started* dengan 9/11, 11 September 2001. Mulai situ banyak perkara berubah. Dunia berubah, pelbagai dasar berubah. Hari ini bank boleh dikatakan seluruh dunia mengamalkan istilah PEP. Saya yakin kita- semua ini kebanyakannya PEP. *Politician* boleh dikatakan PEP. *Senators are politicians*. So, kita ini PEP. Apakah PEP ini? Siapakah yang tahu? Apakah dia PEP? Apa dia boleh buat, apakah yang tak boleh buat? Kita sendiri tidak tahu walaupun kita PEP...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Risiko tinggi.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: *We do not know what restrict us.* Apa yang kita tak boleh buat. Apa yang saya tahu saya seorang Senator, dikatakan seorang Tan Sri tetapi *I have problem*. Saya beri contoh...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tolong gulung boleh? Sebab kekangan masa.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Masa habis sudah?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ya, sudah tiga minit.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Kena berhentilah ini? Saya boleh habiskan?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Gulung kan cepat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Saya budak baik... *[Ketawa]* Gulung ya? Okey, baik. Satu kali, saya ada *fixed deposit* (FD) dalam bank. Saya hendak cairkan sebahagian untuk saya hendak belanja keperluan saya. Saya cairkan dan bakinya daripada *fixed deposit* dari bank yang sama saya hendak *fixed deposit*-kan balik. Tak lulus. Saya tanya sebab apa? Tak boleh jawab. Tak lulus tak apa, jawablah kepada saya sebab apa. Apakah salah saya? Tak lulus.

Sumber duit itu dari bank yang sudah berpuluh-puluh tahun dalam bank, dalam FD itu saya ambil separuh dan cairkan. Separuh lagi hendak depositkan balik. Tak boleh. *Why?* Tak ada. Pegawai bank tak boleh jawab. Ibu pejabat pun tak boleh jawab. Ini saya, apatah lagi rakyat biasa. Yang Berhormat, tolong fikir, apatah lagi kalau orang biasa yang tidak ada *connection*, yang tidak ada apa-apa, bagaimanakah mereka hendak melalui perkara-perkara seperti ini? Itu satu.

Hendak buka akaun *investment*? Sudah dua tahun saya mohon sehingga hari ini tidak dapat kelulusan. *There is no reason given*, tidak ada sebab langsung diberikan. Kerana apa? Kerana buruk sangka terhadap *politicians*, kerana PEP. So, kerajaan tolong tengok balik, apakah PEP ini? Kalau ia menguntungkan kita, *by all means*. Akan tetapi kalau ia membantutkan pelaburan, membantutkan penjana ekonomi, kaji balik- *review* kerana setiap pelaburan, setiap penjana ekonomi mesti bermula daripada sumber kewangan. Kalau itu sudah terbantut, sudah tentu ia akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berhenti tetapi saya ada satu cerita. Kalau hendak dengar boleh beri masa sedikit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tak cukup masa Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh: Kalau tak nak dengar, tak apa kita cerita lain kali. Terima kasih, saya mohon menyokong usul Rang Undang-undang Perbekalan 2023. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh atas perbincangan tadi.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan. Dipersilakan.

4.05 ptg.

Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan: Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2023 pada petang ini. Sebelum itu saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan sebanyak-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat atas komitmen berterusan dalam pembangunan Sabah dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM6.5 bilion.

Saya menyasarkan peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya oleh kerajaan Sabah dan pada masa yang sama saya mengharapkan peruntukan pembangunan untuk Wilayah Sabah akan terus ditingkatkan setiap tahun supaya pembangunan di wilayah ini adalah setara dan setanding dengan pembangunan di Semenanjung Malaysia dan juga pembangunan di sekitarnya terutama sekali Nusantara, Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut *The Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia Sabah*, seiring dengan rancangan pembesaran dan menaiktarafkan prasarana Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar oleh Kerajaan Pusat di bawah inisiatif Koridor Pembangunan Sabah, peranan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai hab pindah kapal atau *transshipment hub* adalah sangat sesuai.

Lokasi strategiknya di laluan perkapalan utama dagangan laut Asia Timur iaitu berada di tengah-tengah kawasan pertumbuhan ASEAN Timur yang merangkumi negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina yang lebih dikenali sebagai BIMP-EAGA di samping menjadi pintu masuk dalam pasaran dagangan serantau komuniti ekonomi ASEAN dan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang melibatkan negara Mexico, Brunei, Kanada, Australia, Chile, Jepun, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan strategi firma dan mekanisme menang-menang bagi menaiktarafkan dan mengisytiharkan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai pusat pemunggahan negara yang kedua selepas Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan negara yang pertama di Malaysia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengutarakan perkara ini pada tahun lalu tetapi nampaknya tidak ada jawapan daripada Menteri yang berkenaan. Jadi, hari ini saya terpaksa bawa lagi ke Dewan yang mulia ini dan mengharapkan jawapan daripada Menteri yang berkenaan.

Dengan menaiktarafkan dan pengisytiharan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai pusat pemunggahan negara yang kedua, akan memudahkan proses mobilisasi industri eksport bagi komoditi utama Sabah yang melibatkan sektor-sektor firma seperti:

- (i) pertanian dan pembuatan;
- (ii) mengaktifkan aktiviti perkapalan domestik dan antarabangsa;
- (iii) pemerksaan dan merencanakan aktiviti perdagangan dan ekonomi merentasi wilayah;
- (iv) mewujudkan peluang pekerjaan;
- (v) menjana pendapatan wilayah melalui aktiviti ekopelancongan; dan
- (vi) menggalakkan pelaburan langsung asing.

Secara tidak langsung mengatasi dan mengimbangi perbezaan besar nilai harga bahan mentah dan harga barangan keperluan di antara Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin ketengahkan ialah pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo. Untuk meringankan beban kerajaan pada masa yang sama memastikan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo, *Sarawak-Sabah Link Road* siap mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk menggalakkan pembinaan laluan baharu dengan mengambil alih dan menaik taraf semua laluan balak sedia ada yang pada dasarnya yang juga merupakan laluan utama masyarakat setempat yang sudah mempunyai infrastruktur asas seperti tiang elektrik, sekolah, klinik kesihatan, parit dan saliran, akses jalan-jalan kampung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara jalan balak ini juga pernah saya bawa ke Dewan ini dan ini telah dijawab tetapi saya puas hati oleh sebab Timbalan Menteri yang menjawab pada ketika itu, dia mengatakan bahawa ini urusan kerajaan negeri. Akan tetapi dalam soal jalan raya seperti Pan Borneo ini merupakan urusan Kerajaan Persekutuan. Saya meminta supaya kerajaan Persekutuan untuk menimbang supaya membantu wilayah dan negeri-negeri yang memerlukan pembaikan ataupun menaiktarafkan jalan-jalan balak ini.

Kalau boleh kita ambil alih, kerajaan Persekutuan ambil alih jalan-jalan ini supaya jalan ini dibaiki dan dinaiktarafkan berterusan. Tidak terbiar begitu sahaja. Maklumlah syarikat-syarikat pembalakan ini apabila sudah mengambil kayu-kayan di tempat-tempat mereka-menjalankan kegiatan menebang kayu ini untuk kebaikan syarikat mereka. Selepas itu mereka tinggalkan. Jadi kita yang menerima ataupun rakyat yang tinggal di situ yang menerima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dikejutkan dengan satu kenyataan media sosial yang berbunyi kita belum *ready* tetapi Indonesia sudah *ready*. Ketika mereka ataupun ketika panel dalam satu persidangan anjuran *IMAN Research*, oleh seorang profesor dan juga naib cancellor Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendedahkan Malaysia belum bersedia mendapat manfaat pembukaan Nusantara iaitu ibu kota negara Indonesia yang baharu di Kalimantan apabila tidak bersedia dengan infrastruktur di kawasan sempadan antara Sabah dan Kalimantan.

Tapak sempadan yang berpotensi antara Sabah dan Kalimantan masih tidak dibangunkan. Akibatnya ketika melawat tapak sempadan yang berpotensi ini pihak UMS terpaksa menggunakan pacuan empat- roda yang diubah suai untuk sampai ke sempadan dari daerah Kalabakan ke Simanggaris iaitu di sebelah Indonesia Kalimantan. Mereka menggunakan pacuan empat- roda. Biasanya adalah sukar kerana masih menggunakan laluan daif jalan balak ini.

Jadi sehubungan ini, persoalan saya sejauh manakah kerajaan sudah benar-benar serius dan bersedia untuk mendapatkan kesan berganda ataupun *multiplier effect*, dengan izin, pembukaan Ibu Kota Negara Indonesia yang baharu di Kalimantan, iaitu Nusantara?

Tuan Yang di-Pertua, isu keempat yang seterusnya saya ingin utarakan iaitu kemudahan penjaja dan peniaga kecil seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Azhar tadi. Akan tetapi, isu saya ini ada berlainan sedikit iaitu kerajaan menyediakan RM50 juta bagi membina baharu dan menaik taraf melibatkan 3,000 buah gerai dan kios sebagai kemudahan penjaja kecil berniaga di lokasi tumpuan di seluruh negara.

Akan tetapi, persoalan saya, saya ingin tahu dan kemukakan di sini iaitu lebih kurang peruntukan RM50 juta ini- jadi, jumlah peruntukan untuk Wilayah Sabah dan Sarawak dalam membina baharu dan menaik taraf 3,000 buah gerai dan kios, kemudahan penjaja kecil berniaga di lokasi berniaga di lokasi tumpuan di seluruh negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang tidak dijawab ketika membahaskan Titah Diraja minggu lepas iaitu tentang kolej vokasional TVET ini. Saya telah meluahkan kerisauan minggu lepas tentang dan juga terkilan bila melihat negeri Sabah sudah mempunyai kependudukan atau populasi 3.4 juta ini.

Akan tetapi, yang saya hairan cuma satu sahaja kolej vokasional yang diwujudkan di bahagian pedalaman yang menawarkan TVET untuk pendidikan khas. Jadi saya telah menghuraikan minggu lepas, dan tidak saya perlu lagi menghuraikan lebih lanjut- boleh tengok dalam *Hansard*.

Cuma saya ingin ulangi lagi soalan saya iaitu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan, tidak usah atau tidak payahlah mendirikan kolej-kolej yang baharu tetapi kita menaiktarafkan sahaja kolej-kolej yang sedia ada iaitu di Bahagian Pantai Barat, Bahagian Kudat, Bahagian Sandakan, dan Bahagian Tawau

termasuklah Wilayah Persekutuan Labuan bagi program TVET untuk pendidikan khas ini. Kalau kita tidak ingin membina yang baharu, kita buat sahaja ataupun menaik taraf yang sedia ada di tempat-tempat yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan pada hari ini, saya ingin menekankan bahawa kita bukan sahaja bertekad untuk menoktahkan kemiskinan tegar tetapi bertekad juga untuk menoktahkan amalan tegar pilih kasih ataupun berat sebelah dan sebagainya terutama sekali- ada juga dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Nasir bin Haji Idris mengenai dengan pemberian peruntukan-peruntukan ini, ada yang tercicir dan yang mungkin kita lupa ataupun ada yang pura-pura kita lupa.

Jadi dalam proses permohonan pembangunan untuk rakyat tanpa mengira fahaman politik. Jadi sehubungan itu, saya memohon supaya pihak kerajaan sekarang khususnya Kementerian Kewangan menoktahkan amalan kebobrokan ini dan memantau secara serius semua kementerian yang terlibat dalam menguruskan peruntukan pembangunan untuk rakyat demi memastikan niat dan tekad luhur setiap belanjawan negara benar-benar dilaksanakan dengan telus, adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2023 ini. Sekian terima kasih.

■1620

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Bobbey Suan atas perbahasan tadi.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad. Dipersilakan.

4.20 ptg.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]* Selamat petang dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum mula ini, izinkan saya hendak berpantun satu, kerana menjadi budaya Nusantara ini, orang Melayu ini tinggi budinya. Jadi, saya budi kan dengan satu rangkap pantun.

*Amalan pembaziran perlu ditinggalkan,
Baharulah hidup penuh keberkatan;
Kehidupan rakyat menjadi keutamaan,
Pemimpin berkebajikan kekal dalam ingatan.*

Pertamanya, saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah mempersembahkan bajet yang saya kira

antara bajet yang terbesar yang telah dipersembahkan di Dewan Rakyat dan telah mendapat kelulusan.

Bajet-bajet ini sebenarnya bukanlah bajet hiasan. Kalau sekadar hiasan, ia tidak dirasai oleh rakyat. Akan tetapi, bajet ini biarlah kita bahas dan akhirnya bajet ini dirasai oleh rakyat-rakyat yang memerlukan. Apatah lagi, rakyat-rakyat di luar bandar, rakyat marhaen yang sangat memerlukan peruntukan-peruntukan dalam kita menghadapi setahun, dua tahun ini tempoh COVID-19 dan sebagainya. Rakyat di luar bandar dan di mana-mana pun, sama ada di luar bandar, dalam bandar, semi-bandar, dalam keadaan yang sangat susah buat waktu ini.

Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian yang bertanggungjawab, satunya ialah- saya pergi terus sahaja kepada banjir. Tuan Yang di-Pertua, hari ini, sebuah daerah di Perak iaitu di Daerah Manjong- Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta pun daripada Manjong- hampir 70,000 orang rakyat tidak mandi, kerana ayor, paipnya pecah, sampai hari ini sudah tiga, empat hari. Dalam keadaan kita berpuasa, cuaca yang melangkaui 35 darjah, panas, air tidak ada, lori Lembaga Air hantar pun- betullah boleh hantar, tetapi rakyat hendak keluar untuk mengambil air itu juga satu masalah.

Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian yang bertanggungjawab, yang *regulator*-nya ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), harus mengawasi, harus sentiasa *monitor* sistem-sistem paip yang lama ini harus ditukar. Kalau tiba-tiba terjadi peristiwa yang tidak mungkin terjadi dalam bandar maritim di Manjong, terjadi seperti ini, akhirnya memalukan kepada keseluruhan penduduk.

Malu negeri Perak. Seramai 70,000 orang rakyat tidak mandi, mengambil air dari tempat-tempat yang lain. Ada sesetengah itu penduduk di Manjong, mandinya di Beruas. Ada penduduknya kadang-kadang mandi dekat Pantai Remis kerana tidak ada air.

Jadi, saya minta kementerian, Menteri yang bertanggungjawab, uruslah. Saya tahu sekarang ini dalam proses pembaikan. Saya harap paip-paip yang lama ini dapat digantikan segera untuk kebaikan rakyat. Itu berlaku di Manjong, yang tidak disangka-sangka berlaku. Tempat lain juga, di Selangor dan sebagainya. Kerana, kementerian ini harus bertanggungjawab.

Kedua, saya hendak bercakap mengenai *state matter, district matter*. Soal banjir juga. Di negeri Perak, Daerah Manjong, kampungnya nama Kampung Padang Serai, yang saban hari, apabila ada hujan lebat, dua jam sahaja, mesti banjir. Kejadian ini bukan berlaku hari ini, esok, minggu lepas- tidak. Ia tiap-tiap kali banjir, begitulah jadinya. Kampungnya nama Kampung Padang Serai, penduduk hampir 50 orang penduduk. Bila hujan lebat, air bertakung, namanya air termenung.

Bila air termenung- rumahnya tepi jalan. Lori jalan. Bila lori jalan, air itu memukul rumah. Rumah itu jadi rosak. Tiap-tiap kali banjir air termenung, itulah kerosakan yang

berlaku. Bagi peringkat negeri, bagi peringkat wakil rakyat, kita hanya boleh bantu kotak makanan, *repair* itu dan *repair* ini. Kita minta selesaikan secara komprehensif.

Kementerian yang bertanggungjawab, jangan berlengah-lengah lagi soal tebatan banjir untuk rakyat. Tolonglah. Benda ini sudah bawa 10 tahun. Tidak selesai-selesai. Jadi, apakah kesudahannya? Apa kita hanya bercakap di Dewan Rakyat, di Dewan Negara ini hanya retorik? Hanya sebagai rutin untuk menjawab soalan dan *implement*-nya tidak berlaku. Saya ulang sekali lagi, apa kita di Dewan ini hanya bercakap, hanya memenuhi rutin dan *implement*-nya tidak dilaksanakan kepada rakyat-rakyat yang amat memerlukan di luar bandar? Saya harap Yang Berhormat Menteri yang akan datang boleh jawab persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Pada minggu lepas, saya ada mengutarakan. Kerana untuk memajukan anak-anak di luar bandar, anak orang Sabah, anak orang Sarawak, anak orang Semenanjung, yang kita segmenkan kepada empat segmennya. Ada anak-anak kita di pedalaman. Maksudnya *interior*. Ada anak-anak kita di luar bandar. Ada anak-anak kita di semi-bandar. Ada anak-anak kita dalam bandar.

Kita bercakap untuk pendemokrasian pendidikan, untuk liberalisasi pendidikan. Kalau anak-anak kampung, contoh di Pulau Pangkor, Pantai Remis, Manjong dan sebagainya, tidak sama dengan anak-anak di Kuala Lumpur. Mereka mendapat *internet* yang cemerlang, tetapi anak-anak di kampung tidak dapat *internet* yang cemerlang.

Jadi, saya ingin mencadangkan- satu kementerian takkan boleh buat untuk capaian *internet* yang maksimum. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bertanggungjawab, K-KOM juga bertanggungjawab, Kementerian Pelajaran juga bertanggungjawab, KPKT juga bertanggungjawab. Sinergilah, wahai kementerian-kementerian ini, untuk capaian kelas nasional, kelas *international* sistem *internet* kita. Barulah anak-anak kita setanding dengan anak-anak yang berada di bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian-kementerian ini laksanakan. Kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah juga, saya ingin mengucapkan tahniah. Dalam belanjawan tahun lepas, yang mana pada sebelum Kabinet Madani ini, menteri yang menjaga luar bandarnya Dato' Seri Mahdzir Khalid. *Alhamdulillah*, bila zaman Kerajaan Madani, lulus MARA, anak-anak kita, anak-anak kaum Bumiputera kita yang sedang menuntut di *England*, telah dinaikkan yurannya, dinaikkan bantuan sara hidup mereka yang berada di luar negara, kerana *currency* berubah bila Perang Ukraine-Russia ini, anak-anak kita amat-amat terkesan, yang berada di London dan sekitarnya.

Akhirnya, saya ucapkan terima kasih kepada kementerian, di bawah kementerian Timbalan Perdana Menteri yang telah meluluskan kenaikan elaun kepada anak-anak kita yang berada di luar negara, khususnya di *England*.

Tuan Yang di-Pertua, sayang jangan sampai ke langit, benci jangan sampai ke tanah. Kata hati sampai ke hati, tetapi kalau kata perut, yakni nafsu, hanya sampai ke bakul sampah. Jadi, hari ini, Ahli-ahli Senator semua, mari kita bercakap dengan roh, dari hati. Mari kita bercakap dengan roh. Kita bercakap daripada roh, dengan penuh keikhlasan untuk bangunkan negara bangsa kerana Ahli-ahli Senator semua Ahli-ahli yang hebat.

■1630

Jadi ayuh, kalau kita bercakap hanya retorik, kalau kita bercakap hanya kata-kata daripada perut yakni nafsu, tidak sampai ke mana. Jadi mari kita bercakap daripada roh yakni ilmu seperti mana kata Socrates politik ialah kita *manage* sains dan seni untuk menjadi manusia itu cemerlang. Jadi, sayang juga jangan sampai ke langit. Kalau kita sayang individu, kalau kita sayang organisasi, semua orang kita benci. Semua orang kita tidak suka. Apa saja perbuatan orang lain salah tetapi jangan lupa. Kalau kita sayang sampai ke langit, suatu hari nanti kita hendak bersahabat kita jadi susah.

Jadi, dalam soal kasih dan sayang, sayang jangan sampai ke langit, benci jangan sampai ke tanah. Itulah konsep *wassatiyyah*. Konsep sederhana. Maksudnya kita benci pun jangan benci sangat, sayang pun jangan sayang sangat. Esok kita hendak berkawan susah. Hari ini yang berlaku dalam politik nasional kita. Apabila kita benci sangat, akhirnya kita hendak berkawan jadi susah. Akan tetapi dalam politik di Malaysia, sejarah telah membuktikan semua di antara parti-parti politik kita, boleh bersama walaupun seketika, walaupun semasa dalam kerajaan yang lepas dan Kerajaan Madani yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Jadi kalau sudah begitu, hidup kita ini, ya, kita ada kepentingan masing-masing kerana politik di Malaysia ialah politik demokrasi raja berperlembagaan. Perlukan *numbers*, tiada *numbers*, tidak boleh memerintah Malaysia. Di sana ada kuncinya. Tuan Yang di-Pertua, kuncinya apa? *Stability politic*, dengan izin. Kestabilan politik itulah nanti akan menjadi kestabilan ekonomi. Kestabilan politik itulah akan jadi kestabilan hubungan antarabangsa. Kestabilan politik itulah akan menjadi *barakah* dalam kerajaan. Kestabilan politik itulah anak-anak kita boleh bersekolah dengan aman. Kestabilan politik itulah tentera kita, polis kita boleh menjaga keamanan di perairan antarabangsa dan dunia. Ini punca segala-galanya dalam negara ini ialah kestabilan politik.

Kalau tidak ada kestabilan politik, bagaimanakah hendak menguruskan ekonomi negara? Bagaimanakah bajet yang RM380 juta lebih ini boleh diuruskan dan akan dirasai oleh rakyat jelata kalau tidak ada kestabilan politik? Kalau tidak ada kestabilan politik, Yang di-Pertuan Agong pun tegur dalam tempoh beliau menjawat jawatan Yang di-Pertuan Agong, hampir berapa orang Perdana Menteri yang bertukar, tidak ada kestabilan politik.

Akan tetapi *alhamdulillah*, mudah-mudahan kali ini, mudah-mudahan dalam tempoh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menjadi Perdana Menteri ini, paling kurang biarlah kestabilan ini

berlaku selama lima tahun, *insya-Allah*. Kalau ini berlaku, kita boleh *move*-kan kerajaan ini. Mana yang perlu dibantu, dibantu. Yang mana perlu dibaiki, dibaiki. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dato', bukan Dato' Seri ya.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Dato' Seri. Oh *sorry*, minta maaf. Tidak lama lagi itulah. Lagi satu saya hendak minta pandangan daripada Menteri Kewangan. Kad kredit, hutang kereta, hutang rumah, yang macam umur kami ini, okey. 60 tahun ke atas. Tidak boleh berhutang. Akan tetapi bagaimana anak-anak kita yang berumur 25 tahun? Golongan-golongan yang umur muda 25 tahun, 30 tahun berhutang RM25,000 boleh bankrap. Saya harap ada mekanisme-mekanisme tertentu untuk tidak membankrapkan anak-anak muda kita yang potensi-potensi untuk menguruskan negara masa hadapan.

Jadi, RM25,000 sudah bankrap Tuan Yang di-Pertua. Sekarang boleh bankrap. Jadi, saya berharap Menteri Kewangan yang penuh dengan *wisdom*-nya, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan. Dengan ada *wisdom*-nya, buatlah macam mana pun asalkan anak-anak muda ini tidak mudah bankrap dengan hanya hutang RM25,000 ini.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, mengenai had pinjaman yang kena bankrap itu. Kalau tidak silap saya, sudah berlaku suatu perubahan kepada RM50,000. Kalau tidak silap lah. Kalau boleh diperjelaskan. Ada siapa yang tahu.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Saya hendak mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua. Had itu memang telah dinaikkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi sampai sekarang, saya ingat semalam pun saya ada dengan kumpulan anak-anak muda ini, mereka hutang RM15,000 pun masih bankrap. Ini tidak diselesaikan. Kita mohon Yang Amat Berhormat tengok perkara ini sebaik mungkin. Terima kasih.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Yang Berhormat Senator, saya tidak perlu jawab. Sudah ada tukang bagi betul ke sama sahajalah itu kan.

Seorang Ahli: Orang bertuah.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Ya, orang bertuah. Jadi, ya lah, itu mekanismenya. Walaupun RM50,000, ataupun RM25,000, mintalah Kementerian Kewangan supaya tidak mudah untuk bankrapkan anak muda yang berpotensi ini.

Jadi amalan bahasalah budaya kita. Memperkasakan bahasa ini di mana-mana pun, kita kena memperkasakan bahasa kita ini, bahasa Malaysia, bahasa Melayu kerana bahasa ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya ulangi lagi sekali dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya amat berharap autoriti-autoriti tertentu tengok balik lah, iklan-iklan, nama-nama jalan. Kadang-kadang lintang pukang.

Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, kita ini bangsa. Bangsa ini lambang dia apa? Lambang bahasa dan budaya. Lambang kita ini orang Malaysia, orang Timur. Kalau bahasa

kita *culang caling* tidak tentu hala, kita sendiri tidak hormat bangsa kita, siapakah hendak hormat kita? Tidak kurang bangsa Jepunnya, dia menggunakan bahasa dia di negerinya, tidak kurang pun. Tidak kurang bangsa Malaysia ini kalau kita gunakan Bahasa Malaysia yang sangat baik.

Saya tidak nafikan. Saya tidak menafikan untuk menjadi bangsa yang hebat. Contoh, ambil sedikit lagi. Contoh, anak-anak yang lepasan universiti di mana aksesori, di mana kehebatannya, di manakah hendak bagi ada *value* anak-anak kita yang lepas universiti? Bukan setakat menguasai Bahasa Melayu. Kalau kita pergi temu duga di mana-mana agensi, di mana-mana syarikat yang konglomerat yang besar, orang akan melihat apakah keistimewaan anak kita yang ada? Satu dia menguasai Bahasa Melayu, yes. Akan tetapi kalau dia bangun, "*Encik, selain saya menguasai Bahasa Melayu, saya menguasai bahasa Inggeris dengan cemerlang. Saya menguasai bahasa Mandarin, saya menguasai bahasa Tamil, saya menguasai bahasa Arab.*" Maka anak kita akan menjadi pilihan utama dalam memenuhi pekerjaan tersebut. Tidak rugi, tidak rugi...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Yang Berhormat, sudah cukup masa lah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: Akhirnya *Jakel*. Sikit lagi *Jakel, Jakel, Jakel*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Rumuskan.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Jakel*. Saya melihat *Jakel* daripada dahulu sampai sekarang yang masih lagi hendak menjadi *national service* juga, perkhidmatan negara. Hendak membantu rakyat-rakyat yang memerlukan. Saya ingin mencadangkan kepada Menteri KPDNHEP macam itu lah supaya *Jakel* ini bukan setakat menjual di bandar-bandar besar. Buat macam jualan rakyat. Bawa mana-mana yang diperlukan oleh rakyat, nadi dan darah rakyat bawa keluar bandar, berurusan dengan DO, berurusan dengan pejabat daerah, satu hari di daerah sekian, dan sekian. Jadi rakyat yang di luar bandar boleh datang membeli dengan harga yang sangat menarik. Itu cadangan saya.

Jadi apa-apa pun Tuan Yang di-Pertua, dalam saya garapkan semua yang saya bercakap tadi ialah kepentingan-kepentingan rakyat yang tidak mengira ras, rupa dan agama. Malaysia ialah Malaysia yang makmur, Malaysia yang majmuk, Malaysia yang aman damai, *insya-Allah*. Justeru itu, saya menyokong usul Belanjawan kali ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

4.39 ptg.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat sejahtera rakan-rakan di Dewan yang mulia ini. Memang susah lah masa-masa macam ini hendak *ensure* semua tidak tidur, susah sedikit. Akan tetapi cubalah, ya.

■1640

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan 2023 dalam suasana keadaan ekonomi yang kompleks ataupun *volatile, uncertain, complex and ambiguous* (VUCA). Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya menjana pelaburan sebanyak RM170 bilion dari Negara China tiga hari yang lalu. Pelaburan ini sudah tentu akan memantapkan ekonomi negara kita pada jangka masa sederhana.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Yang Berhormat Senator yang telah berbahas tiga hari berturut-turut telah pun mengemukakan pelbagai pandangan dan cadangan yg merangkumi hampir kesemua kementerian dan telah membangkitkan isu-isu semasa yang bernas. Maka saya di sini tidak ingin mengulang kembali apa yang telah dikemukakan oleh mereka. Walau bagaimanapun, saya akan menumpukan perbahasan ini kepada dua isu yang dekat dalam hati sanubari saya iaitu pendidikan dan penjagaan warga emas.

Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan penerima peruntukan tertinggi dalam Belanjawan 2023 iaitu sebanyak RM52.6 bilion. Ini memberi isyarat bahawa kerajaan sangat prihatin terhadap isu pendidikan. Pendidikan yang sempurna akan menjamin masa depan rakyat dan negara.

*Pelangi muncul jarang sekali,
Indah sungguh berwarna-warni;
Jasa mu guru besar sekali,
Tidak terbalas walau seinci.*

*Air sungai jernih sekali,
Sejuk terasa di jari-jemari;
Tiada ternilai jasa diberi,
Tanpa mu guru siapalah kami.*

Betapa berdedikasi pun guru-guru, jika mereka tidak diberi prasarana dan suasana pengajaran yang sesuai dan secukupnya, mutu pelajaran dan pembelajaran pasti akan terganggu. Belanjawan kali ini telah memperuntukkan RM2.3 bilion untuk membina infrastruktur serta kemudahan pembelajaran di seluruh negara. Ini merupakan satu langkah

yang positif ke arah pembangunan pendidikan *world class*, dengan izin. Persoalan saya di sini ialah berapakah peratus sekolah daif yang akan dibaiki pulih dalam bajet ini? Apakah tindakan seterusnya untuk memperbaiki sekolah-sekolah daif yang lain?

Seterusnya, baru-baru ini saya telah membangkitkan isu nisbah guru dan murid di dalam bilik darjah. Ini merupakan isu yang patut diberi perhatian yang segera oleh Kerajaan Madani kita ini. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa cadangan.

Pertama, untuk menyelesaikan isu ini, KPM perlu menyediakan bilik darjah yang secukupnya iaitu untuk menampung 25 hingga 30 orang murid dalam sebuah bilik darjah berbanding dengan 40 hingga 50 orang murid pada masa ini di beberapa buah sekolah di seluruh negara. Untuk membolehkan inisiatif ini, peruntukan tambahan mungkin diperlukan untuk mengubahsuai sekolah-sekolah dengan mengecilkan bilik darjah sedia ada.

Kedua, mungkin juga dalam sesebuah kelas yang melebihi 30 orang murid, seorang pembantu guru boleh ditugaskan dalam kelas tersebut. Cadangan saya ini adalah untuk mewujudkan kategori pembantu guru atau *teaching assistant* dalam struktur pendidikan negara. Kaedah ini telah berjaya diimplementasikan oleh beberapa buah negara maju. Langkah ini juga akan memerlukan peruntukan tambahan. Akan tetapi strategi ini pasti akan melonjakkan kualiti pendidikan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga difahamkan bahawa hampir 10,000 orang guru yang sedang berkhidmat sekarang telah memohon untuk bersara awal. Dalam keadaan sebegini KPM harus mempercepatkan proses pengambilan guru-guru baharu. Lebih-lebih lagi kaedah pengambilan mesti mencerminkan keadaan semasa iaitu memastikan bahawa bakal guru mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi tinggi.

Justeru itu, KPM juga tidak semestinya mempertimbangkan calon yang memegang Ijazah Pendidikan sahaja tetapi juga mereka yang berkelayakan dalam bidang umpamanya kejuruteraan, teknologi maklumat, komunikasi dan lain-lain. Strategi ini akan dapat memastikan rejuvenasi warga pendidik. Bayangkan seramai 10,000 orang pendidik baharu mempunyai motivasi yang sesuai untuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang terkini.

Tambahan pula, guru-guru ini yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas tetapi menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang perguruan boleh ditaja untuk mengikuti kursus persijilan perguruan iaitu Kursus Ikhtisas. Tuan Yang di-Pertua, isu murid-murid tercicir amat serius. Lebih-lebih lagi pada musim pandemik COVID-19. Di sini saya menggesa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan pasukan khas untuk meneliti perkara ini.

Golongan murid berusia kurang daripada 16 tahun yang tidak kembali ke sekolah harus dikesan dan dipujuk untuk mengikuti kursus-kursus seperti TVET. Ini juga akan memerlukan dana tetapi kaedah ini dapat memastikan bahawa golongan tersebut tidak akan menimbulkan masalah sosial dan kelayakan TVET mereka dapat memastikan kerjaya dan

masa depan mereka terjamin. Selain daripada isu-isu tersebut, isu pendidikan prasekolah juga harus diberi perhatian. Harapan saya bahawa dalam masa lima tahun akan datang kerajaan akan mewajibkan pendidikan prasekolah iaitu bagi anak-anak yang berumur lima dan enam tahun seperti di negara-negara maju.

Sebelum itu, prasarana serta pendidik terlatih patut disediakan daripada sekarang. Pendidikan prasekolah yang berkualiti juga akan menjamin mutu, asas *or foundation* pendidikan. Seterusnya membolehkan pendidikan yang efektif seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada isu warga emas, warga menua Malaysia. Malaysia telah pun diklasifikasikan sebagai negara menua oleh Bangsa-Bangsa Bersatu-*United Nations*, dengan izin. Klasifikasi ini berdasarkan bahawa tujuh peratus daripada populasi negara ini telah berusia 65 tahun ke atas. Tidak lama lagi kita orang dalam kategori inilah, 65 tahun ke atas, geng-geng sini, bukan Yang Berhormat Azha, Yang Berhormat Arman lama lagi.

Daripada populasi negara ini telah berusia 65 tahun ke atas maka, daripada 33.57 juta orang penduduk, seramai 2.3 juta orang penduduk telah pun berusia 65 tahun ke atas. Katakanlah dua peratus daripada 2.3 juta memerlukan penjagaan, maka hampir 50,000 orang rakyat kita memerlukan penjagaan, lebih-lebih lagi jika mereka ini adalah daripada golongan B40.

Pada 21 Mac 2023, melalui soalan saya nombor 55 kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya telah dimaklumkan bahawa seramai hanya 2,000 orang warga emas berada di 10 buah Rumah Seri Kenangan dan dua buah Rumah Ehsan. Pada tahun 2023, sebuah Kompleks Ehsan akan dibina maka, nampaknya mungkin sebanyak seramai 2,500 orang warga emas sahaja yang dapat ditempatkan di fasiliti-fasiliti kerajaan.

Soalan saya, adakah ia mencukupi dalam menghadapi masalah populasi negara menua ini? Memang tidak boleh dinafikan bahawa terdapat pusat penjagaan warga emas swasta. Ada yang bertaraf Lima Bintang, ada yang tidak ada bintang, *right*? Lima Bintang itu memang mahal tetapi ia adalah untuk golongan M40 dan T20.

■1650

Akan tetapi bagi golongan B40, jika mereka tidak dapat ditempatkan di fasiliti kerajaan, mereka terpaksa ditempatkan di fasiliti-fasiliti swasta dengan pembiayaan sendiri. Di sini saya ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk meneliti isu ini dengan lebih mendalam dan mempertimbangkan subsidi bagi golongan warga emas B40 yang terpaksa ditempatkan difasiliti swasta. Ini sebagai satu strategi jangka sederhana.

Bagi strategi jangka panjang pula, saya berharap bahawa kerajaan akan membangunkan lebih banyak fasiliti penjagaan warga emas selaras dengan status negara menua. Juga kerajaan boleh menimbangkan skim insurans mungkin melalui PERKESO atau

lain-lain kaedah supaya beban kewangan kerajaan dapat dikawal dalam isu ini. Saya amat prihatin dalam hal ini kerana apabila saya bersara daripada Dewan yang mulia ini, saya akan berusia hampir 65 tahun. Mungkin juga saya memerlukan fasiliti-fasiliti tersebut jika ditendang keluar dari rumah saya. Maka, itu sahaja lah yang saya ingin memberi pandangan pada hari ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menyokong usul Rang Undang-undang Perkhidmatan 2023. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan atas hujah dan juga perbahasan yang telah diberikan.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew. Dipersilakan.

4.51 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih untuk peluang untuk membahaskan rang undang-undang perbekalan tambahan 2023. Saya sebagai pembahas kedua terakhir hari ini. Tugas untuk kerajaan baharu yang ditubuhkan lebih empat bulan lalu dan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim. Tugas ini yang jelas, dengan izin, *the work for the Prime Minister ini the new government is cut out, is very clear*. Ia perlu segera menangani isu hutang negara yang tinggi dan membentangkan satu belanjawan yang baharu bagi tahun 2023 dalam masa yang singkat, empat bulan sahaja.

Belanjawan di hadapan kita ini mempunyai defisit sejumlah RM99 bilion bersamaan dengan lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) *or gross domestic product*. Sejumlah RM99 bilion ini bersamaan dengan peruntukan pembangunan bagi tahun 2023. Ini bermakna semua dana bagi pembangunan tahun ini untuk negara kita merupakan pinjaman baharu.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri menyatakan fakta ini dalam ucapan pembukaan beliau di dalam Dewan Rakyat pada 24 Februari 2023 dengan menyatakan bahawa hutang negara kita ialah RM1.2 trilion iaitu 60 peratus KDNK kita. Sekiranya kita mengambil kira liabiliti ialah RM1.5 trilion iaitu 81 peratus daripada KDNK. Bayangkan faedah sahaja berjumlah RM46 bilion bersamaan dengan 16 peratus daripada jumlah pendapatan. Pendapatan negara kita ialah RM291.5 bilion. Ini tidak mengambil kira pembayaran jumlah pokok. *We have not even talk about paying the principal*. Bayar faedah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sudah 25 tahun bajet kita berada dalam keadaan defisit. Ini bermakna bahawa hutang kita telah bertambah tiap-tiap tahun untuk 25 tahun berturut-turut. Kita belum dapat menambah baik situasi hutang kita. Soalan saya, bilakah kita dianggarkan

akan mencapai bajet seimbang dan bagaimanakah kita bercadang mencapai bajet seimbang dalam tempoh masa yang tersebut? Jawapannya senang tetapi implementasinya memang susah, memang mencabar. Kita mesti menambah hasil kita atau mengurangkan perbelanjaan atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri telah menyebut di Dewan Rakyat minggu lepas bahawa modul hasil cukai sekarang tidak mampan. Menurut beliau, hasil cukai ialah 11.5 daripada KDNK. Ini berbanding dengan 38 buah negara di bawah *The Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD), dengan izin, yang kebanyakannya berada di Eropah mempunyai hasil hutan melebihi 30 peratus daripada KDNK mereka.

Tambahan lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu rang undang-undang baharu iaitu rang undang-undang bertanggungjawab fiskal, dengan izin, *Fiscal Responsibility Act* yang akan menghadkan siling bajet negara kita pada 65 peratus daripada KDNK dan nisbah servis hutang tidak melebihi 15 peratus daripada hasil cukai.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan satu lagi had terhadap defisit bajet. Adakah Malaysia akan berbuat begitu dalam rang undang-undang ini. Jiran kita Indonesia mempunyai satu undang-undang yang menghadkan kepada 3 peratus daripada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang merumitkan situasi ini lebih lagi ialah lebih 22 peratus daripada hasil kita datang daripada sumber yang tidak dapat diperbaharui iaitu dari minyak dan gas? Pada tahun lepas, Petronas telah menyumbang RM55 bilion kepada kerajaan dan majoriti wang ini kekayaan datang dari Sarawak dan Sabah. Kebanyakan wang ini pun sudah beberapa dekad yang lepas sudah dibazirkan termasuk projek-projek mega dan *bailout*.

Di Dewan yang mulia ini kita ada dengar daripada kita punya Senator dari Sarawak dan Sabah masih banyak isu-isu pembangunan di Sarawak dan Sabah. Kita tidak ada keuntungan dari minyak dan gas untuk negara kita. Duit ini dari Sarawak dan Sabah tetapi kita orang dari Sarawak dan Sabah tidak *enjoy* ini punya *benefit*.

Bajet 2023, memperuntukkan beberapa bentuk sumber hasil baharu melalui cukai seperti cukai kemewahan, *luxury tax*, dengan izin. Akan tetapi ini telah ditarik balik buat masa ini. Penambahan kadar cukai pendapatan bagi mereka yang berpendapatan tinggi akan mendatangkan sedikit hasil tambahan tetapi ini akan diimbangi oleh pengurangan kadar cukai bagi golongan M40. Pengenalan kadar cukai efektif minimum global merupakan satu inisiatif baharu dan bagus.

Soalan saya ialah berapakah anggaran hasil tahunan daripada inisiatif ini. Adakah ini akan mendapatkan cukai hasil yang signifikan memandangkan kadar cukai kita bukanlah

antara kadar yang rendah. Pada pandangan saya, kerajaan belum mempunyai sumber hasil baharu yang signifikan dalam bajet untuk tahun ini.

Akhirnya, kerajaan akan terpaksa memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan iaitu GST sebab ini masih merupakan bentuk cukai yang paling efisien berbanding dengan Cukai Jualan sekarang.

■1700

Perancangan untuk memperkenalkan semula GST harus bermula secepat mungkin. Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad Ibrahim bahawa cukai harus bermula dengan rendah iaitu tiga peratus. Saya lagi cadang, ini diikuti dengan tambahan tahunan sebanyak satu peratus setiap tahun sehingga kita capai enam peratus sebelum penambahan ini dihentikan sekejap untuk dikaji semula.

Sekiranya kita mahu hasil cukai bertambah, ekonomi kita mestilah bertambah baik. Kerajaan mesti berusaha dengan sedaya upaya untuk memastikan ekonomi negara bertambah baik. Tambahan lagi, kerajaan mesti berhemah dan penyaluran dana yang terhad kepada bahagian yang betul-betul memerlukannya. Terlalu banyak hasil kita telah digunakan untuk membayar faedah hutang kerajaan dan komitmen untuk menjamin kefungsian sektor awam dan swasta.

Sebagai contoh, RM34.87 bilion diperuntukkan bagi membiayai komitmen jaminan dan liabiliti kerajaan yang merangkumi bayaran *public-private partnership* di dalam Unit Kerjasama Awam-Swasta (PPP) (UKAS) dan bayaran jaminan yang dijamin oleh kerajaan. Apa pecahan terperinci bagi bayaran sejumlah RM34.80 bilion ini? Berapakah baki yang kerajaan mesti bayar lagi bagi pihak *public-private partnership*?

Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir negara kita mempunyai bajet lebihan, dengan izin, *with a surplus budget* pada tahun 1997 iaitu tahun krisis kewangan Asia bermula. Sejak itu, kita telah berbelanja lebih daripada kita untung.

Marilah kita melihat balik negara-negara yang telah terjejas semasa krisis kewangan pada tahun 1997. Negara-negara yang paling teruk terjejas seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan. KDNK per kapita bagi ini negara ialah 56.4 peratus, 30.4 peratus dan 29.6 peratus masing-masing. Dua puluh lima tahun kemudian, kita lihat bahawa KDNK per kapita bagi Korea Selatan telah bertambah daripada kurang USD10,000 sampai sekarang USD35,000 dan sekarang telah menjadi ekonomi yang ke-13, besar di dunia. Manakala sebaik sahaja selepas Perang Korea pada 1950-an, ia merupakan negara yang paling miskin di dunia.

Kenapa ekonomi seperti negara Korea Selatan, Jepun dan malah Singapura telah mencapai pembangunan yang begitu cepat? Apakah yang mereka buat yang berlainan dengan kita?

Saya ada dengar apa yang dijelaskan oleh kawan saya iaitu Tan Sri Fatmi dan Datuk Azhar. Saya bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh mereka- *on how the country can move forward. That is the only way.* Kita mesti ada perpaduan, kita mesti ada kestabilan politik. Selain daripada itu, kita pun mesti mentransformasikan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Penjelasan, penjelasan. Setuju tidak, Yang Berhormat Senator, kalau saya katakan dia mesti bermula daripada pihak kerajaan dahulu? Umpamanya, peruntukan bagi tiap Ahli-ahli Parlimen. Kalau semua dapat, maka tidak timbul kemarahan daripada pihak yang tidak dapat. Baru timbul kesepakatan. Boleh setuju tidak?

Misal kata negeri Sarawak tidak dapat duit yang sepatutnya *belongs to Sarawak*, dia marah. Macam Kelantan, tidak dapat duit yang kami *dok* tuntutan itu hari, kami pun marah. Jadi kalau diberi, kemarahan itu reda. Maka perpaduan akan berlaku. Minta penjelasan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Saya berasa apa yang disebut oleh Tan Sri, hal perpaduan ialah perpaduan seluruh rakyat, bukan negeri sama negeri. Akan tetapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Mohd Apandi.

Semua negeri mesti ada perpaduan. *We must agree.* Hala tuju kita di mana. Tidak boleh ambil duit dari sana pergi lain tempat, minta tolong rakyat di lain tempat. *We must be fair to everyone- must. There must be accountability at the end of the day.*

Untuk mentransformasikan ekonomi kita, kita terpaksa mentransformasikan masyarakat kita. Pakar-pakar ekonomi dan penyelidikan bersetuju atas beberapa perkara. Saya akan menonjolkan dua perkara di sini.

Pertama, kualiti pendidikan. Sistem pendidikan mesti dapat menghasilkan tenaga kerja yang berkualiti dan pekerja mahir. Kedua, pelaburan yang tinggi dalam penyelidikan dan pembangunan iaitu *research and development*, dengan izin. Kedua-dua perkara tersebut adalah berstruktur dan berjangka panjang dan bergantung kepada pendidikan.

Peratusan yang paling besar dalam bajet tahunan diperuntukkan kepada pendidikan yang merangkumi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Bagi tahun ini, angkanya ialah RM70.5 bilion bersamaan dengan 24 peratus daripada hasil kita atau 18 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Ini telah berterusan selama beberapa tahun sudah.

Berapakah daripada peruntukan bagi institut pengajian tinggi diperuntukkan bagi penyelidikan dan pembangunan untuk negara kita? Jika dibandingkan dengan Korea Selatan, dia ada R&D punya peruntukan KDNK 4.5 sampai 5.0 peratus tiap-tiap tahun. Kalau kita tengok negara di OECD, iaitu 38 buah negara di *Europe*, dia orang perbelanjaan untuk R&D setiap tahun ialah 2.5 sampai 3.0 peratus KDNK. Apakah angka kita di negara kita?

Satu lagi cara untuk mengurangkan hutang ialah mengurangkan perbelanjaan. Ini bukan senang sebab sebarang pengurangan secara drastik akan menyebabkan ketegangan sosial atau pergolakan sosial. Apa yang boleh dibuat ialah mengurangkan lebih banyak

pembaziran dan mengurangkan subsidi. Tindakan afirmatif mestilah ditunjukkan kepada mereka yang perlu iaitu B40.

Terdapat banyak skim dalam belanjawan untuk membantu dan memperbaiki ekonomi. Sebagai contoh, terdapat enam skim kredit mikro melalui BSN, TEKUN dan Bank Negara Malaysia berjumlah RM1.6 bilion. Dana BNM untuk... *[Alarm masa berbunyi]* Mahu dua, tiga minit lagi, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Sebab, Yang Berhormat Apandi, ada curi dua minit daripada saya... *[Ketawa]*

Dana Bank Negara Malaysia untuk PMKS dengan peruntukan sebanyak RM9.7 bilion dengan sembilan program skim yang berlainan. Pinjaman mudah PKS berjumlah RM3.6 bilion melalui 15 buah agensi yang berlainan dan 15 lagi program yang berlainan dan skim jaminan pembiayaan perniagaan.

Soalan saya, berapa lamakah program-program ini atau skim-skim tersebut telah berjalan? Berapa berkesan program atau skim tersebut? *These scheme's effective. How much has be banked and for how long?* Kita ada buat satu *examination. Do a study.* Jangan buat terus tiap-tiap tahun ikut yang buat dahulu. *Is it effective or not?* Berapa perniagaan yang telah mendapat manfaat daripada program atau skim tersebut dalam tempoh 10 tahun yang lepas dan berapa dari arahannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi isu spesifik, lima isu spesifik. *Kasi* saya dua minit lagi. Saya akan cepatkan. Nombor satu ialah pelancongan. Dalam bajet, ada RM1.6 bilion untuk penambahbaikan infrastruktur. Ini ialah di tempat Cameron Highlands, Melaka, Port Dickson, Sepang, lorong memotong di *Senai-Desaru Expressway* dan Lebuhraya Utara-Selatan di Senai Utara, Johor Bahru dengan kos berjumlah RM525 juta.

■1710

Soalan saya, mengapa dana untuk pelancongan digunakan bagi menambahbaikan lebuhraya yang merupakan sebahagian dari lebuhraya bertol. *Why is money spend on a toll road* untuk pelancongan? Berapakah daripada dana tersebut telah diperuntukkan pada Sarawak dan Sabah di mana bandar destinasi pelancongan sesusah diakses?

Kedua, capaian internet. Sebanyak RM725 juta telah diperuntukkan bagi *national fiberisation and connectivity plan*. Manakah lokasi untuk pelaksanaan pelan ini ada lagi? Ada lagi RM1 bilion juga diberi bagi *industry digitalization transformation scheme*. Sila berikan perincian mengenai perbelanjaan ini digunakan. Berapakah daripada jumlah ini telah diperuntukkan untuk Sarawak dan Sabah?

Ketiga, perubatan dan sistem kesihatan. Berapa telah diperuntukkan bagi menaik taraf 26 buah hospital? Jumlah hospital dari bandar ini yang terletak di Sarawak dan Sabah...? Di mana hospital mereka tersebut dan berapakah peruntukan untuk setiap hospital.

Keempat, RM100 juta diperuntukkan untuk menggantikan peralatan pertabalan yang *obsolete*. Ini amat tidak mencukupi memandangkan banyak peralatan yang diklasifikasikan sebagai *beyond economic repair*. Di Sarawak 75 peratus peralatan *medical* iaitu BER pada tahun 2021 dan untuk seluruh negara ialah 30 peratus alat yang sudah dijangka *beyond economic repair*.

Kelima, terakhir, *government link company* (GLC). Nilai pelaburan kumulatif bagi GLC yang telah dinilai pada RM50 bilion, berapakah keuntungan kumulatif bagi syarikat-syarikat ini bagi tempoh lima tahun yang lepas? Soalan lagi ialah, adakah syarikat-syarikat ini beroperasi di industri-industri strategik nasional? Sekiranya begitu sila tunjukkan senarai syarikat tersebut. Soalan terakhir ialah, adakah mana-mana syarikat tersebut yang bersaing dengan syarikat persendirian? Kalau ada ia memang tidak boleh berniaga sama *to compete with local company*. GLC ialah untuk *strategic industries* sahaja. Jangan disuruh lain *be involved with business that private sector can do*. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang terakhir iaitu Yang Berhormat Datuk John Ambrose, dipersilakan.

5.13 ptg

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya *first time* ini saya *last* pembahas. Pembahas fasal belanjawan ini, saya nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang sentuh kos sara hidup di mana kalau kita tengok sara hidup ini bukan sahaja di Sabah tetapi di semua negeri. Jadi, saya nampak ramai sahabat saya sudah sentuh.

Jadi, bila kita cakap fasal sara hidup saya rasa yang penting *next alternative is* kita mahu bagi naik gaji. Gaji kepada B40 sama M40. Akan tetapi bila kita bagi naik gaji B40 sama M40 ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ada orang yang itu dia bagi naik juga harga barang. Jadi, kerajaan harus kawal ini. Apabila kita naik gaji jangan pula kasi naik barang. *There is no use* apabila naik gaji naik barang juga. Itu yg patut dikaji oleh kerajaan supaya kita tengok jangan pula bila naik gaji dia naik barang.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua kerana PKS ini ada dua kawan sudah sentuh saya tidak sentuh PKS ini. Saya sentuh yang pasal itu hari saya ada cakap fasal Sabah dan Sarawak menjadi *food hub* dan saya mintalah kementerian ini harus menjawab persoalan ini kerana kita ada banyak tanah di Sabah. Tanah yang luas termasuklah Sarawak pun tanah luas. Kalau kita tidak kasi jadi dengan *food hub* ini, sayang. *Food hub* ini kerana dahulu saya berkesempatan berjumpa sama- diberi peluang oleh Menteri Pertanian dahulu di mana dia

cakap dengan saya bagus tanam jagung bijirin kerana import untuk barangan makanan binatang ini mahal sekarang.

Jadi, bila tanah luas di Sabah dan saya ada kesempatan pula bercakap dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bersetuju untuk memberikan tanah kepada GLC di Sabah.

Saya mintalah kalau boleh kerajaan sekarang ini mesti ambil kesempatan ini supaya kita punya *food shortage* tidak ada lagi kalau ada Sabah dan Sarawak menjadi *food hub*. Akan tetapi bila kita menjadi *food hub* kita mesti ada promosi. Promosi pergi keluar negara untuk makanan-makanan tempatan ini termasuk mungkin daging pun boleh. Tadi ada seorang Senator yang cakap fasal daging- fasal Dato Low itu dia memelihara ini sapi- yang paling banyak di Sabah, dan dia juga akan bagi pada sekolah-sekolah di Sabah juga *free*.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya mahu cakap fasal sekolah daif ini. Tadi, sekolah daif ini di Sabah dan Sarawak ini terkenal sekolah daif. Nampaknya kalau sekolah daif ini saya haraplah Kerajaan Malaysia MADANI ini dapat selesaikan dengan cepat kerana tidak adil lah orang-orang di pedalaman ini budak sekolah ini tidak dapat pergi sekolah yang cantik apa lagi jangan bilang sekolah cantik lebih lagi tiada Internet. Kalau boleh kerajaan pendidikan ini bekerjasama sama Kementerian Komunikasi dan Digital ini pastikan ada internet supaya anak-anak murid di pedalaman ini mendapat keadilan dengan sama apa yang tuisyen kena bagi di bandar.

Satu lagi saya minta pada Kerajaan Madani ini yang dijanjikan RM50 juta ke atas. Saya harap RM50 juta ke bawah semua kerajaan negeri menjadikan tender itu, saya harap boleh kasi naik *from time to time* sampailah RM100 juta.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia ini, hospital. Hospital ini saya tengok sangat penting kerana kita tidak tahu ini COVID-19 punya jangkitan masih belum habis lagi. Ada saya terbaca satu berita bahawa satu jangkitan COVID-19 yang baharu dia lebih bahaya lagi. So, kalau ada hospital di semua Parlimen di negeri Malaysia ini, saya rasa bolehlah kita rasa lega sedikit kerana bila kita dapat COVID-19 kita pergi hospital yang dahulu-dahulu yang saya ingat bila ada COVID-19 itu kadang-kadang *hospital bed* pun tiada. Jadi, lebih eloklah kalau ada hospital di semua Parlimen di Malaysia ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah banjir. Banjir di sabah ini dan juga di seluruh Malaysia ini nampak bukan alang-alang dia punya banjir.

■1720

Saya haraplah kalau boleh Kerajaan Malaysia Madani ini berilah peruntukan yang cukup-cukup besar dan beri keutamaan kepada banjir-banjir ini. Bukan sahaja di negeri saya. Tadi saya nampak di Johor, di lain-lain, di Kelantan, di banyak tempat seperti di Kedah, semua kena banjir. Jadi saya mintalah kalau Kerajaan Madani ini, berilah tumpuan yang terbaik untuk mengatasi masalah banjir di Sabah dan di seluruh Malaysia.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah rumah PPRT. Ini kerana Sabah ini terkenal dengan negeri yang banyak *district* yang miskin. Jadi saya mintalah kalau boleh PPRT ini diberi banyak sedikitlah pada Sabah dan Sarawak. Ini kerana kalau kita tengok orang-orang Sabah ini, dia banyak tanah tapi rumah PPRT itu. Kerajaan Sabah ada *bikin* rumah kepada rakyat Sabah kerana PPRT ini tidak mencukupi. Kerajaan Sabah telah bagi 21 DUN SMJ atau Sabah Maju Jaya punya rumah diberi kepada orang-orang miskin ini. Saya harap kalau boleh Kerajaan Madani ini tambahlah sedikit PPRT di Sabah.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah di *airport* kita ini. Di *airport*- KKIA saya tengok nampak kotor Tuan Yang di-Pertua dan kadang-kadang tiada *aircond*. Apabila *tourist* datang, *the first impression* apabila dia sampai ke Kota Kinabalu ialah *airport*. Kalau dia punya jamban pun kotor, tiada *aircond*, *the first impression will be very bad for the tourist*. Saya mintalah kalau boleh, kementerian yang terlibat ini pastikanlah, *cleanliness* ini *very important*.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah kerana kita selalu bercakap fasal MA63 ini Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kali ini dapatlah kita selesaikan apa masalah-masalah MA63 termasuklah *40 percent of tax* itu patut diberikan pada Sabah. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya harap MA63 dapat diselesaikan dengan baik supaya kekuatan Perdana Menteri ke-10 ini di Sabah dan Sarawak makin kuat kerana apabila kita tengok *survey* daripada *group* nampak bahawa Perdana Menteri ini kurang sambutan di kawasan Melayu. Ini kita terus terang tetapi dia dapat kelebihan di Sabah dan Sarawak.

Jadi kalau boleh, saya mintalah kepada Yang Amat Berhormat, berilah perhatian dengan baik supaya Sabah dan Sarawak boleh menjadi tempat dia mendapat sokongan daripada Bumiputera dari Sabah dan Sarawak. Dengan kata-kata itu, salam Madani kepada semua dan sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ada satu pantunlah. Kalau bolehlah. Satu sahaja. Ini pun saya minta tolong orang.

*Dari Sabah sudah ke mari,
Beli suasa di Kota Tinggi;
Selesai sudah tugas diberi,
Esok kita bersua lagi.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk John Ambrose atas perbincangan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah selama tiga hari diuntukkan untuk perbincangan Belanjawan 2023 iaitu bermula hari Rabu, Khamis dan hari ini. Seramai 50 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian perbincangan bagi Belanjawan 2023 ini... [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, turut dirujuk adalah usul di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1) yang telah pun diluluskan oleh Majlis ini pada 28 Mac 2023. Maka Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa 4 April 2023. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.25 petang]